

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 1**Selasa****22 Mac 2005**

K A N D U N G A N**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Titah Ucapan Diraja (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 2)
- Kebenaran Bercuti (Halaman 4)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 4)**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1):**

- * **Sosej Halal Campur Usus Babi**
- *Y. B. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]* (Halaman 29)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 31)**USUL-USUL:**

- Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen (Halaman 31)
- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 32)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 22 Mac 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN DIRAJA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan pada Majlis ini iaitu pada 21 Mac 2005, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen.

Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam penyata rasmi.

[Teks Titah Ucapan Diraja adalah dilampirkan]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004,
2. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004,
3. Akta Perbekalan Tambahan 2004,
4. Akta Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2004,
5. Akta Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004,

6. Akta Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2004,
7. Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004,
8. Akta Perbekalan 2005,
9. Akta Kewangan 2004,
10. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2004,
11. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004,
12. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004,
13. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 2004,
14. Akta Laporan Kewangan (Pindaan) 2004,
15. Akta Sewa Beli (Pindaan) 2004, dan
16. Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang parlimen penggal itu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“21 Disember 2004

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004,
2. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004,
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2004 (2004),

4. Rang Undang-undang Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2004,
5. Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004,
6. Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2004,
7. Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran 2004,
8. Rang Undang-undang Perbekalan 2005,
9. Rang Undang-undang Kewangan 2004,
10. Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2004,
11. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004,
12. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004,
13. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 2004,
14. Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2004, dan
15. Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

“19 Januari 2005

**Perutusan Daripada Dewan Negara
Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Mahadzir bin Mohd Khir – ahli bagi kawasan Sungai Petani dari 21 Mac hingga tamat sidang Dewan Rakyat yang berjalan sekarang.

JAWAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta Perdana Menteri menyatakan penilaiannya mengenai usaha membanteras rasuah di Malaysia sejak beliau menjadi Perdana Menteri dan apakah iktibar yang didapati dari kegagalan Kerajaan Kenya yang pernah menjadikan pembanterasan rasuah sebagai janji pilihan rayanya dua tahun Tuan Yang di-Pertua lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, usaha pembanterasan jenayah rasuah meningkatkan integriti masyarakat, memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengurangkan kerenah birokrasi merupakan antara fokus dan tumpuan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tekad dan keazamannya untuk meneruskan kempen memerangi rasuah secara habis-habisan adalah agenda khusus dan bukannya sekadar janji manis atau janji pilihan raya kerana kerajaan yang ada akan membuktikan bahawa mereka bekerja untuk rakyat dan bukan untuk mendapat undi. Semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih teraju kepimpinan negara, usaha-usaha pembanterasan jenayah rasuah begitu aktif dilaksanakan termasuklah penyelesaian beberapa kes besar dan pendakwaan individu-individu ternama.

Komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah terbukti apabila sepanjang tahun 2004, Badan Pencegah Rasuah telah membuat 497 tangkapan dan jumlah ini merupakan bilangan tangkapan tertinggi yang pernah dibuat oleh badan ini sejak

penubuhannya. Jumlah tersebut merupakan peningkatan sejumlah 158 tangkapan iaitu 46.6 % berbanding dengan 399 tangkapan dalam tahun 2003.

Komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan untuk meningkatkan integriti dan menghapuskan jenayah rasuah terus dibuktikan dengan pengenalan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan pengwujudan Institut Integriti Malaysia (IIM) yang antara lain mensasarkan untuk:

- (i) mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan,
- (ii) untuk meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi, dan
- (iii) untuk meningkatkan tadbir urus korporat etika perniagaan.

Ke arah meningkatkan keberkesanan tindakan memerangi rasuah, kerajaan juga telah bersetuju dengan penubuhan Akademi Pencegahan Rasuah yang akan menjadi pusat latihan bagi pegawai BPR Malaysia, agensi-agensi Kerajaan Malaysia dan pegawai agensi pencegahan rasuah di rantau Asia Pasifik dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran bersama dalam bidang pencegahan jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Pembangunan akademi ini sedang giat dijalankan dan dijangka operasi awal akan dapat dimulakan pada pertengahan tahun 2005.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bukannya benar bahawa suatu iktibar daripada krisis perlembagaan dan korupsi di Kenya untuk kita ialah bahawa retorik membanteras rasuah kalau tidak diikuti dan disusuli dengan tindakan yang konkrit di mana seperti di Kenya bahawa menteri-menteri kanan, pembesar-pembesar dikecualikan daripada tindakan penangkapan dan pendakwaan. Akhirnya akan menuju ke arah suatu kegagalan dalam usaha membanteras rasuah dan apa tindakan akan mengesahkan kempen anti rasuah termasuk mengambil tindakan terhadap pembesar-pembesar atau ikan yu-ikan yu tidak dikecualikan daripada kempen itu dan dengan ada institut-institut yang ada gigi bukan dengan sahaja dengan akademi pencegah rasuah, Institut Integriti Malaysia yang tidak ada gigi untuk membanteras rasuah.

Datuk Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ini menyanyi lagu lama, sama ada dia pekak, dia buta ataupun dia tidak baca surat khabar, saya tidak tahulah. Kalau kita lihat dalam tahun yang lepas sahaja, ada orang-orang yang tertentu yang disebutkan sebagai ikan yu atau ikan jerung, telah pun ditangkap.

Tetapi kalau orang yang besar itu tidak ada masalah, tidak ada kes, hendak tangkap hendak buat apa, semata-mata hendak tunjuk kita ini ambil tindakan terhadap rasuah. Saya harap supaya Yang Berhormat akan sedar iaitu bahawa kita tidak perlu ambil iktibar daripada Kenya. Sebelum Kenya berlaku pun kita telah berazam untuk menghapuskan rasuah ini. Sebab itu saya sebut di peringkat awal tadi iaitu tekad dan keazaman kita untuk meneruskan kempen memerangi rasuah secara habis-habisan adalah agenda khusus dan bukannya sekadar janji-janji manis atau janji pilihan raya kerana kerajaan yang ada akan membuktikan bahawa kita bekerja untuk rakyat bukan untuk mendapat undi.

Saya berharap supaya *bench mark* sama ada kita bekerja ataupun tidak, bukanlah berdasarkan kepada berapa ikan yu yang kita tangkap. Saya harap supaya Yang Berhormat akan faham tentang perkara ini.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah rasuah ini sememangnya bukan masalah yang lama, tetapi satu perkara yang terus menjadi isu terkini yang harus diberikan perhatian yang paling berat, kerana walaupun pada masa yang lampau - saya ingin menunjukkan satu contoh di sini bagaimana seriusnya penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan misalnya di Bukit Cahaya yang berlaku baru-baru ini. Bagaimanakah simpanan hutan boleh digazet dan diagihkan kepada begitu banyak pemaju?

Sekarang ini apabila cerun bukit dipotong dan menjadi satu isu yang menarik perhatian negara, maka timbullah rayuan-rayuan dan tindakan yang harus diambil. Bukankah Yang Berhormat Menteri boleh mengingati satu perkara di mana kerana masalah yang tidak dapat dipelajari oleh kerajaan dan tindakan tidak diambil terhadap 'Ikan Yu' yang melibatkan diri dalam perkara itu iaitu ...*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bahawa pada satu dekat yang lalu, *[Dewan mula riuh]* Hutan Simpanan Pasir Puteh, juga di negeri

Selangor, digazet menjadikan kawasan-kawasan perumahan telah diagihkan kepada 15 orang pemaju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta kemukakan soalnya, ya?
[*Dewan riuh*]

Tuan Tan Kok Wai: Soalan saya ialah seperti mana yang sebutkan lebih awal tadi. Masalah rasuah ini masih serius dan makin hari semakin serius bukan satu isu lama, bukan lagu lama tetapi masalahnya apakah kerajaan kekurangan *political will* untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masalahnya dia tidak faham Bahasa Melayu. Itulah masalahnya. Saya kata 'nyanyi lagu lama' sebab tahun lepas tanya soalan yang lama juga. Itulah yang dimaksudkan dengan 'lagu lama' bukan maknanya rasuah itu satu perkara yang sudah tidak menjadi satu isu lagi sekarang, itu bezanya, Yang Berhormat Cheras! Pergi belajar balik Bahasa Melayu sikit, ya? Biar faham!

Memang kita bersetuju bahawa di mana-mana juga soal rasuah ini bukan boleh selesai - apa yang orang kata boleh dimatikan sekali gus. Di Amerika Syarikat pada hari ini pun kalau kita tengok banyak rasuah sedang berlaku di sana. Di Amerika Syarikat, di United Kingdom, di sana pun ada lagi rasuah! Apa yang perlu dilakukan ialah setiap kali rasuah berlaku kita mengambil tindakan, itu yang penting.

Jadi, saya berharap supaya Yang Berhormat faham tentang perkara ini dan jangan emosi, ya? Soalan yang mengatakan di negeri Selangor ada berlaku, ya, kita akan mengambil tindakan kalau ada pengaduan yang dibuat kepada pihak BPR.

2. **Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berhubung dengan kebakaran di Kilang Kimia Zue Huat, Kampung Jaya, Perai, Pulau Pinang;
- (b) mengapa kementerian boleh membenarkan sebegitu banyak bahan kimia disimpan di kilang tersebut, sedangkan ia terletak berdekatan dengan taman perumahan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, Kilang Zue Huat Sdn. Bhd. yang terletak di kawasan perindustrian Prai telah menjalankan aktiviti perolehan kembali bahan-bahan pelarut terpakai telah terbakar pada 17 November tahun 2004. Susulan daripada insiden tersebut, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan notis arahan supaya mengawal tumpahan bahan kimia dan menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan secepat mungkin.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kilang berkenaan telah mematuhi notis arahan tersebut dan kerja-kerja pembersihan telah selesai dijalankan pada 24 Februari 2005. Semua sisa buangan terjadual telah dihantar ke Pusat Pengurusan Buangan Terjadual Bersepadu Kualiti Alam Sdn. Bhd. di Negeri Sembilan untuk tujuan pelupusan.

Bagi bahagian (b), Kilang Zue Huat Sdn. Bhd. adalah terletak di dalam kawasan perindustrian Prai dan telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar ataupun dengan izin, *Environmental Impact Assessment* (EIA) pada 13 Julai 1994. Kilang ini telah mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA dan syarat-syarat lesen tersebut. Walau bagaimanapun, selepas ia beroperasi sekian lama, barulah taman-taman perumahan mula dibina berdekatan dengan premis kilang tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Kawan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pada tahun 1994 memang kilang tersebut tidak ada apa-apa bahan kimia. Selepas 10 tahun kemudian iaitu dalam tahun 2003 barulah ia beroperasi terhadap bahan-bahan kimia. Kilang tersebut dalam jangka masa seminggu terbakar dua kali, maka soalan tambahan saya ialah bagi mengelakkan tragedi seperti ini berlaku lagi, tidak kiralah di mana, di Pulau Pinang atau di Johor, saya minta Yang Berhormat menjelaskan, apakah kaedah-kaedah seperti dengan izin, *Emergency Response Plan* dan *Standard Operating Procedure* yang diguna pakai oleh kementerian pada masa kini. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Alam Sekitar sememangnya telah mempunyai *Emergency Response Plan* (ERP). Tetapi walau bagaimanapun, kemungkinan *Emergency Response Plan* ini jarang dilakukan,

jarang keadaan kecemasan berlaku, jadi respons terhadap kes-kes *emergency* kadang-kadang lewat sedikit. Ini berlaku dan pihak kami di kementerian telah pun mengadakan satu pasukan *flying squad*, di mana kita akan memantau kilang-kilang yang beroperasi secara kritikal, maksudnya kilang-kilang yang mempunyai *high risk* dengan izin, untuk berlaku sekali lagi. Pihak Jabatan Alam Sekitar juga akan mengkaji kesesuaian kilang tersebut sekiranya mereka ingin beroperasi sekali lagi dan akan membuat cadangan-cadangan yang sewajarnya supaya mungkin akan dipindahkan ke tempat-tempat yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [*Ketawa*] Insya-Allah, Santubong mengemukakan soalan yang bagus. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepuluh tahun yang lepas, kilang ini dibuat oleh kerana tidak ada taman-taman ataupun perumahan yang berdekatan dengan kilang tersebut. Selepas 10 tahun kita ada kilang dan ada perumahan. Adakah ini menunjukkan kelemahan dalam rangka pelan untuk melaksanakan perumahan dan perkilangan yang tidak diasingkan perumahan dengan perkilangan, dan apakah input dibuat oleh kementerian supaya ini tidak berlaku pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebenarnya yang membuat *master plan* untuk kawasan-kawasan industri, kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya. Banyak kes yang berlaku seperti juga dalam keadaan Zoo Negara, di mana zoo tersebut telah dibuka pada tahun 1963. Pada masa itu ia terletak dalam kawasan di tengah-tengah hutan di Hulu Klang, tetapi pada tahun 2004 kita tengok di sekeliling zoo tersebut telah dibina dengan perumahan-perumahan dan mereka yang mendiami kawasan ini selalu kompelin bau busuk, bunyi haiwan dan sebagainya. Tetapi kita harus ingat bahawa zoo tersebut telah berada lebih daripada 50 tahun di sana. Jadi, ini adalah salah satu daripada apa yang berlaku di dalam keadaan sekarang.

Cuma saya berpendapat bahawasanya kerajaan tempatan di dalam membuat *planning* ataupun *master plan* untuk sesuatu bandar tersebut haruslah mengambil kira untuk jangka masa yang lebih daripada 10 atau 20 tahun. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah. Minta Yang Berhormat bagi Kudat mengemukakan soalan.

3. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah program dan langkah-langkah yang telah dilakukan untuk menstrukturkan semula sekretariat dan piagam OIC supaya ia menjadi pertubuhan yang relevan bukan sahaja dari segi politik tetapi juga dalam bidang ekonomi. Apakah kegagalan Malaysia untuk merebut jawatan Setiausaha Agung OIC akan menghalang pelaksanaan wawasan tersebut.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan berkenaan dengan OIC. OIC ini ditubuhkan pada 25 September 1969. Setelah sekian lama ianya ditubuhkan dan ia ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan untuk menaikkan nama dan imej negara-negara Islam apabila pihak tertentu telah membakar Masjidil Aqsa. Jadi, ia respons kepada keadaan yang sedemikian. Tetapi pada masa kini kita mendapati dengan perkembangan dunia dan peringkat antarabangsa, ia perlu kepada perubahan.

Oleh itu Malaysia sebagai salah sebuah negara asas kepada OIC telah mengusulkan perubahan dan penstrukturan OIC dibuat dan ini diterima secara *consensus*. Ini adalah satu perkembangan yang amat menggalakkan dan kita juga telah diberikan amanah untuk mengetuai sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Setiausaha Agung OIC, Bank Pembangunan Islam Saudi Arabia dan Qatar untuk melaksanakan proses penstrukturan semula Sekretariat OIC dan peranannya untuk ianya menjadi lebih berkesan demi kepentingan dan manfaat kepada negara-negara ahli.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat perunding dari Malaysia, ACCENTURE telah juga dilantik untuk membuat kajian mengenai penstrukturan OIC dan mereka telah pun menyerahkan hasil laporan kepada Setiausaha Agung pada bulan Julai 2004. Laporan tersebut, insya-Allah akan dibincangkan di peringkat Menteri Luar apabila Menteri-menteri Luar OIC akan mengadakan mesyuaratnya pada 28 hingga 30 Jun tahun ini di Sana'a, Yaman.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu walaupun ianya masih di peringkat laporan yang diberikan oleh syarikat perunding, namun begitu Setiausaha Agung OIC

telah memperkukuhkan aspek pentadbiran dan pengurusan dan melaksanakan beberapa syor-syor yang dibuat oleh syarikat perunding bagi menentukan OIC akan terus segar subur dalam melaksanakan peranannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 27 hingga 29 Januari lepas kita telah mengadakan mesyuarat pertama Suruhanjaya Tokoh-tokoh Kenamaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC CEP). Mesyuarat tersebut telah membincangkan isu-isu dan masalah yang berkepentingan kepada negara Islam dan ummah dengan terbuka termasuk keperluan penstrukturan semula Sekretariat Agung OIC dan sistem OIC. Ini adalah bagi membolehkan Sekretariat Agung OIC berfungsi sebagai '*focal point*', dengan izin dengan berkesan demi mencapai objektif Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam.

Pada pandangan Malaysia, Setiausaha Agung yang baru ini adalah seorang yang aktif, komited dan begitu berdedikasi untuk mengubah bentuk dan corak OIC. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sendiri sentiasa membawa perkara ini dalam perbincangan dengan rakan sejawat dari negara-negara OIC lain berkenaan penstrukturan dan penyusunan semula. Mereka menyokong usaha kita.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil dari segi untuk menentukan OIC akan menjadi sebuah badan yang lebih relevan kepada perkembangan masa kini, beberapa program yang konkrit telah diambil bagi memajukan dan memudahkan hubungan perdagangan di kalangan negara-negara OIC. Misalnya penggunaan dinar emas (*gold dinar*) dalam perdagangan antarabangsa, kaedah insuran takaful, menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dengan izin, *Islamic Financial Services Board* dan menganjurkan mesyuarat-mesyuarat di dalam bidang berkenaan di negara kita. Selain daripada itu, Sistem Perbankan Islam juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh negara-negara OIC.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Jawatankuasa Pelaksanaan Wawasan 1441 sedang berlangsung di Kuala Lumpur untuk memperkemas strategi bagi merealisasikan Wawasan OIC. Malaysia telah mencadangkan program peningkatan kapasiti untuk negara-negara OIC bertujuan khusus bagi membantu negara-negara tersebut memperkukuhkan kapasiti dalam membangunkan ekonomi agar kemiskinan dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perdagangan. Jumlah perdagangan negara-negara OIC adalah USD944 bilion dan ini adalah 7% daripada jumlah keseluruhan perdagangan dunia. Bagi Malaysia, Malaysia punya nilai perdagangan dengan negara-negara OIC adalah sebanyak USD16.1 bilion, di mana jumlah eksport kita kepada negara OIC adalah USD9.2 bilion. Oleh itu, OIC adalah rakan perdagangan kita yang penting negara-negara OIC dan kita akan terus memainkan peranan.

Berkenaan kita punya kegagalan di dalam pemilihan Setiausaha Agung, saya tidak menganggap itu sebagai satu rintangan tetapi sebenarnya ia mempunyai banyak hikmah. Daripada situ ia telah dapat memperkenalkan sistem demokrasi dan konsensus dalam OIC dan membawa banyak manfaat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selaku Pengerusi OIC, Malaysia adalah memainkan peranan sepatutnya untuk membangunkan semula Iraq, selepas pilihan raya yang telah ditaja oleh Amerika dan, saya ingin meminta penjelasan, apakah peranan OIC dalam usaha untuk membangunkan Iraq. Selain dari itu saya juga ingin meminta penjelasan tentang proses damai yang berlaku di Palestin dan apakah harapan terhadap pelantikan Presiden baru Mahmoud Abbas, dalam usaha untuk mendapat kedamaian di Palestin. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan negara-negara OIC lain adalah telah memberi sokongan di atas adanya pilihan raya di Iraq untuk memulakan proses perubahan di negara Iraq tetapi proses ini adalah satu proses permulaan, keadaan yang tidak menentu masih lagi wujud dan keadaan keganasan masih lagi wujud. Untuk membolehkan pembangunan semula dilakukan di Iraq, ia memerlukan suasana yang aman, selamat dan stabil.

Oleh itu, Malaysia telah menawarkan beberapa perkara untuk kita turut terlibat, tetapi buat masa ini, oleh kerana keadaan tidak menentu maka peranan kita setakat menunggu kepada suasana dan memberikan nasihat-nasihat tertentu untuk menggalakkan mereka melahirkan *reconciles* dan keadaan aman dan selamat bagi kebaikan umat Iraq dan negara Iraq.

Berkenaan dengan proses damai yang berlaku di Palestin, kita mengalu-alukan proses demokrasi yang telah mengambil tempat di Palestin dengan terpilihnya

Mahmoud Abbas. Dan, dengan adanya Mahmoud Abbas, ia membukakan satu ruang untuk ke arah pencapaian damai tetapi pencapaian damai di antara Israel dan Palestin, saya fikir belum lagi boleh dikatakan sesuatu yang menggalakkan. Prosesnya masih lagi jauh, banyak lagi langkah-langkah dan kita harap langkah pertama yang telah dimulakan untuk mengadakan perbincangan ataupun perundingan adalah satu langkah yang baik dan positif tetapi pihak kuasa-kuasa besar dan kuartet mesti terus menggunakan pengaruh mereka untuk Israel memulakan semula 'road map' ataupun pelan damai bagi mencapai penubuhan dan kewujudan negara Palestin. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Malaysia sebagai sebuah negara OIC dan isu yang terkini, Isu 'Ambalat' yang saya lihat satu perkara yang amat serius sehingga berlakunya pembakaran bendera negara di Jakarta. Di atas semangat OIC dan di atas semangat ASEAN sebagai contoh, adakah pihak kerajaan yakin bahawa isu ini akan boleh diselesaikan secara diplomatik ataupun kita perlu pergi jauh. Saya mengharapkan supaya OIC dapat berperanan untuk mewujudkan keharmonian hubungan dalam kedua-dua negara ini. Saya minta penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar sedikit tetapi biar saya jawab berkenaan Isu Ambalat ini dalam semangat setia kawan, kejiranan dan keakraban kita maka sebab itu kita mengambil langkah untuk membuat pendekatan, perundingan dan diplomasi. Insya-Allah ia akan dapat meredakan keadaan dan membawa kedua-dua negara ke arah yang lebih positif. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita akan mengadakan pada hari ini dan esok, perbincangan di peringkat teknikal dan saya berharap ia akan membawa perkembangan-perkembangan yang baru. Buat masa ini, ia adalah satu perkara yang bilateral dan tidak perlu kita libatkan OIC lagi. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah, Menteri Luar di atas usaha-usaha untuk mengangkat nama Malaysia, lebih-lebih lagi kita selaku peneraju OIC. Saya menafikan kalau ada yang mengatakan bahawa Malaysia gagal untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin pertubuhan negara-negara Islam ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Beberapa Ahli: Soalan, soalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Apakah atau sejauh manakah kepastian bahawa Senegal, negara yang akan mengambil alih kepimpinan OIC ini sendiri mengakui kehebatan Malaysia hinggakan mereka juga meminta supaya Malaysia meneruskan, sebagai pengerusi OIC ini selepas tamat tempohnya kita pada tahun hadapan? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana negara lain memberikan keyakinan kepada Malaysia dan saya berharap rakyat Malaysia juga mempunyai perasaan yang sama untuk menentukan kita dapat memaruah dan memartabatkan OIC sebagai sebuah organisasi walaupun mempunyai kelemahan [*Tepuk*]. Senegal telah mengatakan mereka tidak akan mengambil alih pada tahun hadapan dan mereka mahu mengambilnya pada tahun 2007. Ini bermakna Malaysia terpaksa meneruskan peranannya sebagai [*Tepuk*] pengerusi OIC. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. **Datuk Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar masih ada dasar dan *system* perundangan di peringkat negara dan negeri yang lapuk, tidak '*forward looking*' dan fleksibel dan dengan itu pelaksanaan peringkat pegawai mengikut buku '*Following the Book*' telah menghalang inovasi, kreativiti dan tidak dinamik dengan itu apakah perancangan kerajaan mengenainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang menyedari bahawa masih terdapat undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai dengan perkembangan semasa. Di peringkat Persekutuan, Jabatan Peguam Negara sentiasa mengkaji undang-undang yang sedia ada melalui proses pindaan, penyemakan dan pembaharuan undang-undang untuk disesuaikan dengan kehendak dan keadaan semasa.

Memandangkan wujudnya bilangan yang besar undang-undang di peringkat Persekutuan dan negeri maka sudah tentunya proses ini akan mengambil masa dan dengan izin, adalah satu *on going process*. Tindakan bagi meminda, menyemak dan

memperbaharui sesuatu undang-undang memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk pihak awam, kementerian atau agensi yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan tambahan, apa yang tidak diguna pakai Tuan Yang di-Pertua ialah Ahli Parlimen. Dalam kita meminda undang-undang, kalau kita lihat dan baca dalam *Hansard* di tiap Persidangan, kita melihat beratus-ratus cadangan Ahli Parlimen yang ada mirip kepada pemindaan mana-mana undang-undang, prosedur dan sebagainya tetapi ini telah tidak disemak oleh pihak-pihak yang berwajib untuk diguna pakai sebagai meminda undang-undang. Jadi, kita melihat tindakan sekarang adalah untuk meminda perkataan, terminologi dan sebagainya.

Saya berbincang panjang lebar dengan pihak Jabatan *Attorney General*, jadi mendapat jawapan yang sedemikian. Jadi, persoalan saya, ialah adakah tindakan yang lebih khusus lagi untuk mengenal pasti, untuk mengatasi masalah-masalah sosial perundangan dan kemasyarakatan yang kritikal pada masa sekarang supaya undang-undang itu boleh diubahsuai untuk mempermodenkan, untuk memperbaharui, untuk mempercanggihkan undang-undang ini selaras dengan keadaan sosial, kemasyarakatan sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk M. Kayveas Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, kita dari Persekutuan, kita ada lebih daripada 640 akta, undang-undang, iaitu kalau kita kira Februari 2005. Kalau kita kira undang-undang atau ordinan-ordinan di peringkat negeri kita mempunyai lebih daripada 4500 ordinan-ordinan. So, perkara ini tidak boleh kita ambil semua undang-undang dan sekali gus kita boleh mengadakan satu jawatankuasa atau mana-mana jabatan untuk membuat pindaan dengan peringkat.

Tapi pindaan ini hanya boleh dibuat apabila kalau kepentingan *public*, kalau ada keinginan Peguam Negara atau keperluan kementerian-kementerian pada masa undang-undang ini terjadi satu isu. Apabila kalau kita cuba buat pindaan dengan sekali gus oleh *state*, mungkin masalah timbul pada masa kita hendak guna pakai undang-undang itu tidak sesuai lagi dan kita perlu buat pindaan lagi. Tetapi kita ada *committee* ad-hoc yang umpamanya kalau CPC, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat pun adalah dalam *committee*, di mana ada akta-akta yang tertentu, undang-undang,

seksyen-seksyen yang tertentu telah buat pindaan dan saya juga difahamkan telah selesai.

Maka peringkat demi peringkat, apabila ada satu isu terhadap sesuatu undang-undang yang tertentu baru kita boleh buat pindaan tetapi kita tidak boleh ambil seluruh beberapa ribu undang-undang ini dan buat pindaan dengan cara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya juga ingin memberitahu di sini bahawa apabila kita membuat pindaan kita perlu ambil perhatian, input daripada pihak-pihak NGO, pihak-pihak macam *bar council*, universiti-universiti tempatan dan juga *social activist*. Saya berharap Yang Berhormat boleh faham, ini kita tidak boleh buat undang-undang, pinda undang-undang, membuatkan undang-undang ini canggih atau perkataan-perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat tadi dengan *holistic*. Hanya boleh dibuat di peringkat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masalahnya adalah undang-undang yang lapuk. Adakah undang-undang yang lapuk masih ada, yang beroperasi dan apakah langkah-langkah untuk memindanya? Itu persoalannya, ya?

Datuk M. Kayveas Undang-undang yang lapuk itu, saya setuju, kita ada banyak undang-undang yang lapuk tetapi undang-undang yang lapuk ini hanya kita boleh buat pindaan atau *repeal*, kita tidak boleh buat pindaanlah kepada undang-undang ini. Ada undang-undang, umpamanya masalah *shipping* di Sarawak, kita perlu buat *repeal*, keseluruhan buang undang-undang itu dan kita akan buat undang-undang baru, *Malaysian Shipping Act*. Ini kita boleh buat hanya apabila undang-undang itu timbul, *it appears*, kalau tidak, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh buat *repeal* atau buang sahaja undang-undang yang lapuk masih ada sekarang ini. Kita hanya boleh buat apabila undang-undang itu timbul sebagai satu isu dalam hal undang-undang.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya rasa kementerian atau Timbalan Menteri tidak menyedari, kita Ahli-ahli Parlimen bukan meminta semua akta atau ordinan yang ada kita gubal semula. Cuma terdapat akta ataupun undang-undang yang tidak relevan lagi, yang masih diguna pakai dalam negara kita. Apa masalah? Saya tidak bersetuju bahawa ia hanya boleh dipinda atas keinginan Peguam Negara ataupun kehendak kementerian-kementerian. Kita kena memikir kehendak masyarakat.

Contoh-contoh yang tidak relevan, tidak masuk akal, seekor anjing hampir membunuh seorang budak, Cuma *fine* RM500 hingga RM800, kalau tidak dapat bayar baru penjara. Bererti tuan punya anjing, kalau dia nak aniaya orang dia boleh lepaslah.

Beberapa Ahli: Ya, betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Seorang budak mencuri pakej coklat RM5, boleh di penjara satu bulan. Ini tidak relevan. Jadi, kementerian, kerajaan harus meneliti perundangan yang sudah tidak relevan ini, yang sudah lapuk ini, kita kaji, sesuaikan dengan keadaan globalisasi, jangan kita biarkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak biarkan undang-undang. Kita ada satu bahagian, Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang di Jabatan Peguam Negara dan jabatan itu juga ada buat kerja dan kerja ini adalah satu *on going process*, seperti mana saya diberitahu ada banyak undang-undang pada masa ini. Contohnya seperti *copy right*, di mana sekarang ini banyak CD yang dikeluarkan dan menghalang *copy right* ini. Kita ada undang-undang yang kita hendak perbaharui atau buat pindaan kepada Akta *Copy Right* dan juga perkara-perkara baru yang kita akan buat kajian adalah untuk Akta *Limitation* dan sebagainya. Juga kita ada buat semakan dan pindaan kepada undang-undang yang sedia ada, yang tidak diguna pakai sekarang ini ataupun katakanlah perkara daripada CPC, di mana kita ada undang-undang *whipping* untuk orang berumur lebih daripada 50 tahun, , tetapi kita buat pindaan sekarang ini, kita beri rotan juga kepada orang yang berumur lebih 50 tahun yang masih buat jenayah rogol. Dan ada juga undang-undang contoh yang diberi oleh Yang Berhormat tadi seperti anjing ini, baru kita faham bahawa undang-undang yang ada pada masa itu tidak sesuai mungkin pada masa itu kita tidak ada anjing-anjing begitu. Dan anjing-anjing sekarang lebih kuat lagi. Oleh sebab itu kita hendak buat pindaan.

Dulu orang kata, orang dewasa yang berumur 50 tahun ke atas tidak merogol, dia tidak dapat sebatan atau rotan tetapi sekarang ini ada macam-macam ubat, dia boleh makan lepas itu dia pun jadi kita perlu buat pindaan kepada undang-undang ini. Oleh sebab itu saya sebutkan sekali lagi kita faham dan kerajaan sedar bahawa ada banyak undang-undang yang telah luput, tetapi kita perlu ataupun kita hanya boleh buat pindaan apabila undang-undang timbul sebagai satu masalah.

Kalau kita hendak buat pindaan kepada 640 Akta yang sedia ada, mungkin banyak beratus-ratus undang-undang di bawah itu mungkin sudah luput sama juga di peringkat negeri kita ada 4,500 undang-undang. Kita tidak tahu mana satu yang sudah luput ataupun adakah kita perlu mewujudkan satu jabatan yang khas untuk perkara ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Apa khabar?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju Yang Berhormat. Memang banyak undang-undang lapuk dan Yang Berhormat memberi penjelasan tadi, anjing dulu tak pandai tetapi anjing sekarang cerdik, orang dulu tak makan vitamin dan sebagainya, tetapi orang sekarang semangat lebih, jadi banyak kes yang tidak diingini berlaku. Tetapi kalau keadaan sudah sedemikian rupa, mengapakah pihak-pihak pengkajian undang-undang ini pun tidak sedemikian rupa. Maknanya kita mengkaji kes-kes ini.

Pada hari ini Yang Berhormat sedar atau tidak sedar soalan saya ini, kadangkala kadang macam sahabat saya tadi dari Kinabatangan mengatakan bahawa tidak relevan hukuman dengan *crime* yang *dicommitkan* oleh seseorang itu. Jadi bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan kepada kami di Dewan Rakyat ini yang bersedia untuk menunggu meminda undang-undang tersebut supaya adil dan sesuai dengan keadaan semasa. Bilakah undang-undang ini dapat kita atasi bersama iaitu kita *up-datekan* undang-undang yang ada pada hari ini. Saya hendakkan masa dan ketika. Yang Berhormat tidak boleh kata 'kita akan' dari masa ke semasa. Bila kes itu timbul barulah hendak buka buku undang-undang. Bila buka buku undang-undang macam dikatakan tadi anjing sudah pun gigit budak itu baru hendak kenakan RM500 *fine*. Jadi macam mana, hendak tangkap anjingkah ataupun tangkap tuan anjing? Jadi yang mana satu hendak buat undang-undang? Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak kata kita tidak buat apa-apa ke atas masalah ini. Kita tahu masalah ini adalah satu masalah semasa dan kita faham dan sedar bahawa ada banyak undang-undang yang lapuk. Saya sudah kata bahawa undang-undang ini, pada peringkat ini kita ada satu bahagian di Jabatan Peguam Negara, di mana bahagian ini buat kerja yang mereka boleh buat pada masa

ini. Kalau Yang Berhormat minta saya satu masa yang ditetapkan bila kita boleh selesaikan ataupun buat pindaan ataupun buang *or repeal* mana-mana undang-undang yang lapuk itu jaminan masa, saya tidak boleh bagi. Berapa lama masa untuk saya dalam Parlimen sebagai wakil rakyat pun saya tidak boleh tentukan.

Oleh sebab itu, ini satu masalah di mana perkara ini hanya boleh ditentukan oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan yang membuat pindaan dan undang-undang. Yang saya boleh katakan di sini ataupun boleh beri jaminan sekarang kerajaan berusaha untuk buat pindaan dan buat kajian terhadap undang-undang tersebut yang telah lapuk, dan tidak boleh diguna pakai untuk semasa dan kita juga ada membuat *comparative studies*, dengan izin bersama dengan *jurisdictions* lain dengan izin, iaitu daripada negara-negara seperti Australia, New Zealand dan negara-negara lain contohnya negara-negara daripada negeri-negeri *Commonwealth*. Ini *comparative study*, dengan izin adalah untuk membaharui atau membuat pindaan ataupun *repeal* undang-undang yang tidak boleh diguna pakai untuk semasa dalam negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat mengenai perkara ini. Dijemput Yang Berhormat daripada Kuala Krai.

Tuan Mohd. Razali bin Che Mamat: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan saya ucapkan selamat datang kepada rombongan yang berada di dalam Dewan ini.

5. Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Pertahanan menyatakan mengenai peruntukan untuk mengadakan Pusat Latihan Khidmat Negara pada tahun 2005 mengikut negeri dan berapakah jumlah Pusat Latihan Negara yang sudah dibuka di negara ini mengikut negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Kuala Krai, saya mengucapkan terima kasih. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara pada mesyuarat kali ini.

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai pada hari ini bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Parit pada 30 Mac 2005 dan Yang Berhormat dari Setiu pada 26 April 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menyediakan bantuan untuk membina pusat-pusat latihan PLKN mengikut negeri-negeri sebaliknya hanya menyewa kem-kem tersebut dengan pihak-pihak swasta dengan kadar sewa yang dipersetujui iaitu RM41 sehari bagi seorang peserta di Semenanjung Malaysia dan RM54.30 sehari bagi seorang peserta di Sabah dan Sarawak. Kadar ini merangkumi penyediaan makanan dan minuman, penginapan serta penggunaan kemudahan peralatan dan kelengkapan-kelengkapan latihan. Kementerian ini telah berusaha sedaya upaya untuk menguruskan perbelanjaan program dengan memberi keutamaan kepada aspek latihan dan kebajikan para peserta.

Bagi tahun 2004 daripada peruntukan sebanyak RM618,225,931 kementerian telah menggunakan sebanyak RM608,611,160.34 sen sahaja bagi melaksanakan program ini. Dengan ini kementerian telah berjaya mengawal perbelanjaan dengan penjimatan sebanyak RM9.61 juta. Bagi melaksanakan PLKN pada tahun ini pula kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM400 juta.

Sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2004, jumlah sebenar pelatih yang melapor diri bagi program ini adalah seramai 93,642 orang iaitu 68,816 pelatih dalam tahun 2004 dan 24,826 pelatih dalam tahun 2005, iaitu siri dua yang pertama pada bulan Disember dan siri kedua pada bulan Mac ini. Bilangan ini tidak termasuk pelatih bagi kumpulan kedua pada tahun 2005 yang baru melapor diri pada 14 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah kem pula setakat ini sejumlah 71 kem PLKN telah beroperasi. Pecahan kem mengikut yang dikehendaki adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KEM
Perlis	3
Kedah	9
Pulau Pinang	2
Perak	7
Selangor	6
Negeri Sembilan	7
Melaka	4

Johor	5
Pahang	8
Kelantan	4
Terengganu	4
Sabah	6
Sarawak	6
Jumlah	71

Menyentuh mengenai perkembangan terkini PLKN kerajaan telah berjaya membuktikan pelaksanaan program pada tahun kedua ini adalah lebih baik, teratur dan sempurna. Kejayaan ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada pelatih, ibu bapa dan masyarakat terhadap pelaksanaan kumpulan satu siri dua tahun 2005 yang telah pun selesai menjalani latihan mulai dari 13 Disember 2004 hingga 6 Mac 2005 yang lepas. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya pernah dilatih dalam perkhidmatan negara selama dua tahun dan saya memang mirip kepada latihan seumpama ini untuk wanita dan lelaki. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, saya nampak daripada lebih RM600 juta ini kita dapat melatih hanya 93,000 orang belia. Di dalam golongan sasaran ini bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan yang layak untuk dilatih dan apakah kriteria yang digunakan untuk pilih hanya 24,000 atau 25,000 setahun tanda kita ada kekangan wang.

Bolehkah Yang Berhormat fikirkan bahawa kalau orang-orang yang tidak dipilih mungkin mereka menganggap ada pilih kasih pula. Adakah dasar untuk memperluaskan khidmat ini supaya tidak ada yang tidak puas hati dengan dasar yang dilakukan sekarang.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Kepong, kalau dilihat daripada bilangan belia dan beliawanis yang begitu ramai dalam negara kita dan pilihannya setakat ini hanya kepada 93,000. Hujah Yang Berhormat yang mengatakan bahawa berlaku pilih kasih itu memang betul. Kebetulan ini kerana kita tidak dapat hendak pilih semua. Lagipun kita hanya mampu untuk menawarkan kepada hanya 85,000 bagi tiap-tiap tahun yang kita adakan. Kalau berhujah daripada bilangan 85,000 berbanding dengan bilangan yang besar, maka hujah Yang Berhormat itu betul. Tetapi oleh sebab kita menggunakan hujah kita bahawa hendak pilih 85,000 oleh sebab kesediaan tempat yang kita adakan dan kekuatan kewangan yang kita ada

serta peranan yang akan kita berikan adalah kepada terutama sekali bagi belia dan beliawanis lepasan daripada tingkatan lima, inilah asas kita.

Kalau kita hendak mengatakan bahawa kita tidak akan beri peluang kepada semua itu tidak betul, kerana dalam siri kita hanya baru masuk siri yang kedua. Tahun pilihan yang pertama mulai 2004 dan 2005 dia akan berikut sehingga ke satu masa bahawa kita kemungkinan, kita rasa latihan kepada belia dan beliawanis yang sudah selesai itu kita perkecilkan bilangannya ataupun kita tambahkan bilangannya. Oleh sebab itu hendaklah diambil perhatian bahawa sehingga kita berpuas hati dan kita akan meneruskan pengambilan ini ataupun berpuas hati kita tidak akan meneruskan pengambilan ini.

Berbangkit dengan usaha kita bagi menjalankan latihan ini, kita memberi beberapa faktor yang tertentu, tetapi kalau kita hendak katakan dalam usaha kita menjalankan ini berbangkit banyak masalah tidak berpuas hati, ternyata bahawa daripada 85,000 yang telah kita asaskan pada tahun 2004 lebih daripada 10,000 atau 9,000 yang tidak hadir. Pada tahun ini juga bagi siri yang pertama iaitu tahun 2004/2005 bulan Disember sehingga ke bulan Mac yang lepas lebih daripada 2,000 yang tidak hadir untuk menyertai setelah tawaran kita berikan dengan alasan-alasan yang mereka beri sesuai untuk mereka dapat pengecualian ataupun untuk mereka tidak dapat hadir dalam kursus latihan yang berkenaan.

Bagi menjawab pada asasnya bahawa tidak berbangkit masalah tidak puas hati, tetapi masalah tidak puas hati kepada kita yang menganjur kerana ramai lagi yang tidak mampu ataupun tidak boleh datang mengikut perancangan yang kita susun. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya rasa cukuplah, memadailah kerana soalan asal sudah begitu spesifik iaitu berapakah pusat latihan yang ditubuhkan dan ini sudah pun dijawab. Soalan daripada Yang Berhormat bagi Mambong.

6. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah kerajaan, termasuk sistem amaran awal bagi menangani impak Tsunami jika ia berlaku di masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Muar pada 12 April, Yang Berhormat bagi Pasir Mas pada 28 April kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani impak bencana Tsunami, kerajaan sentiasa mempertingkatkan tahap kecekapan dan kompetensi pegawai dan kakitangan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan di semua peringkat Persekutuan, negeri dan daerah dalam menguruskan isu-isu berkaitan bencana Tsunami melalui:

- (i) Seminar, forum dan latihan amal. Seminar ini kita telah pun menghantar pegawai daripada Bahagian Keselamatan Negara ke Paris untuk satu program *Rehabilitation and Reconstruction Program of Tsunami Affected Countries* di Paris yang dianjurkan oleh *United Nation* dan satu lagi seminar di Bangkok telah diadakan.
- (ii) Kita juga mengadakan program-program pendidikan kesedaran awam kepada rakyat seperti yang telah dilakukan pertamanya di Sabah di Kota Kinabalu apabila berlaku gempa bumi di sana, ada ketakutan jadi kita mengadakan satu program di sana dan lagi satu program telah kita adakan di Pulau Pinang bagi kawasan Perlis, Kedah dan juga Pulau Pinang.
- (iii) Kemudian kita menyediakan sistem amaran awal berpandukan kepada modul oleh Pusat Amaran Tsunami Pasifik di Hawaii iaitu *Pacific Tsunami Warning Center (PTWC)* dan Pusat Kawalan Tsunami Jepun. Kita juga sedang mengkaji dalam status proses *designing* satu sistem amaran awal yang memakan belanja, insya-Allah sebanyak RM19 juta dan kita sedang melihat *design* ataupun program yang disediakan oleh teknologi daripada Jepun dan juga Amerika Syarikat dan insya-Allah pada akhir tahun ini, sistem amaran awal ini akan disediakan di negara kita.
- (iv) Kita mengadakan rancangan litigasi bagi memindahkan penduduk-penduduk yang berdekatan daripada pantai ke tempat

selamat tetapi tidak menjejaskan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka. Dalam hal ini kerajaan telah pun mengarahkan Syarikat Perumahan Negara untuk membina 126 unit rumah di Kota Kuala Muda, 40 unit rumah di Langkawi dan 900 unit rumah di Pulau Pinang yang menelan belanja sebanyak RM62.28 juta dan pembiayaannya ialah satu pertiga dibayar oleh Kerajaan Pusat, satu pertiga daripada kerajaan negeri dan satu pertiga daripada rakyat itu sendiri.

- (v) Kita mempertingkatkan perlindungan alam sekitar bagi melindungi kawasan hutan bakau di pesisiran pantai daripada dimusnahkan, dan
- (vi) Kita membina *website* mengenai Tsunami dan bencana-bencana lain bertujuan menyalurkan maklumat-maklumat pendidikan dan juga tindakan-tindakan yang perlu diambil apabila berlaku sesuatu bencana.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya berpuas hati daripada langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi menangani jika berlakunya lagi Tsunami. Tetapi bukan semua gegaran bumi ataupun *earthquake* akan mengakibatkan Tsunami. Hanya *earthquake* yang dalam magnitud yang tinggi seperti 9 skala richter.

Saya juga dapat tahu bahawa Malaysia akan menyertai *Indian Ocean Tsunami Warning System* dan dalam perkara ini apakah peranan Malaysia dalam merumus dan merancang penyertaan *Indian Ocean Tsunami Warning System* kerana ini adalah penting juga. *Data network* adalah penting kalau kita banding daripada pusat *warning system* di Hawaii, mereka boleh tahu, boleh *forecast* Tsunami dalam tempoh satu jam jika ia berlaku. Jadi, apakah peranan negara kita dalam perkara ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita bukan sahaja akan ambil tindakan, kita telah pun mengambil tindakan. Jadi dalam soal *center* yang akan diadakan di *Indian Ocean* itu, saya rasa itu satu *center* yang mana kita mesti memainkan peranan yang aktif sebab daripada *earthquake* yang berlaku di *Indian Ocean*lah yang menyebabkan berlakunya Tsunami ini. Jadi, saya ingin

menyatakan di sini iaitu bahawa Malaysia akan bekerjasama daripada semua organisasi yang terlibat daripada soal mengenal pasti akan datangnya ombak Tsunami ini dari segi mengenal pasti *earthquake* seperti kerjasama daripada PTWC tadi yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu di Hawaii dan kita juga seperti mana saya sebut, bukan sahaja kita akan bekerjasama dan kita bersetuju untuk mengadakan satu sistem yang dikongsi bersama tetapi sebagai proaktif kita juga ingin mengadakan sistem amaran awal kita sendiri seperti yang telah saya sebut dalam jawapan saya sebentar tadi.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu bahawa kejadian gempa bumi pada 26 Disember lepas mengakibatkan anjakan kepada muka bumi terutamanya di Malaysia ini dan apakah langkah-langkah kerajaan memeriksa struktur penting seperti jambatan, bangunan dan juga *dam* iaitu empangan kerana kita tahu iaitu bahawa anjakan ini memberi kesan kepada struktur apabila berlaku gempa bumi pada 26 Disember lepas dan kita percaya bahawa struktur-struktur ini juga mengalami masalah dari segi kekuatan.

Saya hendak tahu apakah langkah-langkah kerajaan yang diambil untuk memeriksa struktur penting ini kerana kita tahu bahawa sekiranya *dam* ataupun empangan ini mengalami kesan daripada kejadian gempa bumi tersebut sudah pasti kebarangkaliannya untuk empangan ini pecah mungkin ada seperti yang berlaku di Pakistan dan lain-lain tempat. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja berlakunya Tsunami, setiap jabatan kerajaan yang terlibat dengan infrastruktur telah pun diberikan *alert* untuk mereka memastikan supaya infrastruktur yang telah disediakan itu tidak ada yang terjejas disabitkan oleh impak daripada gempa bumi itu. Jadi, kita sentiasa menerima maklumat dan laporan daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat daripada struktur ataupun infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan.

7. Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah kerajaan untuk memajukan industri automobil tempatan untuk bersaing dengan pasaran bebas AFTA di negara-negara Asean.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang perlu dijawab hari ini, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Alor Setar yang perlu dijawab pada 29 Mac 2005 dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Titiwangsa yang perlu dijawab pada 12 April 2005 kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pengeluar-pengeluar kereta nasional terutamanya Proton dan Produa, beberapa langkah untuk meningkatkan daya saing telah diambil iaitu membangun dan mereka bentuk sendiri produk bagi model baru seperti melakukan perubahan kosmetik, reka bentuk dalaman dan luaran melalui aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D), memperoleh komponen dan alat ganti dengan harga yang kompetitif dari pelbagai negara sumber. Mengurangkan kos pengeluaran komponen melalui peningkatan kecekapan, pelaksanaan sistem pengeluaran modular dan menubuhkan unit khusus untuk memantau pembaikan mutu dan kualiti kenderaan keluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut di dalam membantu pengeluar kereta nasional untuk bersedia berdaya saing termasuk, membekukan kelulusan lesen pengilang baru sejak penubuhan projek kereta nasional sehingga tahun 2002, mengawal penetapan harga jualan bersih sehingga tahun 2002 bagi setiap kenderaan yang dikeluarkan di dalam negara yang bersaing terus dari segi harga dengan kereta nasional dan menangguhkan kemasukan sepenuhnya sektor automotif di dalam skim CEPT, di dalam AFTA daripada tahun 2003 kepada tahun 2005 dan seterusnya pada tahun 2008.

Bagi menyediakan persekitaran yang berdaya saing di kalangan pengeluar-pengeluar automotif tempatan, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah liberalisasi yang progresif seperti berikut - menurunkan kadar duti import di dalam dengan izin, *ASEAN Industry Cooperation Scheme* bersifar mulai 1 Januari 2005 bagi mengurangkan kos pengeluaran kenderaan tempatan; memansuhkan sepenuhnya dasar penggunaan barangan komponen tertentu tempatan dengan izin, *Mandatory Deleted Items* mulai 1 Januari 2004; menyediakan kod tarif khas bagi pengimportan

secara pelbagai sumber kepada pengeluar automotif tempatan untuk memudahkan mengimport komponen dan alat ganti dengan harga yang kompetitif dari pelbagai negara sumber dan memansuhkan penetapan harga jualan bersih bagi kenderaan yang dipasang tempatan mulai 1 Januari 2003. Sehingga tahun 2004, jualan kereta nasional di Rantau Asean dan negara Barat masih belum memuaskan. Menurut Proton, bilangan kenderaan dieksport pada tahun 2004 adalah 10,916 unit mewakili 6.1% daripada jumlah pengeluaran sebanyak 179,700 unit pada tahun 2004. Negara-negara serantau menjadi destinasi eksport pada tahun 2004 ialah negara Timur Tengah dan Afrika – 7,184 unit, Asia dan Estonia 1,698 unit, United Kingdom – 1,337 unit dan Australia – 697 unit.

Bagi Produa, jumlah eksport pada tahun 2004 adalah sebanyak 2,180 unit. Negara utama yang dieksport ialah Asia dan Ocenea – 882 unit, Timur Tengah dan Afrika – 697 unit dan United Kingdom – 601 unit. Keseluruhan jumlah eksport ini mewakili 1.7% daripada 125,820 unit yang dikeluarkan pada tahun 2004. Mengikut pihak syarikat, dalam menghadapi saingan hebat terutama di pasaran automotif dunia, syarikat internasional telah mengambil langkah-langkah pengurangan kos yang berterusan, membina kilang pengeluaran di luar negara seperti di Indonesia oleh Proton, menjalinkan perkongsian strategik termasuk pengkongsian teknologi penggabungan kepakaran dalam rekaan pembangunan dengan syarikat automotif dunia seperti Proton, dengan Lotus dan Wolks Wagen dan Produa dengan Daihatsu dan Toyota memenuhi keperluan piawaian antarabangsa terutamanya dari segi keluaran asap, kesan hentakan dan kitar semula dan meningkatkan keupayaan R&D.

Menurut syarikat, dengan langkah yang diambil setakat ini, syarikat kereta nasional belum pernah membebankan pekerja bukan rakyat tempatan dalam industri ini. Menurut Syarikat Proton, jumlah orang tempatan bekerja di dalam syarikat meningkat 16% daripada 7,518 pada tahun 2003 kepada 8,706 orang pada tahun 2004 manakala menurut Produa, jumlah pekerja tempatan meningkat 22% daripada 6,441 pada tahun 2003 kepada 7,852 orang pada tahun 2004. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita maklum jika pengeluar kereta nasional ingin bersaing di pasaran

bebas AFTA, kita terpaksa meletakkan kualiti produk dan servis kita di tempat yang teratas sekali. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kita ingin menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti kepada pelanggan-pelanggan kita, satu perkara tidak dapat kita elakkan iaitu *market product service recovery* – pemulihan kepada kecacatan produk dan perkhidmatan yang kita sediakan kepada pelanggan-pelanggan.

Saya ambil perumpamaan hari ini – Proton V6. Kerajaan Negeri Melaka telah terpaksa membaiki tujuh gear box dan saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini pun mengalami masalah yang serupa. Masalahnya sekarang, gear box rosak dan masih lagi dikeluarkan. Maknanya *fault* berlaku pada hari pertama pengeluaran. Apabila pelanggan menggunakan Proton V6 ini, mereka telah mempunyai kerosakan kepada kereta mereka. Apakah mekanisme sistem ataupun polisi pengeluar kereta negara bagi mengekalkan pencapaian cemerlang di dalam produk ini apabila *research and development* – Penyelidikan dan Pembangunan tadi tidak dapat mengkaji apakah sebenarnya punca kepada kerosakan gear box di dalam V6 ini? Minta Timbalan Menteri jelaskan, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, industri automotif merupakan satu bidang yang cukup kompetitif dan tentulah mana-mana syarikat terlibat perlu meningkatkan kualiti kenderaan mereka kepada standard yang tinggi – pada standard dunia. Kita sedar bahawa beberapa masalah berlaku kepada kereta Proton termasuk Gen2 yang baru dibuat oleh Proton. Tindakan telah diambil oleh Proton ialah mereka mengetahui bahawa masalah tersebut berlaku dan semalam juga kita telah mengadakan perbincangan dengan Proton mengenai masalah ini.

Dari segi maklumat yang kita perolehi, tiap-tiap masalah yang diterima oleh Proton akan diatasi oleh mereka dan dari segi *life spend*, ataupun tempoh waktu untuk pembaikan, sebenarnya sudah ada perubahan. Masalah kepada Proton Waja – ada masalah dulu tentang pintu mengambil masa tiga tahun untuk pembaikan manakala dari segi Gen2 lebih kurang dalam setahun dan proses ini adalah satu proses berterusan. Saya percaya dari segi jangka masa panjangnya, masalah-masalah ini akan terus diperbaiki lagi oleh pihak Proton itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat , masa untuk soal jawab Lisan telah berlarutan, memadailah setakat itu untuk hari ini.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Isu Sosej Halal Campur Usus Babi

11.18 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya Salahuddin bin Ayub mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan ini merundingkan isu sosej halal campur usus babi yang dijual kepada umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini pada pandangan saya adalah perkara tertentu kerana media massa telah mendedahkan kepada umum tentang kegiatan dua buah kilang makanan di Selayang yang menggunakan usus babi sebagai sarung bahan makanan. Kedua-dua kilang ini adalah pembekal utama sosej halal kepada 56 pasar raya dan hotel-hotel terkemuka di Lembah Klang. Perkara ini juga adalah perlu disegerakan kerana isu makanan halal adalah satu isu yang sangat sensitif kepada umat Islam sedangkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) secara terbuka mengaku bahawa mempunyai hanya enam pegawai memantau produk halal. Makanan bercampur babi ini telah tersebar ke seluruh Lembah Klang terutama melalui pasar raya dan hotel-hotel.

Kes ini juga bukan pertama kali yang melibatkan isu makanan halal kerana sebelum ini pernah didedahkan tentang kilang memproses ayam tidak disembelih dan bercampur dengan produk babi di Petaling Jaya dan di Sri Kembangan. Isu ini juga melibatkan kepentingan ramai kerana masalah makanan halal adalah melibatkan semua penduduk negara ini yang beragama Islam. Di Lembah Klang sendiri, umat Islam adalah majoriti dan kebanyakan mereka mengakses makanan melalui pasar raya, selain

makan di hotel, berkemungkinan besar sosej yang dimakan di hotel dibekalkan oleh dua kilang tersebut.

Berdasarkan perkara-perkara di atas, saya mengambil tanggungjawab merasakan usul ini amat penting untuk dibahaskan dan menepati ciri-ciri perkara tertentu, perlu disegerakan dan berkepentingan ramai. Saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada 17 Mac, 2005, teks usul itu adalah seperti yang di bacakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah satu perkara yang tertentu, syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) perkara ini adalah satu perkara yang tertentu;
- (b) kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (c) berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini di bahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) usul ini hendaklah ditempokkan sehingga 4.30 petang hari ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN PENERBANGAN
(PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2005**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN (PINDAAN) 2005**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL**JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan

melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini; dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah Usul oleh Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**USUL
MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Datuk Rosli bin Mat Hassan.

11.25 pagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan rakyat mengucapkan

berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

Ampun Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan syukur kepada Titah Diraja, Titah Ucapan Tuanku semalam yang mana Tuanku telah mempamerkan suatu ucapan yang memenuhi segala bentuk pandangan serta harapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang telah mencakupi semua bidang, dan semua perkara yang berkaitan dengan kemajuan dan juga pembangunan negara kita, kemajuan dan juga pembangunan rakyat kita dan perkara-perkara yang telah memberi halangan-halangan tertentu kepada cabaran-cabaran baru sebagai mana Titah Diraja semalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana Tuanku sendiri telah memulakan titahnya dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Tsunami, iaitu suatu tragedi yang begitu malang yang telah menimpa negara kita dan juga negara-negara lain, yang mana ini mempamerkan kepada kita suatu sikap dan perasaan Tuanku tentang jerit tangis dan derita rakyat yang telah dilanda oleh ombak besar Tsunami, yang berlaku pada akhir tahun 2004 yang lalu. Jadi, atas perkara ini sebagai rakyat Malaysia kita merakamkan rakaman terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuanku di atas keprihatinan beliau dan keprihatinan Tuanku terhadap penderitaan yang telah dilalui, dan sekali gus mengucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan seluruh rakyat Malaysia dengan secara spontan telah meletakkan rakyat kita di semua peringkat untuk sama-sama tampil, sama-sama memberi bantuan dan sokongan kepada mangsa-mangsa yang telah dilanda ataupun yang menjadi mangsa kepada ombak Tsunami.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah membicarakan banyak aspek-aspek tentang pendekatan perancangan menterjemahkan pembangunan negara dan rakyat kita melalui perkara-perkara yang berkaitan dengan falsafah Islam Hadhari, yang mementingkan kepada kemajuan dan tamadun bangsa dan tamadun negara kita, yang memerlukan rakyat bersesuaian dengan sikap berbudi bahasa, dengan memenuhi tuntutan nilai-nilai murni yang telah diwujudkan sekian lama selepas kita merdeka

sehingga hari ini dan insya-Allah untuk masa-masa hadapan. Kita berharap pendekatan yang dibuat dan dirancang oleh kerajaan ini melalui pendekatan Islam Hadhari, yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat diterjemahkan oleh semua peringkat masyarakat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Awalnya. Okey Tuan Yang di-Pertua..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sudah barang tentu terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Dungun. Saya hendak menambah sedikit, tidak lengkap kita melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang menyentuh tentang Tsunami. Dalam ucapan Baginda semalam, Baginda melahirkan rasa bangga Baginda melihat rakyat berbilang kaum, berbilang agama membantu untuk meringankan beban mangsa-mangsa Tsunami. Ayat itu yang saya hendak minta Yang Berhormat bagi Dungun tambah supaya lebih cantik, lebih indah ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Baginda. Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun, syabas, teruskan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita juga merakam ucapan terima kasih, menjunjung kasih kepada Titah Diraja yang telah mencakupi perkara-perkara yang membanggakan kita sehingga suatu pendekatan, pertumbuhan ekonomi kita pada tahun 2004 sebanyak tujuh peratus, yang telah mempunyai rizab melebihi RM273 bilion yang mencukupi untuk perbelanjaan selama 8.6 bulan.

Dalam perkara-perkara yang berkaitan ini, kita merasakan bahawa rakyat kita telah melalui suatu proses pertumbuhan ekonomi yang amat baik dan kita berharap dalam hal ini dapat kita garapkan melalui pendekatan-pendekatan baru supaya pada masa-masa yang akan datang, terutama sekali dalam Rancangan Malaysia yang akan datang ini, iaitu Rancangan Malaysia Yang Kesembilan, akan meletakkan asas-asas yang boleh mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara kita di dalam memberi keselesaan kepada pembangunan rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Dato' Shahrir Abdul Samad selaku Tuan Pengerusi BNBB

dan Urus Setia Dewan Rakyat yang telah memberi peluang kepada saya pada hari ini untuk memberi ucapan pada hari ini dan penghormatan yang diberi kepada saya ini saya rakamkan ucapan sebanyak-banyak terima kasih. Pada hari ini juga saya ingin mengambil setengah minit untuk merakamkan ucapan terima kasih dan selamat datang kepada rakan-rakan pimpinan daripada Parlimen Dungun yang diketuai oleh Tuan Pegawai Daerah Dungun dan seluruh ketua-ketua jabatan dari Parlimen saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat semuanya terima kasih sajakah isinya, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Isi dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua terima kasih sahaja.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ha, terima kasih semua. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membicarakan tentang institusi Parlimen kita pada hari ini, saya cuba beralih kepada suatu perkara yang mana negara kita melalui Barisan Nasional pada 21 Mac yang lalu kita telah mengadakan pilihan raya kita dan pada pilihan raya yang lalu telah memberi suatu kekuatan baru kepada parti kita Barisan Nasional sehingga 90 peratus daripada kerusi Parlimen di seluruh negara telah dimenangi oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Dalam hal ini, semalam ialah hari ulang tahun pilihan raya iaitu 21 Mac, dan hari ini adalah hari pertama genap satu tahun satu hari bermula pada hari ini. Dalam satu tahun kita menjadi Ahli Parlimen, kita merasakan bahawa banyak peranan yang telah dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen kita dan sekali gus kita merasakan bahawa ada beberapa perkara yang perlu kita pertingkatkan usaha kita sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak kita sebagai Ahli-ahli Parlimen di peringkat pelaksana (*front bench*) iaitu daripada golongan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dan juga kami di peringkat Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Pelan Integriti Nasional sebagai falsafah baru supaya kita meningkatkan daya integriti kita sebagai pemimpin, sebagai sebuah kerajaan, apatah lagi di sebuah institusi yang kita namakan Parlimen yang telah mencakupi sebagai urusan kita menjalankan

kerja-kerja kita untuk melaksanakan apa yang dinamakan sebagai kumpulan *legislator* ataupun pembuat undang-undang di negara kita.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengkaji beberapa pendekatan yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita nampak ada ruang-ruang yang lebih baik, ruang-ruang yang lebih saksama yang harus difikirkan bersama apakah Parlimen hari ini berada di status yang sesuai. Adakah kedudukan Parlimen kita pada hari ini berada di tempat yang sesuai sebagai suatu pusat yang mengumpulkan pemimpin-pemimpin masyarakat yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen untuk menggubalkan undang-undang dan memberi pandangan-pandangan serta meluluskan undang-undang dan akhirnya akan diterjemahkan oleh agensi kerajaan dan dilaksanakan oleh pihak masyarakat kita di seluruh negara.

Jadi di dalam hal ini, kita berharap khususnya di pihak kerajaan, dapat menilai sama ada status kita ini, sama ada sesuai ataupun tidak, untuk menjadi sebuah institusi yang lebih tinggi daripada hari ini, dan kita berharap juga Parlimen akan menjadi sebuah Parlimen yang berwibawa yang menjadi tempat berharapnya rakyat terhadap kita untuk meneruskan agenda pembangunan negara dan pembangunan rakyat. Tetapi apabila kita melihat keadaan yang berlaku pada hari ini, Parlimen diletakkan sebagai sebuah organisasi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

BN *backbenchers* memikirkan supaya Parlimen sepatutnya berubah, memulakan suatu perubahan baru supaya Parlimen ini sesuai dengan peranannya sebagai sebuah institusi yang tinggi dan berwibawa, supaya Parlimen hendaklah dijadikan sebagai sebuah institusi yang tidak berada di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi sebagai sebuah organisasi yang bebas seperti badan kehakiman ataupun badan-badan lain yang ada di negara kita . Dengan cara itu kita berharap Parlimen juga harus berubah dengan memenuhi tuntutan semasa yang mana sebagaimana dikehendaki oleh Pelan Integriti Nasional sendiri yang mahu kewibawaan Parlimen ini dapat diperhebatkan, apatah lagi kita sedang berhadapan dengan pelbagai isu yang harus kita tangani dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kalau bangunan kita ini telah mencapai umur lebih daripada 30 tahun yang semasa tahun 60-an, 70-an dulu kita dapati bangunan ini telah dibina, walaupun kita telah mengadakan pengubahsuaian

yang sesuai dan kita merakamkan ucapan tahniah kepada pengurusan Parlimen dan kerajaan sehingga ia boleh membanggakan kita, dan pada hari ini kita berharap kerajaan akan dapat menambahkan sebuah atau dua buah lagi bangunan yang sesuai kerana keadaan kita sekarang ini terlampau *cram dengan izin*, kita agak *congested* kerana kita berharap Ahli-ahli Parlimen yang ada sekarang ini tidak mempunyai tempat dan urusan pentadbiran yang sesuai.

Kita tidak tahu apakah Parlimen-parlimen di negara mana untuk dijadikan *benchmarking* kita. Kalau kita pergi ke Parlimen-parlimen di seluruh dunia ini, kita akan dapati bahawa Ahli-ahli Parlimen mempunyai pejabat mereka sendiri di bangunan Parlimen ini dan Ahli-ahli Parlimen juga harus dibekalkan dengan pegawai-pegawai penyelidikan yang sesuai dengan urusan-urusan tertentu. Sebab itu kami merasakan bahawa untuk melahirkan sebuah Parlimen sebagai institusi yang tinggi dan berwibawa, sudah wajar dan sesuai pada masanya supaya Parlimen juga harus berubah dalam pendekatan dan statusnya tetapi dalam masa yang sama dapat meningkatkan keupayaannya dengan kita menguruskan sendiri kewangan, pengurusan kewangan kita sendiri dengan menambahkan kakitangan-kakitangan yang sesuai, dengan pendekatan prasarana sama ada di peringkat info struktur ataupun di peringkat infrastruktur itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Dungun.

Untuk meningkatkan integriti dan peranan Ahli-ahli Parlimen, tadi Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Dungun menyatakan manakah negara contoh ataupun manakah negara yang boleh ataupun Parlimen manakah yang boleh kita jadikan contoh. Saya terbaca dalam sebuah jurnal antarabangsa mengenai prestasi dan integriti Parlimen Dunia Ketiga yang saya rasa boleh kita jadikan contoh iaitu Parlimen Thailand. Di mana Thailand saya difahamkan bahawa seorang ahli Parlimen, gaji mereka lebih tinggi daripada ahli Parlimen kita. Di sini bukan saya bertujuan untuk mempersoalkan masalah gaji.

Yang keduanya ialah mereka memiliki tiga orang *researcher* yang dibiayai oleh kerajaan, tiga orang, tiga orang yang boleh membantu mereka. Mereka tinggal di

pejabat yang disediakan oleh Parlimen. Jadi saya rasa adakah Dungun bersetuju sekiranya kita mengambil contoh ini supaya apa yang disebut tadi itu mendapat suatu perhatian kerajaan untuk meningkatkan peranan dan integriti kita sebagai ahli Parlimen. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat, sahabat saya. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat saya, baru ini menang tanpa bertanding Ketua Pemuda PAS. Saya jem sedikit lalu di Marang, kalau boleh nasihat rakan-rakan kita lalu lintas di kawasan Rusila itu tolong jaga sikit. Kadang-kadang kita nak cepat jumpa Tuanku kita, kita terlambat kerana tiada pengurusan yang baik.

Saya mengucapkan rakaman terima kasih dan mungkin bench marking Thailand ataupun negara-negara membangun yang lain boleh dijadikan sebagai asas. Tetapi lebih penting kita harus melihat mengikut acuan kita sendiri Datuk Yang di-Pertua, dalam hal ini saya serah kepada suatu pembentukan panel penyelidik mungkin ditubuhkan oleh kerajaan dan juga ditubuhkan oleh Parlimen, digabungkan dengan beberapa ahli Parlimen sama ada dari BN ataupun dari pembangkang supaya menilai apakah bentuk yang kita hendak adakan sebagai, melihat parlimen-parlimen tertentu sebagai bench marking malah kalau kita melihat ada parlimen-parlimen seperti di India pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan minta bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dungun. Apakah Yang Berhormat mempunyai input-input untuk disarankan kepada kerajaan. Saya bersetuju dengan Kubang Kerian terdapat negara-negara yang termiskin, termundur dari negara kita tapi sampai kepada peringkat Parlimen, Bangladesh contoh dia, tujuh orang pembantu dia setiap Ahli Parlimen. Kita kalau tengok bangunan, ooo.. first class facilities tapi when it come to mentality dengan izin third class mentality. Bagaimana hendak menjadi seorang wakil rakyat first class, world class macam Ketua Pembangkang cakap, satu orang researcher pun tidak ada. Kita pergi menyelidik sendiri, kita buka jurnal sendiri, buka buku sendiri, macam mana, tapi kita masih boleh berbangga dengan idea-idea untuk mengadakan first class facilities ini.

Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai input-input yang dicadangkan kepada kerajaan supaya untuk memartabatkan wakil-wakil rakyat ini, cadangan-cadangan perlu diambil kira daripada pandangan wakil-wakil rakyat itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kita memang mempunyai sedikit pandangan dan kita telah cuba lontarkan perkara ini untuk pengetahuan dewan yang mulia ini supaya apa pun pada masa-masa akan datang kita berharap Parlimen kita akan menjadi sebuah institusi yang tinggi, yang berwibawa.

Tetapi pada masa yang sama bebas dan mempunyai pengurusan kita sendiri, jadi Tuan Yang di-Pertua di antara perkara-perkara sebagaimana cadangan beberapa Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat Kubang Kerian tadi, cerita masalah gaji dan masalah elaun, itu agak sensitif sedikit. Tapi apa yang sedang berlaku sekarang di Singapura pun seorang ahli Parlimen mereka mendapat 15 ribu Sing Dolar. Sing, Sing, duit Sing, Singapore. Kali dua mungkin dah jadi RM30 ribu. Kita tidak tuntutan apa-apa, kita bersyukur kerana menjadi ahli Parlimen bukan bertujuan untuk mendapatkan habuan tetapi sebagai sebuah negara yang dilihat sebagai menuju kepada sebuah negara maju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang diperkatakan itu memang betul tetapi Dungun, Kubang Kerian, Kinabatangan semuanya malu-malu kucing. Sebut saja lah soal naik elaun, habis cerita RM18,500 elaun ahli Parlimen. Baru berpadanan dengan apa yang sedang dilakukan sebagai ahli Parlimen yang berat dia punya tanggungjawab. Itu sahaja lah sebut, apa payah, senang, ringkas, terus PM luluskan, selesai masalah, naik masalah Parlimen.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kalau tanya saya, saya hendak lebih daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita berharap suatu penyelidikan yang boleh dibuat untuk mengkaji kedudukan institusi Parlimen lain di antara pihak kerajaan terutama sekali Jabatan Perdana Menteri, Pengurusan Parlimen dan juga beberapa ahli Parlimen yang dipilih nanti supaya kita dapat merancang bagaimanakah pembentukan pengurusan Parlimen yang dikehendaki sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita sendiri supaya ahli-ahli Parlimen dan juga Parlimen dilihat sebagai sebuah institusi dan organisasi yang boleh dilihat sebagai sebuah organisasi yang tinggi kedudukannya, berwibawa kebolehannya dan juga bebas dari segi struktur dan pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah gaji ataupun masalah pegawai penyelidik sahaja yang harus dibuat, berkemungkinan peringkat awalnya kita adakan satu pegawai penyelidik, satu ahli Parlimen pun sudah mencukupi. Tetapi satu proses, ini kita harus adakan, sebab itulah saya minta walaupun Datuk Mustafa tiada tetapi kita berharap Parlimen dapat meminta dengan kerajaan sesuai, dengan pengubalan Rancangan Malaysia Kesembilan nanti supaya sebuah bangunan yang sesuai dapat dibina melalui Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai sebuah bangunan tambahan untuk menempatkan pejabat ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai *researchers*, penyelidik dan sebagainya.

Jadi kita berharap juga Parlimen kita sekarang ini apabila ada ahli-ahli Parlimen bercakap di sini kita banyak bergantung pada media daripada luar pada Parlimen. Kita hendak mengucapkan terima kasih, pertama sekali kepada TV, televisyen, TV swasta, TV3, dan juga media akhbar yang ada di negara kita yang banyak menceritakan dan membicarakan tentang isi-isi kandungan yang diperbahaskan di Parlimen kita ini tetapi isu yang ada di dada akhbar hanyalah semuka tiap-tiap hari ataupun setengah muka sahaja yang lain banyak iklan dan walaupun kita merakamkan terima kasih tetapi sebagai sebuah Parlimen yang berwibawa sepatutnya kita juga harus mengadakan broadcasting kita sendiri, kita harus ada bentuk media sekurang-kurangnya mengadakan web casting kita sendiri.

Apabila ada menteri ataupun mana-mana ahli Parlimen berucap umpamanya dalam masa sejam lagi seluruh dunia dapat melihat apakah ucapan-ucapan yang telah diucapkan di Parlimen kita ini. Sebab itu Parlimen harus didedahkan kepada masyarakat, kepada rakyat dan juga kepada dunia luar kalau kita hendak menjadikan sebuah institusi yang tinggi. Sebab itulah, selain daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, kita berharap kita dapat merubah kedudukan Parlimen kita dalam sedikit masa lagi. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya rasa terpanggil hendak menyebutkan satu perkara. Pada awal selepas pilihan raya yang lepas, saya telah dilantik menjadi pengerusi untuk menyelidik soalan prosedur dan peraturan Parlimen. Saya ingat ada disebut Setiausaha bagi backbencher tadi, tak sebut pun. Jadi saya dah siap laporan itu, laporan itu dibahagikan kepada tiga. Satu, soalan ahli Parlimen, kedua, kedudukan Parlimen itu sendiri dan ketiga, pentadbiran Parlimen, merangkumi semua yang disebut oleh Yang Berhormat. Soalan, kedudukan, status, protokol, soalan penyebaran awam, soalan gaji, soalan Parlimen, jawatankuasa dan berbagai-bagai-bagai lagi yang mempunyai 20 muka laporan, merangkumi semua dari muka pertama sampai muka yang akhir, apa ni peraturan Parlimen itu dilihat dan dicadang untuk dipinda. Persoalannya di mana tindakan backbencher itu nanti sama ada laporan saya itu dilaporkan, diberikan semua kepada ahli Parlimen termasuk ahli-ahli kerajaan, termasuk menteri untuk dilihat yang mana satu boleh diguna pakai ataupun tidak.

Jadi, ini makan masa hampir lapan bulan buat penyelidikan dengan sokongan dan bantuan daripada pakar dari luar Parlimen. Jadi, laporan ini Insya-Allah sudah diserahkan satu salinan kepada Pengerusi *Backbencher* dan saya akan laporkan kepada *Backbencher's Club*, semalam satu mesyuarat yang tertentu saya mohon *secretary Backbencher* aturkan. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih. Sebenarnya saya sudah tahu memang kita ditugaskan kepada Yang Berhormat, tetapi untuk menyatakan dalam Dewan yang mulia ini supaya ini adalah hasrat kita semua. Kita bersama-sama dengan pimpinan negara, sama-sama akan membantu kepimpinan negara, kepimpinan dan pengurusan Parlimen kerana kita hendak Parlimen ini, walaupun di masa-masa akan datang mungkin tidak kita lagi, tetapi kita hendak sesuatu institusi Parlimen kita ini dan berkemungkinan 20 muka tadi, mungkin banyak, mungkin sedikit, mungkin boleh ditambahkan lagi dan kita berharap kerajaan dapat menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk.

Tuan Yang di-Pertua, institusi ataupun Ahli Parlimen sebagai institusi pun begitu juga. Sebab itulah apabila saya memperkatakan supaya kita berusaha untuk mendapatkan *broadcasting* kita sendiri ataupun *webcasting* kita sendiri, dengan izin,

kerana kita dapati apabila ada pandangan-pandangan Ahli Parlimen, peranan Ahli Parlimen bukan sahaja di Parlimen, malah di luar kawasan kita, di negeri kita ataupun di mana-mana sahaja, supaya kita dapat memberi pandangan-pandangan kita. Kadang-kadang ada serangan-serangan tertentu daripada satu, dua penulis yang tidak faham tentang peranan Ahli-ahli Parlimen ini yang juga harus kita lihat serangan secara individu kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Haji Idirs bin Haji Haron: *[Bangun]*

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sehingga ada...Saya habiskan di sini sedikit. Sehingga ada baru-baru ini apabila ucapan Ahli Parlimen kita tentang memberi pandangan kepada kerajaan, sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri, sehingga ada penulis dalam media tertentu yang menyatakan bahawa pandangan Ahli Parlimen ini adalah pandangan yang begitu berat sehingga mengatakan bahawa Ahli Parlimen berkenaan telah menjatuhkan imejnya, Ahli Parlimen tidak patriotik dan sebagainya. *[Masalah rakaman]* Dan, kalau ada penulis yang dilihat mempunyai kepentingan tertentu mengatakan Ahli Parlimen tidak patriotik dan sebagainya, ini adalah suatu perkara yang amat berat, yang diserang kepada Ahli Parlimen, yang juga merupakan serangan kepada Parlimen keseluruhannya. Berertinya, Parlimen sekarang ini harus dilihat sebagai sebuah organisasi dan institusi yang kebal kedudukannya.

Malah kita bercakap apa pun kita dalam peraturan, dalam Perlembagaan, dalam undang-undang, kita pun kebal. Tetapi kalau kita ada salah laku umpamanya, kita ada aturan kita tersendiri. Kita tidak benar dan izinkan selepas ini, kalau ada apa jua ucapan dan pandangan Ahli-ahli Parlimen di Parlimen, disalah ertikan oleh pihak-pihak tertentu dan kalau hendak mengambil tindakan pun, mestilah melalui proses peraturan yang telah sedia ada di Parlimen kita ini. Kita ada Speaker, tidak akan Speaker tidak puas hati, Timbalan Speaker, Speaker harus menakhodakan Ahli-ahli Parlimen, kita ada aturan dan peraturan. Saya harap lepas ini sudah tidak ada masalah nilai-nilai murni, berbudi bahasa dan sebagainya.

Kalau ada Menteri hendak buat program hanya hendak tujukan kepada Ahli Parlimen seorang dua, saya setuju dengan pandangan Ahli Parlimen yang bercakap dengan nada yang tinggi macam saya. Memang saya tidak boleh bercakap nada yang rendah kerana pertamanya saya kecil dan rendah, suara saya mestilah kuat sikit, barulah saya *balance*, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Key*, itu tinggi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: *Keynya* kena tinggi. Dia punya irama kena tinggi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: C(-) minus.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kalau macam Dato' Badaruddin, dia boleh *slow*, pasal badan dia besar, jadi, kita sendiri ada, Allah S.W.T. sudah bagi kepada kita sebab itu kita kadang-kadang kena faham. Jadi kalau kerana minta pandangan secara spontan, untuk Menteri berhenti, untuk Menteri mengambil perhatian berat, itu dilihat sebagai Ahli Parlimen tidak berbudi bahasa, ini adalah suatu pendekatan yang malang kepada Ahli-ahli Parlimen dan kita berharap perkara ini tidak akan berulang, malah kita menerima pandangan pimpinan, kita menerima pandangan kerajaan. Sebagai Ahli-ahli Parlimen kita juga mempunyai kewibawaan kita sendiri. Jadi dalam hal ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Haji Idirs bin Haji Haron: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sama sendiri susahlah saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagilah, bagilah, bagilah. Saya minta elok-elok dekat dia. Cara lemah lembut...[*Gangguan elektrik*] [*Ketawa*] Budi bahasa, budi bahasa. Saya setuju tentang budi bahasa, tentang lemah lembut itu saya tidak berapa setuju. Sudahlah lemah, dia lembut pula, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kelam-kabut kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersimpati dengan Yang Berhormat bagi Dungun. [*Gangguan bekalan elektrik*] tetapi orang yang memandang, kumpulan yang menghina kami ini harus juga memikirkan bahawa di antara berjuta-juta rakyat yang ada di Malaysia ini, inilah yang dipilih untuk mewakili mereka dalam Dewan Rakyat yang mulia ini untuk menggubal undang-undang dan juga untuk menyuarakan

rintihan-rintihan rakyat di bawah supaya kita menjadi pengantaraan di antara rakyat dengan kerajaan. Jadi, kami ini menghadapi berbagai-bagai masalah sebagai seorang manusia insan yang Allah ciptakan ini, kami bukan ada segala-galanya, yang Allah S.W.T. bagi kepada kami adalah akal fikiran, kebolehan dan mungkin tenaga empat kerat ini untuk kami hendak membangunkan negara ini.

Jadi, kadang-kadang memang benar, Yang Berhormat bagi Dungun, kecil hati kami ini, terhiris perasaan kami apabila di akhir-akhir ini wakil rakyat selalu yang dipersalahkan. [*Gangguan bekalan elektrik*] Yang kami dapat ini ganjaran yang kami dapat ini, Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*]. Malu kalau kita hendak cakap dekat orang. Kadang-kadang Ahli Parlimen, Yang Berhormat bagi Johor Bahru, *Backbencher*, orang lain naik kapal terbang, Kelas *Business*, kita naik Kelas Ekonomi. Apabila duduk sebelah orang, orang tanya, '*Sir, What are you doing?*' Kita hendak cakap, kita Ahli Parlimen pun, ish, pasal depa ini tak ada kerja apa pun, *doing business*. Sampai taraf itu. Jadi, kita beritahulah kerja-kerja kecil, *government officer*.

Hendak kata Ahli Parlimen, dia kata, "*Hang ini pembohong, Ahli Parlimen naik kelas ekonomi*". Hendak buat macam mana? Gaji, berapa duit? Kalau hendak marah lagi, Yang Berhormat bagi Dungun, ADUN, Dewan Undangan Negeri, Pegawai Daerah, gaji dia besar daripada ADUN. ADUN hendak kena jaga satu kawasan. Ahli Parlimen, gaji kami ini setakat mana? Cuba tanya, tengok, *super scale* apa, *time scale* apa? Apa *scale* yang kami ada ini? Kadang-kadang saya pun tidak tahu *scale* mana saya duduk. *No scale*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadang-kadang orang kata, "*Pakai elok*". Hendak kena jagalah mutu Parlimen. Saya beli satu mahal, tetapi pakai sampai relai. [*Ketawa*] Mahallah, kalih-kalih tengok bos, tetapi had itulah, dua tiga helai kami beli untuk hendak tunjuk kelas Ahli Parlimen. Pergi restoran belum tentu lagi Ahli Parlimen belanja, kadang-kadang kawanlah belanja.

Jadi, kami ini Dato, haraplah bahawa kami ini berkorban untuk rakyat, untuk negara. Bukan sekadar duduk di sini untuk mengejar kekayaan ataupun mengharap kan ganjaran daripada jawatan kami, tidak. Saya amat bersimpati dengan sahabat saya daripada Dungun, cuma Dungun dia sabar. Saya ini kalau bercakap pasal Dungun, saya hendak meleleh air mata. Saya berasa cukup jauh hati. Apabila kadang-kadang

orang melihat kami ini sebagai tidak ada apa-apa, sedangkan yang ada dalam Dewan yang mulia inilah, yang menerajui kerajaan kita hari ini, yang membela rakyat hari ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di Pertua apa khabar? *[Bercakap dalam Bahasa Mandarin].*

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Budi bahasa Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bahawa Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri ini, kami ini memang benar adalah bekerja kepada rakyat. Tetapi walaupun kami ini hamba kepada rakyat, bekerja kepada rakyat, kami juga perlu kadang-kadang sedikit kata-kata manis yang boleh menyenangkan perasaan dan menghiburkan hati yang terguris ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya itu tambahan kepada pandangan saya dan saya ucapkan terima kasih dan kita bukan memerlukan sangat kepada pujian kerana ini kita menerima sebagai amanah. Tetapi kita hendak kesesuaian sebagai kumpulan yang dilihat profesional dan berwibawa.

Ahli-ahli Parlimen mempunyai hak untuk bersuara memberi pandangan sama ada pandangan itu menyebelahi kerajaan ataupun menentang prinsip dan kedudukan yang ada dalam kerajaan. Sebagai Ahli Parlimen yang berwibawa kita mempunyai multi pandangan, dengan izin yang mana tidak semestinya dilihat sebagai tidak patriotik oleh sesetengah media kerana mempunyai kepentingan tertentu.

Ini berlaku apabila Ahli Parlimen Johor Bahru selaku Pengerusi BN Backbencher memberi sedikit teguran untuk menyelesaikan beberapa isu jambatan di Johor dan kita melihat ada penulis selepas itu dalam *The New Straits Times*, yang menyatakan bahawa, kita tidak marah kalau ada di kalangan penulis mengkritik Ahli-ahli Parlimen secara profesional, tetapi kita juga tidak bersetuju sekiranya Ahli Parlimen dituduh tidak patriotik, tidak patriotik ini menderhaka namanya Tuan Yang di-Pertua. Menderhaka ini maknanya kena buang negara.

Kita ada Treason Act, dengan izin Akta Penderhakaan dan malah Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang banyak mengkritik kerajaan pun kita tidak kata menderhaka kepada negara, Yang Berhormat Kepong wakil dia ada, kita pun tak kata Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang sebagai penderhaka kalau ada isu-isu yang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah sebutlah nama. Tidak payah sebut nama.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kita sebutlah nama sedikit sebagai contoh.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Kawasan, kawasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kawasan, ya. Yang Berhormat Ipoh Timor, Maaf. Saya lebih mesra dengan nama. Tuan Yang di-Pertua sebab itulah kita berharap, bermula selepas ini kita berharap khususnya media massa yang telah banyak membantu kita, yang telah banyak menceritakan, mempamerkan kepada orang ramai tentang urusan-urusan di Parlimen kita ini dan juga peranan Ahli-ahli Parlimen di dalam membentuk sahshiah dan juga politik di kawasan kita, di negeri kita, di negara kita. Malah di peringkat antarabangsa sekalipun

Kita berharap tidak ada di kalangan mereka ini merasakan bahawa perkara-perkara seperti ini dapat diserang sewenang-wenangnya kepada mana-mana Ahli-ahli Parlimen kita. Biarlah kita sendiri menyelesaikan. Kalau sampai ke tahap menyatakan Ahli Parlimen kita tidak patriotik, menderhaka kepada negara. Ini akan menjejaskan imej kita sebagai Ahli Parlimen. Kita telah mengangkat sumpah dan ikrar sebelum kita berucap di sini sebagai untuk menjadi warganegara yang taat setia kepada negara. Tuan Yang di-Pertua sebab itulah saya pada hari ini hendak mengambil peluang, mengambil peluang di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan, dapat menilai kembali kepada suatu perkara yang telah menjadi prinsip dan amalan kita. Untuk melaksanakan apa yang kita namakan Rukun Negara di negara kita pada hari ini. Semua orang tahu tentang lima (5) perkara rukun iaitu:

1. Kepercayaan kepada tuhan;
2. Kesetiaan kepada raja dan negara;
3. Keluhuran perlembagaan;
4. Kedaulatan undang-undang; dan

5. Kesopanan dan kesusilaan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, dalam prinsip ini kita dapati bahawa kita harap melalui Rukun Negara juga dapat melahirkan sebuah negara yang bersatu, sebuah masyarakat yang demokratik amalannya, mempunyai masyarakat yang mempunyai sifat yang adil, kerajaan yang adil, masyarakat yang adil dan juga dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai sikap yang liberal, yang dinamik, yang maju dengan meletakkan prinsip-prinsip lima (5) perkara tadi.

Tetapi akhir-akhir ini saya dapati bahawa masalah Rukun Negara ini tidak menjadi suatu perkara yang sukar untuk diterjemahkan oleh rakyat kita. Semasa kita bersekolah dahulu tahun 60-an, 70-an Rukun Negara menjadi asas. Saya tidak tahu sejauh manakah tentang maklumat Rukun Negara ini dapat diterapkan kepada generasi muda kita, kepada anak bangsa kita di persekolahan sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah ataupun di peringkat varsiti ataupun kolej-kolej.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita berharap perkara-perkara prinsip ini iaitu kepercayaan kepada tuhan, dan juga kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, yang mana meletakkan Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu di tempat bahasa yang rasmi dan Bahasa Kebangsaan. Istimewa orang-orang Melayu dan kaum-kaum yang lain, asal yang lain. Hak-hak yang adil untuk kaum-kaum yang lain. Soal pemberian taraf kewarganegaraan dan tanggungjawab mulia dan suci seorang warganegara di dalam mempertahankan dan menjunjung perlembagaan.

Kadang-kadang kita melihat perkara-perkara seperti ini tidak dapat dihayati dengan sepenuhnya oleh rakyat kita. Saya merayu kepada kerajaan, menyeru kepada kerajaan di semua peringkat supaya kita memulakan semula gerakan menerapkan penghayatan Rukun Negara ke setiap lapisan masyarakat kita.

Tetapi sudah begitu lama kita ada Rukun Negara. Kita melihat ini sebagai suatu penghayatan semata-mata. Mengikut Islam Tuan Yang di-Pertua bila sebut rukun dia mesti buat lima-lima, kalau kita ada rukun pergi haji ke Mekah, kalau kita tinggal satu daripada rukun itu dianggap gagal untuk memenuhi, ini betul tidak Tuan Yang di-Pertua. Maknanya apabila sebut rukun mesti buat lima-lima tidak boleh buat satu daripada empat Tuan Yang di-Pertua. Maknanya ke lima-limanya kena buat.

Tetapi perkara ini apakah rakyat kita telah menghayati dengan sebaik mungkin setelah kita melalui proses pembangunan yang berlipat ganda daripada permulaan bagaimana kita meletakkan prinsip dan asas Rukun Negara ini. Apa yang berlaku dalam negara kita, walaupun ada pendekatan tertentu Rukun Negara ini adalah suatu proses penghayatan sebenarnya. Ini adalah harus berlaku di setiap jiwa, hati nurani rakyat kita. Tetapi kita tidak ada pelan amalan sebagai menterjemahkan Rukun Negara.

Saya mencadangkan pada hari ini supaya kerajaan dapat mewujudkan panel ataupun kumpulan tertentu untuk mengkaji, apakah bentuk amalan yang selama ini kita nampak banyak berlaku di dalam negara kita perkara-perkara kalau kita biarkan berlakunya akan menjadi perkara yang biasa di dalam kehidupan dan budaya kita. Sebab itulah, harus digariskan juga sebuah rukun yang saya cuba cadangkan pada hari ini supaya kerajaan mewujudkan suatu rukun rakyat sebagai penterjemahan dan gerakkan amalan rakyat kita.

Umpamanya apabila kita berkata kepercayaan kepada tuhan, rukun rakyatnya apa? Rukun Negara kepada raja dan negara, apakah bentuk amalan dalam bentuk rukun di peringkat rukun rakyatnya. Jadi rakyat juga, rukun rakyat harus menggariskan sebagai suatu pendekatan dan penterjemahan amalan rakyat kita terhadap menterjemahkan apa yang terkandung di dalam Rukun Negara.

Sebab itu, kita nampak pada hari ini, kita datang dengan tidak semena-mena dengan perkara-perkara yang menjadi penyakit dalam masyarakat kita. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua menggariskan beberapa perkara kalau tidak dibendung ianya akan menjadi perkara biasa dan sekarang pun telah dilihat sebagai perkara biasa walaupun ia dilihat sebagai tragedi dan sebagainya. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kita kepada masalah yang dihadapi dalam negara kita pada hari ini perkara-perkara yang berkaitan dengan *gangsterism*, dengan izin, bagaimanakah kedudukan etika dan kemalangan jalan raya. Saya sebut ini mungkin perkara kecil, dilihat perkara kecil, tetapi inilah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh kita di dalam membentuk suatu budaya baru, budaya tamadun di dalam negara kita. Kalau kita tidak tangani dengan baik ianya akan menjadi satu masalah besar di masa-masa yang akan datang.

Yang ketiganya ialah masalah ragut, masalah rogol umpamanya, masalah penyalahgunaan dadah, masalah pembunuhan, masalah sikap kita tentang kebersihan di rumah kita, di kawasan persekitaran kita, di kawasan bandar kita, di kawasan tempat kita tinggal, pejabat dan sebagainya.

Bagaimana sikap kita tentang masalah hutang piutang kerana kadang-kadang rakyat kita terlampau terbawa-bawa dengan sikap yang tidak baik. Banyak perkara umpamanya. Kalau MARA, kebetulan Tuan Yang di-Pertua pun tahu, pelajar-pelajar yang tidak membayar hutang MARA dan dilihat sebagai perkara biasa.

Ketiganya, ialah masalah ragut, masalah rogol umpamanya, masalah penyalahgunaan dadah, masalah pembunuhan, masalah sikap kita tentang kebersihan di rumah kita, di kawasan persekitaran kita, di kawasan bandar kita, di kawasan tempat kita tinggal, pejabat dan sebagainya. Dan, bagaimana sikap kita tentang masalah hutang-piutang kerana kadang-kadang rakyat kita, terlampau terbawa-bawa dengan sikap yang tidak baik. Banyak perkara umpamanya, kalau MARA, kebetulan Datuk Seri pun tahu pelajar-pelajar yang tidak bayar hutang MARA dan dilihat sebagai perkara biasa, malah graduan yang dibiayai oleh MARA umpamanya, dah berjumlah ratusan juta tak dapat dikutip..

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Boleh la, kesian kat dia kawan kita tu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dungun. Saya sebenarnya berdiri lama tadi nak bercakap tentang memartabatkan parlimen kita sebagai sebuah institusi tetapi oleh sebab kita dah jauh bergerak dan mendengar penuh perasaan apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Dungun sebentar tadi. Saya dapat mengambil kira suatu perkara yang inovatif, yang telah dilahirkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun, iaitu tentang Rukun Rakyat.

Rukun Rakyat *compliment* kepada Rukun Negara jika begitu saya fahamkan kerana Rukun Rakyat ini lebih kepada polisi *deployment*, Rukun Negara tadi bagaimana kita boleh menterjemahkan kepada tindakan harian oleh rakyat. Kalau begitu, kiranya

Yang Berhormat bagi Dungun boleh saya kongsi satu pengalaman di mana kalau kita lihat, kalau kita ada ukuran membandingkan semangat patriotisme rakyat di negara kita dengan negara-negara lain di dunia terhadap negara mereka. Umpamanya di Jepun, satu program yang begitu popular hari ini yang mengerak anak-anak muda Jepun ini ke arah sikap menjaga kebersihan, iaitu Program 5S, yang hari ni dipopularkan di negara kita oleh NBC, Perbadanan Pengeluaran Negara tentang bagaimana kita melatih sikap kita menjaga kepentingan di organisasi kita ke arah meminimumkan pembaziran dan memaksimumkan daya pengeluaran.

Yang Berhormat bagi Dungun, 5S ini [*Menyebut beberapa perkataan dalam bahasa Jepun*]. Lima-lima ini adalah suatu elemen membentuk budaya kita di dalam menjalankan aktiviti harian kita. Kalau kita lihat pun secara mendalam perkara ini diberitahu oleh nabi kita, Rasulullah s.a.w 1400 tahun dahulu. Di Jepun Yang Berhormat bagi Dungun, ia berlaku bukan di peringkat *primary school*, tetapi ia berlaku di peringkat *elementary*. Kanak-kanak berumur 3 tahun, 4 tahun dihantar ke sekolah dan diajar tentang apa itu 'seiri', asingkan di antara barang yang boleh diguna dan tidak digunakan. Kemudian, diajar tentang 'seiso', dah asing buang, dah buang, aturkan, dah atur, tandakan, dah tandakan, monitor, pantau, disiplinkan. Itulah cara diajar, dan diajar di peringkat sekolah tadika. Adakah Yang Berhormat bagi Dungun mencadangkan supaya Rukun Rakyat yang akan membentuk budaya positif yang akan membawa negara kita ke era kemajuan pada tahun 2020 nanti, bermula di peringkat tadika ataupun di peringkat kanak-kanak sekolah semasa kita sekolah dulu Yang Berhormat bagi Dungun. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, sahabat saya, Yang Berhormat Tangga Batu. Saya tidak berapa pandai berbahasa Jepun tetapi itulah hasrat, kerana kita hanya mempunyai Rukun Negara, walaupun kita dapat menghayati tetapi tidak ada penterjemahan. Jadi, model Jepun ataupun mana-mana model harus kita adakan sebagai suatu rukun yang saya ingin nyatakan sebagai Rukun Rakyat, sebagai penterjemahan amalan daripada penghayatan daripada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Kalau itu boleh dijadikan ataupun mungkin mengikut acuan kita sendiri, kerana negara kita tidak mungkin boleh ikut cara Jepun ataupun Korea dan sebab itu, kalau kita bercakap tentang pembangunan negara kita, kita juga melihat dalam masa kita

mempunyai prasarana yang begitu baik, bukan sahaja di agensi dan jabatan kerajaan, kita juga mempunyai prasarana seperti *highway* yang *first class*, jalan yang baik dan kita kereta yang banyak sekarang ini. Bukan sahaja tempat bandar raya sahaja yang menjadi sukar untuk kita lalui, tidak ada kawalan pengeluaran kereta, tidak ada pengawalan kepada jenis automobol yang ada di negara kita.

Perkara-perkara seperti ini juga mempamerkan sebahagian dari sikap, etika dan cara kehidupan harian. Saya berharap melalui beberapa kementerian, khususnya Jabatan Perdana Menteri dapat mengkaji dengan sedalam-dalamnya, supaya suatu bentuk dapat dilaksanakan sebagai penterjemahan bukan sahaja memulakan melalui daripada tadika tetapi kena berjalan serentak di semua peringkat umur masyarakat, kerana kadang-kadang orang tua akan menjadi model kepada orang yang lebih muda, dan orang muda akan menjadi model kepada remaja, dan remaja akan menjadi model kepada anak dan kanak-kanak yang lebih rendah daripada mereka.

Kalau ini dapat kita membudayakan semula masyarakat di antara rakyat kita, saya yakin dan percaya pembinaan tamadun bangsa kita sebagaimana sentiasa dilaungkan oleh pimpinan negara kita, kerana pada hari ini kita berkemungkinan pergi ke banyak pasar raya ataupun kita pergi banyak di antara kedai-kedai, pasar minggu dan sebagai, di mana-mana. Selepas pasar minggu kita dapati banyak sampah, sikap kebersihan yang tidak ada. Tetapi kita pergi negara maju seperti Korea ataupun Jepun yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, tidak ada sampah. Akhlak mereka sebagaimana dituntut oleh agama kita yang menjadi agama rasmi negara kita, tetapi mengapakah rakyat kita dan kita tidak dapat menghayati, mendisiplinkan diri kita tentang kebersihan ini.

Kalau ini tidak dapat dijadikan sebahagian daripada budaya dalam masyarakat kita, bagaimana kita nak bercakap tentang membina sebuah tamadun baru bangsa Malaysia yang bersatu-padu berwibawa dapat memacu kecemerlangan di serantau kita ini. Kalau perkara-perkara asas seperti ini tidak dapat menjadi salah satu daripada penerapan dalam pembinaan budaya bangsa di negara kita ini. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menggariskan beberapa perkara tadi tentang perkara-perkara yang dilihat agak *simple* tetapi harus ditangani dengan baik.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi *gangsterism*, kemalangan jalan raya, *gangsterism* kita pun tahu, kumpulan gengster bukan sahaja berlaku di luar, di bandar-bandar, di kampung-kampung tetapi sekarang ni dah berlaku di sebahagian kecil sekolah-sekolah asrama penuh dan sebagainya. Jadi ini, kalau kita tidak tangani dengan baik ia akan menjadi perkara biasa di masa-masa akan datang. Sebab itulah kemalangan jalan raya kita dapat laporan, tahun 2004 sahaja dah berapa bilion kerana kemalangan jalan raya dan Malaysia mencatatkan kematian jalan raya yang terbesar sekali dalam seluruh negara. Kematian jalan raya Tuan Yang di-Pertua, tak semena-mena kita mati kerana kita berlanggar ataupun menerima kemalangan jalan raya. Jalan kita baik berbanding negara yang tidak maju, seperti Laos umpamanya, sekarang ni tidak ada jalan tar yang baik, jalan berdebu, kita mempunyai *first class highway*, jalan yang baik tetapi kita tidak menggunakan dengan baik.

Jadi, perkara-perkara ini harus dilihat, dikaji dengan terperinci dan juga perkara-perkara yang menyayat hati seperti ragut umpamanya dan perkara-perkara penyalahgunaan dadah, pembunuhan, umpamanya. Saya adalah sikit di sini daripada internet, kalau kita tengok cerita-ceritanya agak sensasi tetapi seperti pembunuhan pada 14 Jun 2003 kepada Canny Ong umpamanya, dan kita nampak perkara ini sebagai suatu perkara, menjadi suatu cerita di dalam media massa dan ini berlaku bukan salah pun Canny Ong, tetapi kita tahu bagaimanakah keputusan-keputusan sebelum itu. Norita Shamsudin dah dibicarakan salah tak salah dan sebagainya tetapi itu bukan isunya tetapi pembunuhan yang tak semena-menanya berlaku pada 5 Disember 2003.

Pada 7 Oktober 2000 kita dengar Suzaili Mokhtar, seorang anak muda yang kita latih, yang nak pergi temu duga bekerja, seorang jurutera yang telah kita lahir, mati kerana sifat pemandu ataupun mana-mana orang yang telah melakukan perkara ini sehingga Nor Suzaili menjadi mangsa korban pembunuhan kerana sifat kerja-kerja yang dibuat oleh pemandu. Pemandu dia itu bernama Mohd Hanafi Mat Hasan mungkin tindakan sudah diambil, tetapi kalau Hanafi itu mempunyai sikap yang boleh mengawal dirinya mungkin pembunuhan kepada Suzaili Mokhtar pada 7 Oktober 2000 tidak mungkin berlaku.

Begitu juga pada 17 Januari tahun 2004, kepada Nurul Huda Abdul Ghani umunya hanya 10, kanak-kanak yang berusia 10 tahun, Nurul Huda namanya meninggal dunia selepas dipercayai dirogol dan diliwat bergilir-gilir di sebuah pondok pengawal keselamatan stesen jana kuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB), di kampung Pekajang Tanggung Kupang, Gelang Patah, Johor. Ahli Parlimennya ada dekat belakang *[mengalihka pandangan ka arah Yang Berhormat bagi Gelang Patah]*, Ahli Parlimen Gelang Patah dan kalau tindakan ini, pengawal keselamatan, namanya Mohamad Abas Darus Bakhsan mengaku bersalah. Kalaulah pengawal keselamatan ini mempunyai ciri-ciri budaya sebagai suatu masyarakat yang telah dapat diterjemahkan melalui beberapa etika, akhlak dan sebagainya tidak mungkin anak kecil yang hanya berumur 10 tahun dirogol dan akhirnya dilihat meninggal dunia, mati dan ini merupakan kes pembunuhan.

Serupa juga pada 23 Oktober tahun 2000, tiga atau empat tahun yang lalu, iaitu Norsyuhada Borak, umurnya 6 tahun, dia ditemui mati dalam tangki air di bumbung bangunan kediaman 3. Mangsa yang tinggal di tingkat 2, rumah jenis town house itu dipercayai dirogol antara jam 9 malam hingga 11 malam dan mengenali penyerangnya remaja berusia 12 tahun kerana dilihat berbual-bual dengan mereka sebelum kejadian dan ini hanya merupakan sebahagian daripada cebisan yang dibuat oleh media kita dan kita ucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan tindakan selanjutnya diambil oleh polis.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]: Yang Berhormat, Seri Gading. Yang Berhormat, mengapa berdiri lama sangat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Dia seronok dengar saya cerita Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, lihatlah perkara-perkara seperti ini yang berlaku dalam negara kita dan perkara ini akhirnya hampir 100%, perkara isu-isu pembunuhan dalam negara kita dapat ditangani oleh polis.

Dulu seketika, imej polis ini agak tercemar dan pada hari ini kita dapati polis dapat memainkan peranan yang amat penting sehingga hampir 100% isu yang berkaitan dengan pembunuhan ini dapat ditangani oleh polis di negara kita dan wajarlah pada hari ini kita di Parlimen merakamkan tahniah dan ucapan terima kasih kepada seluruh

pasukan polis yang telah dapat menyelesaikan masalah pembunuhan yang dilakukan beberapa tahun-tahun mutakhir ini.

Imej polis sebenarnya jauh lebih baik sebagaimana yang digembar-gemburkan sebelum ini dan kita ucapkan pasukan polis sebagaimana Yang di-Pertuan Agong itu pun ada menyatakan bahawa kedudukan-kedudukan tertentu termasuk tangga gaji akan dikaji semula dan kalau boleh tolonglah memberi pendekatan ataupun memberi penilaian yang lebih sesuai dengan anggota polis. Malah saya boleh menyatakan pada hari kalau kita melihat kepada negara-negara yang bukan sahaja membangun malah negara membangun, negara yang telah maju pun kalau kita pergi kewibawaan polis mereka, polis kita jauh lebih berwibawa daripada polis, di negara-negara lain.

Malah sekarang ini, keselamatan, *security feeling* dengan izin, perasaan keselamatan keseluruhan negara kita kadang-kadang juga inilah punca-punca yang menyebabkan kita terpaksa berdepan dengan masalah-masalah yang kita hadapi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah disebut tentang kebersihan, kita mempunyai agensi-agensi kerajaan. Kita mempunyai pihak swasta umpamanya dan juga kita mempunyai rakyat yang harus bertanggungjawab bersama kalau kita hendak membina sebuah tamadun yang baik di negara kita. Tadi saya sedang bercakap tentang hutang-piutang, sikap rakyat kita baru-baru ini PTPTN, Pengerusi PTPTN Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuala Terengganu, sekarang ini pening kepala, duit tidak berapa cukup, hendak berapa bilion? Dengan KWSP. Ada dia punya union pula tidak izin, macamlah KWSP itu union yang punya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Yang Berhormat. Minta jalan sekejap boleh?

Datuk Rosli Bin Mat Hassan: Boleh.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat, yang menyentuh, boleh dikekalkan semua aspek yang penting dan juga yang serius berlaku sekarang ini di kalangan masyarakat. Saya ingin, sebelum pergi jauh saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang jenayah-jenayah yang disebutkan sebentar tadi itu terutama sekali rogol, termasuklah anak-anak yang di bawah umur yang sangat muda. Ini semua fenomena.

Fenomena ini berlaku dari suatu masa ke suatu masa. Setujukah Yang Berhormat kalau pihak kerajaan menubuhkan satu *commission* untuk menyiasat apa yang sebenar punca. Kalau punca ini tidak ditemui, pastinya fenomena ini akan berterusan. Saya pohon pandangan Yang Berhormat. Terima Kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima Kasih. Sebenarnya punca, kita pun tahu puncanya. Sebab itulah punca daripada sebahagian kecil masyarakat kita yang terkeluar daripada akhlak dan etika tertentu yang ketika itu, di saat itu ingin melakukan kerana suasananya. Jadi punca-punca termasuklah sebagai rakyat walaupun kerajaan telah menggariskan beberapa perkara tetapi masih lagi juga kita tidak dapat membendung perkara-perkara seperti ini.

Berkemungkinan suatu panel ataupun suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi, juga harus di bentuk dengan secepat mungkin supaya kita dapat menyelesaikan isu-isu ini. Tetapi isu-isu yang kita bangkitkan ini kita tidak boleh diselesaikan dengan cepat dan isu-isu ini juga *segregate* dalam bentuknya tetapi saya kumpulkan sebagai suatu perkara yang berlaku sedang berlaku yang dihayati ataupun menjadi sebahagian daripada budaya kita.

Sebab itu Yang di-Pertua PTPTN tadi umpamanya, sekarang ini kita tidak jumpa, kerajaan seperti kerajaan Barisan Nasional yang ada, tidak cukup biasiswa membuat pinjaman bukan sahaja melalui PTPTN malah melalui yayasan negeri dan sebagainya, tetapi apakah sikap rakyat kita yang telah *graduate* yang telah kerana sudah dapat bekerja tetapi tidak membayar hutang. Saya menyerulah pada hari ini supaya sikap seperti ini harus diubah serta merta oleh rakyat kita dan ini berlaku oleh ahli.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Beluran, mana? Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hasan: Ini, Beluran. YB, Okey YB.

Datuk Ronald Kiandee: terima kasih Yang Berhormat Dungun, sikap pelajar merupakan salah satu faktor yang menyebabkan hutang tidak dibayar kepada PTPTN. Tetapi kalau kita mendengar keluhan di kalangan pelajar yang ingin membayar hutang kepada PTPTN ini terdapat juga kelemahan di pihak pengurusan PTPTN sendiri yang tidak mempunyai outlet untuk mereka membayar dan ada di kalangan pelajar ini yang

mengeluh yang mereka ini juga ada masalah untuk membayar. Hendak membayar kepada PTPTN juga merupakan satu masalah. Jadi sikap pelajar dengan pengurusan PTPTN merupakan antar faktor yang harus dilihat untuk memudahkan pelajar-pelajar membayar balik hutang mereka secara baik dan dengan berkesan. Jadi selain pelajar PTPTN juga satu faktor menyumbang kepada masalah pembayaran balik ini. Adakah Yang Berhormat setuju PTPTN juga harus dibaiki dari segi pengurusannya.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Ya, saya bersetuju kedua-dua sekali dan saya berkeyakinan kepimpinan Yang Berhormat Dato' Razali kita selaku Pengerusi PTPTN yang baru dapat menguruskan PTPTN ini, tapi saya lebih banyak kepada sikap kepada peminjam yang melalui PTPTN ini dan malah ada pinjaman kepada bank, syarikat-syarikat kewangan yang lain. Ini hanya sepintas lalu untuk menceritakan kepada kita bahawa sikap sebahagian besar rakyat kita tentang kefahaman, penghayatan tentang hutang piutang ini, Terengganu ni payah sikit sebut 'G' dengan 'N' ni.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Jadi hutang piutang ini harus dijadikan budaya yang baik kalau kita nak jadikan kita sebagai warganegara dan rakyat yang baik dan nak mencerminkan sebuah negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ...yang boleh membina tamadun. Terima kasih.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat ingin menyarankan kepada kerajaan dan juga badan-badan NGO bahawa apa juga undang-undang apa juga dasar, selagi tidak ada kefahaman, selagi masyarakat tidak dibudayakan, tidak ada tambah nilai diri untuk berubah, maka undang-undang itu tinggal begitu sahaja. Jadi kita perlu sekurang-kurangnya mengadakan 'road show' secara besar-besaran, memberi kefahaman kepada sama ada pelajar, sama ada si pemiutang dan sebagainya, bahawa tanggungjawab mereka, budaya mereka apa juga yang mereka pinjam perlu

dipulangkan. Seperti juga negara-negara di Jepun, dia tidak menghadapi masalah seumpama ini, sebab rakyatnya berbudaya. Dia tahu apa dia pakai dia mesti pulangkan. Jadi mungkin sudah tiba masanya kerajaan melaksanakan satu dasar untuk memberi kefahaman ini melalui media-massa, melalui wakil rakyat, pembangkang dan sebagainya, membudayakan masyarakat kita supaya mereka memahami tujuan, matlamat, pinjamakah, biasiswa dan sebagainya itu bukan milik dia mutlak, tapi harus dipulangkan supaya kerajaan kita tidak muflis dalam menghadapi masalah-masalah seumpama ini. Selain daripada itu, kita harus kembali kepada soal pokok, iaitu institusi-institusi pinjaman ini harus ada sistem-sistem yang tersusun dan teratur, jangan tidak jelas dia punya arahan. Apabila tidak jelas, orang akan keliru, maka akan berlakulah komplikasi seperti yang kita hadapi pada hari ini.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, saya bersetuju. Sebab itulah perkara-perkara ini juga, walaupun kita ada aturan dan peraturan, pendidikan ataupun asuhan kepada rakyat di semua peringkat harus kita laksanakan. Sebab itu saya cuba membuat perbandingan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat tentang isu-isu yang berkaitan dengan iklan di dalam negara kita. Kalau kita perhatikan bahawa, umpamanya iklan 'Tak Nak Merokok' ini, saya tak tahu berapa belas juta. Tapi saya ada terbaca suatu *slot*, yang menyatakan iklan 'Tak Nak' itu saja perbelanjaannya 17 juta, 17 juta....katanya lebih daripada 17 juta. Tetapi saya ada baca satu *slot* yang 'Tak Nak' itu. Apakah iklan yang dibuat oleh agensi kerajaan, saya bukan nak tuju kepada Kementerian Kesihatan semata-mata, tetapi iklan yang dibuat oleh kerajaan, kadang-kadang ia tidak mencerminkan, tidak dapat dihayati oleh rakyat. Serupa juga kalau kita tengok *billboard*, *billboard* tentang sungai kita umpamanya, kita nak suruh rakyat cintakan sungai, tapi kita tengok bagaimana di pihak agensi kerajaan, kementerian-kementerian membuat iklan yang membelanjakan, sungai saja saya rasa lebih dari 5 juta. Dulu kita buat 'Cintailah Sungai Kita'. Kita ada berapa puluh sungai, ratus sungai dan juga perkara-perkara seperti ini kita nampak tidak mencerminkan kepada suatu bentuk iklan yang boleh dibuat kerana semata-mata kita nak buat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ini banyak berlaku beberapa iklan, di beberapa kementerian yang ada dalam negara kita. Tetapi kalau kita bandingkan dengan... Yang Berhormat Ketereh nak? Sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Dungun, terutamanya terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Dungun kerana diberi peluang untuk berucap dan *alhamdulillah* saya, setakat ini masih terus mengagumi beliau. Terdahulu Yang Berhormat bercakap mengenai iklan. Bila sebut pasal iklan, saya teringat satu iklan yang popular baru-baru ini iaitu iklan di mana nak menunjukkan kesopanan orang kita, dia tunjuk orang buta naik LRT. Kemudian orang buta itu duduk melanggar, kemudian ada orang tak nak bagi tempat duduk, barang jatuh. Sepintas lalu kelihatan seolah-olah iklan ini menggambarkan inilah kehendak kita hendak tengok, supaya orang kita prihatin kepada orang yang cacat. Tetapi bila saya tengok berulang-ulang kali, sebenarnya hati saya terguris Tuan Yang di-Pertua. Saya terguris kerana saya melihat ia sudah jadi terbalik. Saya tak tahulah siapa yang meluluskan iklan ini, apa motifnya yang sebenar. Saya lihat, yang biadab, dalam iklan ini, ialah seorang pemuda Melayu. Saya tidak berniat untuk menimbulkan perasaan,... perasaan perkauman. Yang biadab dan memalukan adalah satu orang anak muda daripada satu bangsa, yang sebenarnya, bangsa yang penuh dengan sopan santun, beragama Islam dalam negara yang mendidik rakyatnya jadi baik. Tiba-tiba kita *portray*, dengan izin, satu watak, anak Melayu yang kurang ajar, anak Melayu yang tidak faham apa itu budaya. Kemudian yang membantunya juga adalah satu orang lain, yang menghiris perasaan saya.

Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat Dungun, apakah iklan yang sebegini kita benarkan, menjadi tontonan anak muda zaman ini, dan ini dia bangsa kita. Saya tahu niatnya baik. Tetapi dalam melaksanakan niat, perbuatan juga harus baik. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Ketereh. Saya minta bermula pada hari ini dan ini bukan perasaan Yang Berhormat seorang. Ini pandangan majoriti masyarakat kita bahawa

iklan ini, telah....*backfire*, dengan izin, kepada kita dan saya iklan ini dihentikan bermula malam ini atau besok, setuju dak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kita minta iklan ini Tuan Yang di-Pertua, dihentikan oleh televisyen bermula malam ini ataupun besok. Malam ini takut tak sempat, minta tolong pegawai yang ada maklumkan kepada menteri yang berkenaan bahawa ini perintah dan permintaan, daripada Parlimen, dan ini bukan mencerminkan seorang anak Melayu yang *educated*, dengan *tie*, *executive*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Apakah itu yang sebenarnya mempamerkan masyarakat kita. Dan kalau kita melihat, saya tak guna sentimen seperti ini, tetapi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta sedikit laluan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan:di dalam perkara-perkara seperti ini, harus mempunyai kebijaksanaan tertentu, di dalam kerja-kerja iklan yang nak dibuat oleh kerajaan. Sila Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Dungun. Saya ada pandangan berbeza dengan Ketereh dan Dungun. Saya melihat anak muda ini tidak kurang ajar. Minta maaf, ini pandangan saya. Pandangan saya, dia duduk dengan beban, ada beban di peha dia. Dia ada barang yang dipangkunya. [*Ketawa*] Jadi macam mana dia nak bangun. Satu, dia tak bagi kepada si buta, si buta ni tegap boleh berdiri, untuk apa bagi kerusi dan LRT ni lima minit sahaja. Jadi pada pandangan saya, si budak muda tidak salah, dia buta, tapi dia gagah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, adakah itu bererti....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah itu bererti, iklan itu boleh diteruskan pada malam ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi saya boleh diteruskan tak ada masalah. [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: . Cuba teliti baik-baik. Dia ada beban, dia ada benda yang dipangku. Macam mana, kalau Datuk ada beban Datuk, macam mana Datuk nak bangun. Ini, berbanding dengan orang yang lain tak ada beban dia boleh pasal LRT ini memang ada tempat duduk, memang ada tempat berdiri. Berdiri bukan jadi satu kehinaan atau satu beban, kerana LRT 5 minit berhenti, 5 minit berhenti. Dia bukan macam Datuk daripada K.L nak pergi ka Kulai, tak ada itu jauh. Tak, ini pendek dan si buta ni Datuk, dia tak bagi tempat kerana dia gagah berdiri dan boleh berpaut. Tak jadi salahlah tak bagi dia tempat. Jadi saya rasa, teruskanlah iklan ini. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau masyarakat kita mempunyai fikiran yang *advance*, yang berpendidikan tinggi, yang luas pemikiran seperti Yang Berhormat Sri Gading saya percaya iklan ini boleh diteruskan. *[Ketawa]* Kerana, di Terengganu umpamanya tidak ada LRT, di Kelantan pun tak ada LRT. Kadang-kadang iklan ini adalah untuk semua peringkat masyarakat. Jadi perkara-perkara ini dilihat secara lamanya, dia memberi satu kedudukan, persepsi ramai, kadang-kadang benda yang betul, mungkin pandangan Yang Berhormat Sri Gading pandangan yang betul, tetapi sebenarnya persepsi yang salah.

Sebab itulah saya rasa tidak salah supaya iklan ini dihentikan dan digantikan dengan iklan-iklan yang lebih sesuai dan ianya tidak mempamerkan kepada satu orang sahaja yang tidak mempunyai budaya. Berapa berat pun barang, kalaulah kita mempunyai sifat dan nilai budaya juga nilai murni yang tinggi kita akan letak barang kita dan kita beri peluang ini standard dan cara kita spontan sebenarnya. Cuma Yang Berhormat hendak mengetahui sama ada iklan ini sesuai ataupun tidak secara keseluruhannya iklan ini tidak sesuai untuk dipamerkan secara berterusan dan kita berharap kerajaan dan kementerian berkenaan dapat menghentikan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kalau boleh buat satu iklan yang lain.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dungun. Bercakap tentang iklan yang sama saya mempunyai

pandangan yang sedikit yang berlainan. Memandangkan pengamalan ataupun penghayatan kepada budaya berhemah tinggi ini bukan sahaja terletak kepada *the end user* kepada pengguna di hujung meja sana tetapi juga terletak kepada *supplier* dan pembekal. Kalau kita perhatikan balik iklan tersebut dia tidak menyediakan langsung kemudahan untuk orang kurang upaya. Di sini kita lihat bagaimana sebenarnya kita hendak melaksanakan sesuatu yang berhemah dan berbudi bahasa apabila sistem mekanisme ataupun polisi yang ada di kalangan kita ini tidak membenarkan kita untuk mencipta ataupun membentuk budaya yang berhemah. Jadi di sini Yang Berhormat Dungun, saya ingat iklan itu mempunyai *message* kepada operator LRT untuk menyediakan tempat orang kurang upaya dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mungkin dari satu segi itu *message* kepada LRT, tidak payahlah buat iklan. Sebenarnya kita salah faham, apabila sebut iklan dan dipamerkan dalam televisyen ia mestilah untuk tatapan masyarakat bukan LRT; LRT boleh dipanggilkan oleh pihak pengurusan, LRT boleh buat. Ini Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak kacau cara yang tidak kena ini. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Keterah dan kurang bersetuju sedikit dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Fasal rakyat kita tidaklah secerdik dan sehebat Yang Berhormat bagi Sri Gading dan ini sebenarnya macam-macam. Saya sebenarnya sebelum berterima kasih kepada Yang Berhormat Keterah kerana memperingatkan dan banyak iklan-iklan ini harus dikaji semula oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Iklan-iklan ini mesti dikaji semula oleh kerajaan. Okey.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Dungun. Sebelum apa-apa tindakan diambil ke atas iklan ini, Sabak Bernam ingin memberikan pandangan khusus tentang bagaimana hebat dan kuatnya pengaruh iklan ini kepada media massa, kepada orang ramai. Dalam dewan ini sendiri saya yakin dan percaya bahawa setiap Ahli Yang Berhormat boleh bercakap mengenai satu iklan ini sahaja dengan pelbagai tafsiran.

Oleh kerana itu sebagai pengimbangan kerana iklan ini telah diluluskan dan diketengahkan, dia ada *message* tertentu yang hendak disampaikan iaitu nilai murni. Kita harus lihat dalam konteks itu tetapi dalam apa juga gambaran yang diberikan dia mesti ada *plus and minors* – pro dan kontra dengan izin maknanya dia kekuatan dan kelemahannya. Oleh kerana itu seperti apa yang diketengahkan tadi ada kelemahannya saya mencadangkan supaya ada satu lagi iklan atau pun beberapa iklan lagi yang memberikan keseimbangan tentang apa yang dipaparkan itu. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Juga saya bersetuju dan kalau hanya satu iklan ini sahaja kena hentikan. Kalau kita hendak buat iklan lain kita buat iklan lain kerana kita adalah sebuah negara yang mempunyai ramai suku kaum dan bangsa-bangsa tertentu yang harus tidak diberi *back fire* dari segi jangka panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Kerai.

Yang Berhormat, sebenarnya masalah iklan ini telah mengambil masa 15 minit. Nanti tidak mahu lagi.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Dungun juga Yang Berhormat bagi Ketereh. Kita pun tidak hendak ambil masa yang panjang mengenai iklan tetapi kerana iklan ini ditonton oleh seluruh negara maka benda ini harus kita kaji. Jangan kita berhentikan semena-mena sebab interpretasi manusia ini berbeza-beza. Bagi saya budi bahasa adalah budaya kita. Rakyat dapat menilai yang mana baik dan yang mana buruk. Budi bahasa tidak mengira buta; yang buta pun berbudi bahasa. Dia boleh ambil dan sebagainya. Jadi janganlah kita berhentikan kerana seperti mana Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kata tadi interpretasi itu banyak dan boleh kita tambah dengan nilai-nilai budaya bahasa yang lebih murni lagi. Yang ini dapat ditonton dan dapat dinilai oleh masyarakat sendiri iaitu kita tidak lari daripada budi bahasa. Budaya kita tidak mengenal siapa, butakah atau bangsa mana pun kalau berbudi bahasa nilainya murni dan nilainya tinggi. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Maksud tadi apabila iklan ini hanya dibuat satu jenis sahaja ia harus dipelbagaikan. Kalau dihentikan dulu kemudian dipelbagaikan bentuk-bentuk kerana nilai murni, budaya

dan juga sopan santun ini bukan hanya naik LRT semata-mata. Banyak isu-isu yang boleh diketengahkan oleh pihak kementerian dan kerajaan kalau hendak mempamerkan perkara-perkara yang berbentuk seperti ini. Malah ada iklan-iklan ini harus juga kerajaan menilai.

Kerajaan harus menilai bahawa syarikat-syarikat iklan di dalam negara kita ini terutama sekali syarikat bumiputera dan syarikat gabungan di antara bukan bumiputera dan bumiputera kurang diberi tempat. Banyak di antara iklan-iklan raksasa yang besar belanjanya itu tadi banyak pihak kerajaan beberapa kementerian memberi kepada syarikat-syarikat yang di peringkat antarabangsa seperti Saachi & Saachi, O & M , Bates dan banyak lagi syarikat-syarikat antarabangsa yang diberikan peluang oleh kerajaan sedangkan ramai di antara usahawan-usahawan kita sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera ataupun gabungan di antara bumiputera dan bukan bumiputera di dalam soal menyediakan pengiklanan ini yang ada di negara kita harus diberi peluang.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat bagaimana pihak swasta membuat iklan. Saya bukan hendak memuji pihak swasta tetapi ada beberapa iklan yang saya dapati ianya menyentuh perasaan dan hati nurani kita. Umpamanya apabila hari raya, bagaimana Petronas membuat iklan tentang kenegaraan, macam mana kemerdekaan negara. Saya tengok ramai di antara kita menghayati bagaimana anak India menghormati bapanya hendak mengingatkan ingatan-ingatan lalu, bagaimana ayahnya semasa kecil, datuk kepada cucunya dapat mengingati bagaimana rakyat Malaysia ketika itu bangsa Melayu, bangsa China dan bangsa India, dipamerkan melalui iklan yang dibuat oleh Petronas. Kita dapat menghayati bagaimana generasi muda melalui iklan ini menghayati suatu pendekatan hari kemerdekaan dan cintanya kepada negara dan akhirnya dapat meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat dan masyarakat dalam negara kita.

Kalau kita tengok juga seperti iklan EON umpamanya pada hari raya juga tentang bagaimana balik kampung. Bagaimana kita masih ingat kereta besar tidak mahu lari ke tepi akhirnya kereta kancil sahaja hanya lari ke tepi memberi peluang kepada kereta besar dan akhirnya kita merasakan bahawa sikap kita sebagai pemandu kenderaan walaupun kita mempunyai kereta besar tidak semestinya kita mempunyai keupayaan dapat mempamerkan nilai-nilai murni budaya kita sebagai warga negara

yang baik. Sebab itulah iklan-iklan yang dibuat oleh pihak swasta ini mendapat tempat yang baik sehingga dapat dihayati oleh penonton-penonton dalam negara kita.

Serupalah juga dengan TNB dan Telekom umpamanya bagaimana seorang anak.... Dia memang hendak mengiklankan dia punya TM-touch dan sebagainya tetapi akhirnya dalam iklan itu sendiri juga memberi bagaimana seorang anak dapat menghubungi bapanya melalui telefon tanpa selular ini dan ini merupakan keuntungan pelbagai di samping dapat mempamerkan barangan dan produknya tetapi dalam masa yang sama dapat melahirkan, itulah yang sepatutnya dapat dilahirkan oleh generasi kita sebagai anak-anak yang menghormati kedua-dua ibu bapa mereka.

Dalam hal-hal ini saya berharap kempen nilai budi bahasa ini melalui iklan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak boleh bincang nantikah? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Jerai]*. Masa selepas pukul 1.00 tengah hari nanti boleh bincanglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Berbincang di luar orang tidak tahu. Ini mahu kasi Parlimen tahu.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Dungun kerana cuba memintas masa saya dulu 2 jam 48 minit, dia akan sampai. Dari segi kempen budi bahasa ini saya memang bersetuju Tuan Yang di-Pertua, kerana apabila dunia ini moden dan maju manusia sudah tidak ada lagi perasaan berkasih sayang di antara satu sama lain. Manusia mempunyai sikap mementingkan diri.

Sebab itulah kadang-kadang enam bulan ataupun enam minggu sakit dia tidak tahu. Dengar-dengar sudah mati. Itu mati pun dia pergi tengok sat, selepas itu dia pergi. Jadi kita tidak ada lagi perasaan begitu rupa. Tetapi ini harus kita adakan dan adakah Yang Berhormat bersetuju daripada saya supaya kita didik mereka mengikut didikan agama ini supaya anak-anak kita ini mengikut agama ini yang menyuruh kita bersatu padu di antara satu sama lain, sayang-menyayangi di antara satu sama lain dan adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita kuatkan lagi pendidikan agama di peringkat anak-anak kita lagi daripada kerajaan dan juga ibu bapa bertanggungjawab.

Ibu bapa mesti bertanggungjawab kepada anak-anak, bukan kerajaan. Kalau semua hendak serah kepada kerajaan, susah. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju kita kuatkan pendidikan agama supaya daripada pendidikan ini maka datanglah kasih sayang, datanglah hormat-menghormati, tidaklah kita ketuk orang, pukul orang kerana *jam* sedikit kita turun, kita marah kepada orang dan sebagainya supaya kita tanamkan semangat kesabaran kepada orang-orang itu. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Betul tidak, Yang Berhormat bagi Pasir Mas?

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidur.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah. Macam mana Yang Berhormat, setuju tidak?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam hal-hal atau perkara ini, perkara yang agak luas dan subjektif, bukan sahaja nilai-nilai tentang agama malah bukan sahaja agama Islam, malah agama-agama lain. Sebab itu kalau kita pergi balik tadi kepada peringkat awalan, prinsip kepercayaan kepada Tuhan yakni setiap warganegara kita hanya menerima warganegara yang beragama. Warganegara Malaysia tidak boleh menjadi *Atheist* iaitu tidak percaya kepada agama.

Dalam soal-soal ini, ianya telah berlaku di dalam negara kita tetapi perkara-perkara sampingan ini berlaku yang saya nyatakan tadi hingga berlakunya beberapa perkara negatif di dalam budaya masyarakat kita tadi harus dinilai di dalam beberapa sistem yang ada di negara kita. Sebab itu dalam sistem pelajaran kita, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya rasa kata kunci yang penting yang telah diapungkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi adalah tentang pendidikan yang juga disokong oleh Yang Berhormat bagi Jerai sebentar tadi sebagai kita harus menyuntik dan membina nilai-nilai murni dan juga berbudi pekerti. Namun kita jangan lupa hakikat bahawa realiti masyarakat kita ini berbilang kaum dan agama yang mempunyai persepsi yang berbeza di antara satu sama lain.

Bagaimanakah agaknya cadangan Yang Berhormat bagi Dungun untuk memastikan masyarakat kita yang berbilang kaum dan agama itu mempunyai persepsi dan yang mempunyai tasawur *world view* yang berbeza-beza? Bagaimanakah kita hendak mencari titik temu untuk memastikan kesefahaman dan persetujuan keseluruhan dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum dan agama? Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini sebenarnya telah kita capai sebagai satu proses kerana pendidikan sebagaimana Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu sedia maklum bahawa pendidikan adalah satu proses. Pelajaran dan pembelajaran juga adalah merupakan satu proses. Selepas kita merdeka sehingga sekarang kita telah melalui proses melalui beberapa pendekatan sistem yang ada pada kita. Sebab itu peningkatan, dengan izin, *upgrading system* dan *delivery system* yang ada di dalam sistem pelajaran kita juga harus diolah.

Sebab itu kita dalam seminggu dua ini saya secara jelasnya bahawa selepas kita merdeka, kita ada Akta Pelajaran dan kita ada Dasar Pelajaran Kebangsaan dan kita ada banyak sekolah kebangsaan. Kita telah menggunakan berbilion ringgit setahun untuk membina prasarana dan infrastruktur di sekolah-sekolah kita. Sebab itu di sekolah-sekolah kebangsaan kita sekarang ini telah cuba diangkat kedudukan sekolah kebangsaan kita tetapi dalam masa yang sama kita juga harus menerima pakai pakatan yang sedia ada terutamanya di peringkat sekolah kebangsaan itu iaitu sekolah rendah sahaja bahawa kita juga ada sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil), sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah rendah kebangsaan. Cuma orang Melayu sahaja tidak ada sekolah rendah jenis kebangsaan (Melayu). Melayu sahaja tidak ada, Cina ada, India ada. Melayu memang tidak ada.

Kita bersyukur kepada Tuhan kerana kita masih melihat isu ini sebagai satu isu pakatan bersama dan kita berharap kepimpinan di peringkat tertinggi dapat melihat ini sebagai permulaan kepada pembentukan sahsiah generasi anak-anak kita sama ada anak-anak itu akan menjadi daripada keturunan Cina....

Tuan Salahuddin bin Ayub: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ...sama ada keturunan Melayu... Sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berbalik kepada kita berbincang masalah tamadun bangsa kita. Dalam negara kita terdapat tiga kaum yang menjadi komponen besar iaitu Melayu, Cina dan India dan ketiga-tiga bangsa ini berasaskan tamadun. Melayu ada tamadun Melayu yang berasaskan Islam, orang India dan Cina berasaskan tamadun mereka yang ulung yang lebih tua daripada tamadun kita.

Tetapi yang menghairankan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Dungun, kenapa kes-kes jenayah di Malaysia pada hari ini menampilkan semacam bangsa-bangsa ini menghadapi satu penghakisan. Saya bagi contoh, negara-negara di Semenanjung Scandinavia yang dianugerahkan oleh PBB baru-baru ini sebagai tempat yang paling selamat untuk diduduki. Mereka dahulu *viking*, mereka ini dahulu lanun tetapi hari ini menjadi *peacemaker*, menjadi *mediator*. Jadi, apakah kerajaan kita hari ini, saya ingin menyokong cadangan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tadi, kita perlu ada satu *commission* untuk mengkaji “*what went wrong?*”, kenapa kita jadi *anti clockwise* hari ini? Kenapa kita hari ini menjadi satu bangsa yang kita sangat sedih, sangat malang kerana kita hari ini menghadapi masalah-masalah yang besar.

Pembunuhan hari ini, orang Melayu, orang Cina, penjenayah-penjenayah ini, kita surut ke belakang. Jadi, saya rasakan kita kena kaji *the roots of the problem*. Apa sebenarnya yang tidak kena? Adakah kita diasimilasikan oleh budaya Barat? Termasuk iklan tadi, bagus iklan-iklan Petronas, bagus iklan-iklan TNB, tetapi adakah peratus iklan dalam 24 jam ini, adakah iklan yang negatif mengatasi iklan yang positif? Ini yang saya rasa sesuatu yang perlu ada satu *commission* untuk dikaji? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya masalah dalam perkara-perkara yang bermasalah tadi tidaklah berlaku secara berleluasa. Di negara kita sebenarnya kita berterima kasih kerana keadaan kita agak terkawal. Tetapi peringatan ini adalah peringatan awalan. Sebenarnya ia tidaklah seburuk sebagaimana yang kita gambarkan pada peringkat awalan. Tetapi inilah sebahagian sikap negatif kita yang sedang berlaku dalam negara kita yang sekira-

kiranya kalau kita tidak bendung, tidak betul-betul untuk membuat satu pendekatan yang strategis, berkemungkinan ini akan menjadi perkara biasa.

Perkara ini tidak menjadi perkara biasa dalam budaya kita tetapi perubahan-perubahan ini adalah perkara-perkara yang membentuk satu pembangunan sosial dalam negara yang menghambat kemajuan tetapi mengikut acuan dan budaya kita sendiri. Sebab itulah kita cuba membicarakan isu ini secara menyeluruh, bukanlah kerana ada satu, dua isu sehingga kita menyatakan negara kita sebagai negara yang porak-peranda, negara kita sebagai negara yang macam-macam masalah yang kita hadapi sebagaimana saya gariskan tadi.

Itu tadi adalah untuk mengingatkan kepimpinan kerajaan, untuk mengingatkan kepimpinan masyarakat dan untuk mengingatkan diri kita sendiri bahawa inilah sebahagian kecil gejala-gejala dahsyat yang sedang berlaku tetapi kalau tidak dibendung daripada sebaik mungkin, kewibawaan yang ada di peringkat *authority* dan peringkat masyarakat kita dan ini akan menjadi perkara biasa.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju juga daripada pandangan daripada rakan-rakan yang lain tetapi bukanlah ia bermaksud untuk menyatakan ini merupakan sebahagian besar yang sedang berlaku dalam negara kita. Sebagai contohnya apabila bukan semua orang Melayu, orang Islam tidak membayar hutang daripada baik dan kalau kita tengok bukan semua orang Cina umpamanya dilihat mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi yang membayar hutang daripada baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Bukan semua orang India yang sekarang ini ditekankan oleh keluarga masyarakat India supaya dapat melahirkan profesional yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah ucapan?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa lama lagi, Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sambung dalam satu jam lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu jam lagi, boleh. Yang Berhormat, sambung pada petang inilah. Pukul 2.30 petang boleh sambung.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula, diminta Yang Berhormat bagi Dungun untuk menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sedang menyentuh masalah berkaitan dengan kewujudan beberapa sistem yang telah kita bangunkan dalam negara kita, termasuk Sistem Pelajaran Kebangsaan, yang juga mempunyai kaitan dengan apabila kerajaan selepas pilihan raya tahun lepas, kita telah membuat dua kementerian, Kementerian Pelajaran dan satu lagi ialah Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam perkara-perkara ini, sebagai untuk mewujudkan sebuah bangsa yang berilmu, yang bertamadun di masa-masa akan datang supaya kita dapat menghadapi cabaran-cabaran semasa, maka kita beranggapan bahawa ada perkara-perkara yang boleh diperbaiki lagi, khususnya oleh kerajaan dan juga masyarakat kita tentang bagaimana kedudukan sekolah kebangsaan kita.

Untuk makluman kita bersama bahawa kedudukan sekolah-sekolah rendah negara kita, khususnya sekolah kebangsaan telah banyak dibelanjakan oleh kerajaan. Tiap-tiap tahun kita telah membina melalui beberapa rancangan termasuk Rancangan Malaysia Kelapan dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, Kementerian Pelajaran, saya rakamkan ucapan terima kasih kerana telah melihat beberapa negeri yang dilihat agak ketinggalan dalam perkara-perkara tentang penyediaan prasarana pendidikan ataupun pelajaran kepada sekolah rendah, khususnya yang mana akan memberi fokus kepada negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak dan juga Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita masih dapat menyediakan prasarana pendidikan dan pelajaran ini kepada rakyat kita dan secara puratanya, buta huruf yang ada dalam negara kita tidak sampai pun 5% kalau dibandingkan negara-negara sedang membangun yang lain. Malah di negara-negara

ASEAN pun, kita rasa bersyukur kerana kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional dapat menyediakan pelbagai kemudahan-kemudahan termasuk juga pengurusan sekolah-sekolah rendah di negara kita. Walaupun akhir-akhir ini timbul sedikit sebanyak tuntutan untuk mengadakan sekolah rendah kebangsaan seperti Cina dan Tamil, kita berharap kerajaan dapat menangani melalui semangat permuafakatan yang ada dalam negara kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nak bagi laluan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Dungun. Saya amat menghargai pandangan, pendapat, buah fikiran yang dilontarkan sebentar tadi berkaitan dengan sekolah kebangsaan, yang menyentuh juga Sabah dan Sarawak. Tetapi kalau Kementerian Pelajaran sahaja menyediakan sekolah yang lengkap, tetapi kalau hendak sampai ke sekolah anak-anak kita di Sabah dan Sarawak kena turun pukul dua pagi, apa makna sekolah yang begitu baik? Jadi, soalnya mesti ada penyelarasan, kalau boleh di mana-mana sekolah yang di luar bandar di Sabah dan Sarawak, jalan menuju ke sekolah itu mesti dilaksanakan supaya tidak anak-anak kita turun rumah jam dua pagi untuk pergi ke sekolah. Ini satu keadilan yang mesti ditangani oleh Kerajaan Barisan Nasional. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Dungun?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih kepada Yang Berhormat tentang keprihatinan Yang Berhormat bagi Sri Gading tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan anak-anak kita yang banyak sekarang ini berlaku di Sabah dan Sarawak, berkemungkinan di Semenanjung Malaysia, perkara ini telah hampir seratus peratus telah dapat diatasi. Sebab itulah permukiman Ahli-ahli Parlimen baru ini, di atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, program permukiman, keterlibatan gotong-royong supaya mempamerkan kepimpinan kita, supaya ia dapat dijelaskan kepada masyarakat setempat khusus di Sabah dan Sarawak bahawa kecerakinan pembangunan bukan sahaja boleh dilihat dalam bentuk penyediaan prasarana sekolah semata-mata ataupun penyediaan guru semata-mata, tetapi kesan lain terutama sekali penyediaan pengangkutan, penyediaan jalan-jalan yang baik, berkemungkinan di luar

bandar di masa-masa akan datang yang agak jauh di pedalaman, bolehlah di sekolah rendah kita ini dapat dibinakan terus sebagai asrama desa ataupun diperkuatkan dengan bagaimana kita hendak menguruskan rakyat ataupun anak-anak kita di peringkat sekolah rendah ini, di sekolah-sekolah pedalaman supaya ada asrama di sekolah, supaya mereka tidak lagi terlibat dengan perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya berkeyakinan Rancangan Malaysia Kesembilan nanti akan dilihat sebagai satu rancangan yang akan memudahkan lagi pendekatan kerajaan dalam menyediakan prasarana pelajaran bukan sahaja dalam bentuk penyediaan fizikalnya tetapi juga dalam pembentukan penyediaan perkara-perkara yang berkaitan dengan *substance*, dengan izin, . Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sekarang ini, polemik yang sedang berlaku di antara tuntutan beberapa rakan-rakan kita terutama sekali dari Kaum Tionghoa, tentang untuk menambahkan Sekolah Kebangsaan Cina dan sebagainya, kita berharap

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Boleh saya habiskan sekejap? Kita berharap kerajaan melalui pimpinan yang ada dapat menyeragamkan keputusan-keputusan ini kerana dari dulu, sebagaimana termaktub di dalam Akta Pelajaran kita, kita berharap ia dapat diselaraskan dengan baik. Tetapi yang menjadi masalah sekarang ini ialah sekolah kebangsaan kita sendiri. Boleh dikatakan persoalan-persoalan yang timbul ialah mengapa hanya kebanyakannya hanya anak-anak orang Melayu sahaja kita hantar ke sekolah kebangsaan? Mengapa orang-orang Cina, khususnya dan orang-orang India, tidak mempunyai keyakinan untuk hantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan? Apakah bentuk sekolah kebangsaan sekarang ini telah bertukar menjadi imejnya sebagai sekolah agama ataupun sekolah yang tidak mencerminkan kekebangsaannya, yang sesungguhnya sekolah kebangsaan yang kita adakan pada hari ini adalah untuk semua kaum termasuk etnik-etnik yang lain.

Sebab itu saya meminta khususnya Kementerian Pelajaran dan juga kerajaan-kerajaan negeri dapat bekerjasama supaya sekolah kebangsaan kita harus diperkasakan kedudukannya. Apakah kedudukan mutu dan komitmen guru-guru di

sekolah rendah kita ini tidak dapat mencerminkan bahawa mereka sedang berada di sebuah aliran sekolah kebangsaan yang berada..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ..yang berada di dalam negara kita pada hari ini..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Dungun. Saya ingin kembali tadi dari segi pemberian-pemberian kemudahan asas pendidikan di Sabah seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi.

Persoalan di sini ialah peruntukan-peruntukan daripada kerajaan itu banyak, tetapi persoalan dia, masalah dia ialah dari segi penyelarasan, ada sekolah diberi begitu canggih kemudahan dia, katakan sekolah menengah tetapi asrama tidak diberi, kemudian ada sekolah yang banyak lagi kemudahan diperlukan tidak diberi apa-apa peruntukan dibina sekolah baru, adakah Yang Berhormat bersetuju yang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini khususnya perlu dibuat penyelarasan satu dari segi pengagihan peruntukan, dan yang kedua dari segi pelaksanaan pemberian kontrak dan sebagainya. Sebagai contoh dalam sebuah sekolah pembekalan elektrik satu kontrak buat *wiring* satu kontrak bina tempat *genset* satu lagi kontrak pembekal *genset*, akhirnya setelah selesai ketiga-tiga kontraktor cabut tidak ada lampu.

Adakah Yang Berhormat bersetuju perkara ini harus diselaraskan oleh kementerian dan jangan dibiarkan pihak jabatan di negeri Sabah misalannya untuk membuat pelantikan-pelantikan ini dan akhirnya tidak dapat diselesaikan masalah ini, yang pertama.

Yang kedua dari segi pelaksanaan dasar 3M membaca, mengira dan menulis. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perlu dibuat pemantauan pada tahap satu, iaitu sampai tahun tiga perlu dibuat pemantauan sama ada pelajar-pelajar kita sudah menguasai kemahiran membaca.

Saya dapati di kawasan saya yang calon UPSR sendiri pun masih lagi tidak menguasai kemahiran membaca, dan kalau sekiranya tidak dikenal pasti pada tahun tiga, maknanya di akhir tahap satu dan tidak dibuat apa-apa akhirnya dia akan sampai

ke UPSR tidak lulus UPSR pun dia akan bersekolah menengah dan ini akan membebaskan pembelajaran di peringkat sekolah menengah. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran, terima kasih dan pada dasarnya kita bersetuju supaya penyelarasan ini dapat diuruskan dengan baik, tetapi pada hari ini kita banyak membicarakan tentang apakah kedudukan sekolah kebangsaan kita, ini menjadi sebuah sekolah yang mempamerkan sebagai ianya adalah sekolah kebangsaan orang Melayu, jadi dalam hal ini saya berharap marilah bersama-sama kita memperkasa pendekatan baru supaya sekolah-sekolah rendah kebangsaan kita ini betul-betul menjadi sekolah-sekolah rendah yang mencerminkan kekebangsaan kita ..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya pun keliru dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah puncanya apabila sekolah kebangsaan seolah-olah sekolah Melayu dan bangsa-bangsa yang lain tidak mahu masuk ke sekolah kebangsaan, apakah sekolah kebangsaan ini tidak berkualiti, tidak bermutu dari segi pendidikan dia, guru-guru dia malas ke? Tidak peramah ke? Ataupun apa kemusykilan-kemusykilan sehingga menyebabkan masyarakat Malaysia kita enggan menghantar anak-anak mereka melainkan memiliki sekolah jenis-jenis kebangsaan yang lain.

Adakah Yang Berhormat memberi maklumat yang cukup ataupun kita perlu mencari atau mewujudkan satu jawatankuasa khas mengkaji kenapa masyarakat bangsa lain ini tidak mahu menyertai, mungkin ada punca-punca dia masalah-masalah dia, dan di sinilah integriti nasional kita tidak terwujud, kita berkenalan tetapi tidak bermesra kita sama-sama, tetapi tidak tahu antara satu sama lain. Jadi inilah kebimbangan kita, bagaimana kita mengisi generasi bangsa kita pada masa-masa akan datang kalau kita tidak mulakan, sedangkan pepatah Melayu ada menyatakan 'melentur buluh biarlah dari rebungunya, kalau sudah jadi buluh bagaimana mahu di lentur lagi'. Sila jawab Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Kinabatangan inilah persoalan yang saya pun sama dengan Yang Berhormat, yang saya

tidak mempunyai jawapannya, yang harus dilihat sebagai suatu fenomena baru yang harus dikaji dengan terperinci oleh Kementerian Pelajaran khususnya, bagaimanakah kita hendak memperkasakan sekolah kebangsaan kita sehingga tidak ada keyakinan daripada keluarga kita yang berbahasa Tionghoa dan berbahasa lain untuk menghantar kepada sekolah kebangsaan kita ini. Apakah gurunya tidak komited atau piawai pada guru-guru kita masih tidak seperti guru-guru yang berada di sekolah rendah kebangsaan yang lain atau jenis kebangsaan seperti Sekolah Cina dan Sekolah Tamil dan ini harus dikaji oleh kementerian supaya kita dapat mencari jalan, bagaimanakah usaha-usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan kita ini supaya benar-benar ianya memcerminkan suatu bentuk penyediaan prasarana pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak kita yang boleh ditumpang oleh semua anak bangsa kita, sama ada Melayu, Cina dan India ataupun keturunan-keturunan lain.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ...dan saya berkongsi pengalaman dengan Kinabatangan supaya satu kajian yang menyeluruh untuk memperkasakan sekolah kebangsaan kita ini. Kita melihat bahawa pendemokrasiansekejap lagi boleh Yang Berhormat, sekejap ya, sekejap boleh Yang Berhormat. Kita boleh pada keseluruhannya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran khususnya, kerana dalam hal ehwal mendemokrasikan anak-anak kita di sekolah yang miskin umpamanya banyak di antara program-program pelajaran telah dilaksanakan oleh kerajaan, contohnya seperti Skim Pinjaman Buku Teks, dulu katanya ibu bapa yang berpendapatan RM1,500.00 ke bawah.

Sekarang ini kita dengar kenyataan daripada Menteri Pelajaran Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin, bahawa berkemungkinan Skim Pinjaman Buku Teks untuk sekolah kebangsaan dan sekolah rendah ini akan diberi kepada semua dan kalau ini dapat dilaksanakan ianya baik untuk seluruh rakyat kita. Dalam masa yang sama kita mengucapkan terima kasih kerana ada biasiswa kecil seperti Biasiswa Kecil Persekutuan dan juga Biasiswa Peralihan yang disediakan oleh..

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*.....

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai.

Datuk Rosli bin Mat Hassan:....yang disediakan oleh kerajaan ...

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sekejap lagi, sekejap lagi boleh tidak, sekejap lagi...boleh Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, Kuala Krai.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ...saya hendak habiskan ini saja sikit. Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak juga bantuan-bantuan seperti bantuan *off, one-off* pakaian seragam seumpamanya Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, sekolah bersepadu pelajar sihat, pengedaran bahan kesihatan untuk sekolah rendah, bimbingan dan kaunseling untuk pelajar-pelajar yang hendak pergi ke sekolah menengah dan juga di peringkat sekolah menengah elaun khas kepada pelajar-pelajar cacat dan sebagainya. Tidak ada negara, sebenarnya jarang ada di seluruh dunia kita pada hari ini mempunyai pendekatan-pendekatan seperti ini yang memungkinkan pendemokrasian pelajaran untuk memberi peluang kepada murid-murid kita di negara kita ini tanpa mengira kaum mendapat peluang-peluang ini sama ada mereka daripada keluarga yang senang ataupun daripada keluarga yang miskin dan susah. Sebab itu saya berharap juga supaya ada impaknya, saya berharap pendekatan skim-skim ini supaya dapat menggunakan rakan-rakan kita di kalangan Ahli-ahli Parlimen, jadi Yang Berhormat Menteri berkemungkinan tidak ada masa sebenar hendak turun tiap-tiap Parlimen, hendak turun tiap-tiap sekolah pada seluruh kawasan kita.

Saya berharap supaya ianya adalah suatu gagasan yang kita ingin pamerkan kepada rakyat, kalau boleh biarlah Ahli-ahli Parlimen kita menjadi wakil kepada menteri di kawasan masing-masing, supaya kita dapat sama-sama membantu skim-skim yang ada di dalam Kementerian Pelajaran ini untuk membantu anak-anak miskin kita supaya sampai kepada mereka, tidak melalui secara sekarang ini daripada kementerian terus ke sekolah, kadang-kadang kita sebagai pemimpin dalam masyarakat dalam Parlimen kita sendiri tidak berapa tahu apa yang sedang berlaku.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menghayati saranan ini sebaik-baik mungkin supaya ianya boleh membantu kita di dalam menterjemahkan cita-cita murni kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri berkenaan. Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Dungun yang begitu lantang dan lancar membahaskan

Titah Ucapan Diraja. Saya tertarik dengan bidang pendidikan ini, satu-satunya bidang pendidikan yang rakyat sekarang ini tertanya-tanya dan ternanti-nanti mengenai dengan beberapa perkara yang tidak puas hati.

Yang pertama saya hendak sentuh mengenai isu tidak boleh membaca tadi, Yang Berhormat bagi Dungun. Lima peratus pastikan, adakah jumlah ini satu analisis yang betul oleh sebab kita dapati rata-rata di luar bandar murid-murid yang tidak boleh membaca dari darjah satu sampai darjah enam, merata-rata kita dapati kebanyakannya tidak dapat membaca, dan setujukah tidak Yang Berhormat bagi Dungun supaya satu kajian dibuat dengan rapi kerana kita kasihan anak-anak di luar bandar ini tanpa boleh membaca dengan baik, mereka pergi ke sekolah-sekolah menengah – tingkatan satu, tingkatan dua dan seterusnya. Itu yang pertama.

Yang kedua mengenai Sekolah Jenis Kebangsaan. Kita sudah Merdeka sejak 46 tahun dan sudah sampai masa dan ketikanya sebagai bahasa ibunda, bahasa kebangsaan, bahasa Melayu kita diutamakan dan bahasa rasmi adalah bahasanya. Maka sudah tentulah kerajaan kita dapat menghapuskan langsung Sekolah Jenis Kebangsaan ini demi keutuhan bangsa kita sebagai memperkasakan bahasa ibunda kita sebagai bahasa rasmi. Sudah sampai masanya setelah hampir 50 tahun kita Merdeka, setujukah tidak Yang Berhormat bagi Dungun supaya sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan ini kita hapuskan demi mengutamakan, memperkasakan bahasa ibunda kita?

Yang ketiga, mengenai dengan pengajaran bahasa Inggeris. Rata-rata di luar bandar, Bahasa Inggeris ini tidak mendapat layanan. Contohnya di kawasan Parlimen Kuala Krai, dua hari mereka pergi, namanya ada, kemudian balik ke bandar-bandar. Setujukah tidak Yang Berhormat bagi Dungun supaya pengajaran Bahasa Inggeris ini dapat diberi satu elaun khusus supaya penduduk-penduduk luar bandar ini dapat menikmati Bahasa Inggeris ini, terutama sekali dalam pengajaran Sains dan Matematik yang rata-rata dibuat dengan Bahasa Kebangsaan tetapi dasar kita adalah mengajar dengan Bahasa Inggeris.

Ini saya dapat melihat sendiri di beberapa buah sekolah di mana hasil yang diutamakan oleh kerajaan tidak dapat dilaksanakan. Setujukah tidak Yang Berhormat bagi Dungun supaya dapat dibentuk satu jawatankuasa khusus untuk memperlihatkan

pengajaran bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah-sekolah ini agar ia dapat berjalan dengan baik. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Pada keseluruhannya ini adalah pandangan untuk memajukan Sekolah Kebangsaan kita dan tidak timbul masalah untuk menutup Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. [*Tepuk*] Kejayaan negara kita selepas kita Merdeka melalui beberapa akta terutama Akta Pendidikan menunjukkan kita menghormati semua kaum di dalam negara kita. Tidak bererti adanya Sekolah Kebangsaan (Cina) ataupun Sekolah Kebangsaan (Tamil) tetapi ia tidak menjadikan Sekolah Kebangsaan kita ini sebagai Sekolah Kebangsaan yang tidak boleh menjamin kepada penyusunan suatu sistem pelajaran di peringkat awalan kerana di peringkat sekolah menengah tidak ada sekolah rendah jenis yang kita katakan tadi – sekolah menengah di peringkat ini, hanya di sekolah rendah sebagai yang termaktub di dalam perjanjian kita.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kita berharap perkara ini akan dapat dirundingkan di peringkat pimpinan kerajaan yang tertinggi kita kerana perkara ini agak sensitif yang mana saya menghormati semua kaum dan kita hendak menyatupadukan masyarakat kita. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah bagaimana untuk mengangkat martabat serta memperkasakan Sekolah Kebangsaan kita itu sendiri. Itu sebenarnya yang menjadi isu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Soalan yang kedua [*Beberapa Ahli minta kebenaran untuk mencelah*] saya tidak habis lagi menjawab persoalan sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, lima peratus daripada kadar celik huruf (*literacy rate*) based on percentage kebetulan ada data bersama saya, mengikut sumber daripada Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi, pada tahun 1999, kadar celik huruf kita ialah sebanyak 93.7 peratus, bererti kita kurang 6.3 peratus; tahun 2000 ialah 93.8 peratus, yang mana kita masih kurang 6.2 peratus,

peningkatan kepada satu peratus dan pada tahun 2001, sebanyak 93.9 peratus, peningkatan kepada 0.1 peratus dan tahun 2002 sebanyak 94 peratus dan naik mendadak sebanyak satu peratus pada tahun 2003 iaitu 95 peratus, yakni yang buta hurufnya hanyalah lima peratus.

Kalau jumlah pelajar-pelajar kita beberapa ribu orang, kalau didarabkan lima peratus itu nampak macam banyak. Mungkin kalau ada masalah di Kuala Krai, saya rasa elok sangat Yang Berhormat Ahli Parlimen berbincang panjang dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang bagaimana hendak menyelesaikan masalah anak-anak buah Yang Berhormat di kawasan Kuala Krai supaya masalah Bahasa Inggeris, masalah celik huruf ini bagaimanakah hendak membuat kelas-kelas tambahan dan sebagainya sebagai isu yang spesifik di Kuala Krai. Berkemungkinan di kawasan lain kadarnya tidak setinggi seperti di kawasan Kuala Krai yang dipimpin oleh Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun [Masing-masing cuba menarik perhatian Yang Berhormat Dungun supaya diberi peluang bercakap]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Yang Berhormat bagi Ketereh dulu, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang lebih besar ialah soal pendemokrasian pelajaran. Saya berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat bagi Dungun yang mengatakan bahawa pada masa ini ibu bapa menghadapi satu dilema yang besar – orang Melayu dengan dilema orang Melayunya, orang bukan Melayu dengan dilema orang bukan Melayunya apabila timbul soal persekolahan.

Orang Melayu mendesak supaya Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan menjadi lebih *Islamik* dan mereka tidak menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan dan ke Sekolah Menengah Kebangsaan kerana mereka merasakan bahawa Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan ini tidak begitu *Islamik*. Dalam waktu yang sama, Kementerian Pelajaran mendapat tekanan daripada orang bukan Melayu yang mengatakan bahawa Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan terlalu *Islamik*. Menteri tidak ada, Timbalan Menteri

sakit, Setiausaha Parlimen pun tidak ada, [*Memandang ke arah kerusi Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen*] saya harap pegawai kanan terutamanya [*Memandang ke arah kerusi pegawai bertugas*] ada? Oh! Minta maaf, tidak nampak, terlindung, minta maaf pegawai-pegawai faham masalah ini.

Daripada kita menuju kepada perpaduan, kita akhirnya *drifting away* dan saya yakin inilah di antara punca yang menyebabkan ramai orang bukan Melayu, sama ada ia daripada parti komponen Barisan Nasional apa lagi daripada parti pembangkang, merasakan bahawa orang Cina memerlukan sebuah sekolah yang menjaga kebudayaan dan bahasa mereka kerana mereka tidak mendapat gambaran bahawa bila mereka pergi ke Sekolah Kebangsaan, identiti mereka akan terpelihara.

Tetapi tidak dulu. Kenapa dulu perkara ini tidak berlaku? Dulu tidak berlaku kerana pada pandangan saya *the experts are there*, [*Merujuk kepada pegawai-pegawai kementerian yang bertugas*] guru-guru kita datang daripada berbagai-bagai bangsa – guru saya Mr. Chin, guru saya Mr. Ooi, guru saya Mr. Bala, guru saya *Arthur Stevenson*, guru saya juga Ismail Harun, Mamat bin Dollah, Ustaz Hashim. Tetapi sekarang kenapa guru hanya satu bangsa? Apakah ini salah kementerian? Tentunya tidak salah kementerian!

Kita tengok pengambilan untuk memasuki ke maktab juga, kita tengok komposisi gurunya sekarang menuju ke arah satu bangsa – banyak guru hanya Melayu, baik di Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Menengah Kebangsaan. Kenapa jadi begitu? Kita juga bertanggungjawab. Kenapa orang Cina tidak suka menjadi guru? Apakah kerana gajinya kurang atau profesion ini tidak hebat? Kita ada tanggungjawab. Tanggungjawab kita ialah mencari perpaduan itu seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun. Bagaimana hendak mencari perpaduan? Melalui persekolahan yang diamalkan dari kecil hingga besar.

Maka yang ditujunya apa? Sebuah *mainstream National School* yang boleh membawa perpaduan tetapi mesti diyakini oleh bangsa Melayu, bangsa Cina dan bangsa India. Bagaimana? *The experts have to know it*. Ini dilema kita. Tidak usah kita berbalah soal orang Cina mesti ada sekolah lebih, orang Melayu mesti ada sekolah lebih, orang yang kuat agama mesti ada sekolah agama, itu soal lain. Soalnya, ke mana

kita mahu menuju? Negara Malaysia yang aman, negara Malaysia yang bersatu, negara Malaysia yang kukuh mengandungi berbagai-bagai bangsa ini. Tidak perlu kita berbincang panjang soal itu tetapi jangan ada di Kementerian Pelajaran yang berfikiran mahu *impose one's will to another*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, boleh bersetuju?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, dan itulah sebenarnya dilema yang kita sedang hadapi sekarang ini. Dan saya berharap suatu bentuk kajian yang lebih terperinci kerana pendekatan rakyat kita pada hari ini banyak mempunyai persepsi yang agak salah dan juga pelaksanaan di sekolah kebangsaan kita juga. Kadang-kadang kalau saya orang Cina, apabila pergi ke sekolah kebangsaan pada hari ini, apabila memulakan dengan bukan saya anti membaca Al-Quran ataupun belajar agama kerana saya memang mendidik anak-anak saya kepada sistem pembelajaran agama yang terbaik mungkin. Tetapi sekolah kebangsaan kita telah berubah sebenarnya menjadi seolah-olah sebagai sekolah kebangsaan agama.

Ini merupakan masalah kerana kadang-kadang terbawa dengan beberapa ustaz di sekolah yang tukang baca doa pun dia dan guru besar pun terpaksa ikut, dan ini sebenarnya bertentangan dengan pendekatan yang ada. Kita berharap masalah yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi dapat kita lihat dalam perspektif yang lebih luas kerana matlamat kita mengasuh anak-anak kita di peringkat sekolah kebangsaan adalah untuk melahirkan warga negara yang cintakan kepada negara, untuk melahirkan anak-anak kita yang mempunyai ilmu yang sesuai dan sebagainya.

Kita juga minta supaya suatu bentuk pendekatan bagaimanakah kaedah dan caranya kita hendak memperkasakan sekolah kebangsaan ini supaya ia benar-benar dapat mencerminkan 'kebangsaan' itu sendiri dalam masa yang sama dapat memberi keyakinan yang tinggi kepada semua kaum untuk hantar anak-anak ke sekolah kebangsaan

Beberapa ahli: [Bangun]

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat. [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memperbetulkan fakta sedikit. Saya hendak memperbetulkan Ahli Yang Berhormat bagi Dungun. Saya hendak membetulkan yakni mengenai dengan bahasa sekolah jenis kebangsaan tadi. Saya rasa amat simpati kerana kita pelbagai bangsa,

jadi saya oleh sebab memperkasakan bahasa kebangsaan setelah kita merdeka 47 tahun, jadi saya teringat untuk memperkasakan, maka kita tutup semua sekolah ini supaya bahasa kebangsaan dapat diutamakan.

Jadi saya tarik balik yang itu, kita boleh teruskan tetapi demi bahasa kita, maka diharapkan semua ini dapat memberi keyakinan kepada sekolah kebangsaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah Yang Berhormat, tak payah tarik balik.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tak payah tarik balik, saya dah jawab jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan maksud Yang Berhormat untuk...

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tadi ada orang suruh tarik balik, tiada apa. Yang Berhormat, dia seorang yang pemimpin yang ber.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Bukan maksud Yang Berhormat tadi untuk menutup sekolah jenis kebangsaan tetapi untuk memperkasakan bahasa.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat.: Ya, itu betul Tuan Yang di-Pertua.. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Pengkalan Chepa.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih adik saya Ahli Yang Berhormat bagi Dungun. Saya amat tertarik dengan ucapan ini, saya hendak minta pandangan dalam dua, tiga perkara yang serabut juga dalam fikiran saya fasal ini.

Pertama sekali saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh sebab saya ada pengalaman contoh yang baiknya untuk integrasi kaum, sekolah merupakan landasan yang paling penting begitu juga bahasa. Dulu di sekolah, kalau di Kota Bharu Sultan Ismail College (SIC) dan Sekolah Menengah Zainab, saya pernah mengajar di situ. Di sini apabila sekolah-sekolah Inggeris itu, bahasa Inggeris itu ditukar kepada sekolah kebangsaan, guru-gurunya ada Cina, ada India, murid-murid begitu juga. Agama pun kuat, tetapi masa agama ini kita kecualikan murid-murid daripada tidak berbangsa Melayu.

Oleh kerana itu integrasi cukup hebat dan sekolah pun tidak timbul masalah. Jadi tidakkah boleh pihak kementerian menukarkan guru-guru di sekolah kebangsaan yang besar-besar ini supaya guru-guru ini bercampur. Ini satu, saya setuju dengan itu.

Yang keduanya, saya percaya pihak MCA yang membangkitkan untuk membanyakkan sekolah jenis kebangsaan ini dengan niat langsung tidak niat untuk menjejaskan perubahan negara, saya yakin itu. Tetapi ada sesuatu yang tidak puas hati untuk menangani murid-murid berbangsa Cina, atau kaum Cina ini terutama di bandar-bandar. Jadi pihak kerajaan mesti mengkaji balik apa sebenarnya, dan saya percaya bahawa ini bukan soal .chauvinism, tidak, saya percaya. Mesti ada alasan-alasan yang kukuh kenapa permintaan itu diminta walaupun pihak anggota masyarakat terutama sekali, pihak universiti, profesor-profesor nampak tidak bersetuju. Profesor Khoo Kay Kim, pernah menyarankan bahawa sekolah kebangsaan ini sepatutnya mengadakan pelajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan dan pelajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan untuk mencukupkan alasan-alasan bahawa sekolah ini memang sekolah yang boleh diperkasakan bukan untuk orang Melayu sahaja tetapi untuk semua pihak.

Cadangan ini patutlah diterima. Kemudian, Yang Berhormat Datuk Samy Vellu, dalam dua tiga hari wawancaranya dia mengatakan kerajaan dulu ada sekolah wawasan, tapi sekolah wawasan itu MIC nya boleh terima untuk menempatkan sekolah-sekolah kebangsaan Tamil dalam kawasan yang sama tetapi kerajaan tidak berbuat apa-apa, dia kata. Saya percaya bahawa perkara-perkara ini mesti ditimbang.

Kemudian Tun Dr. Mahathir pula semalam, menyatakan bahawa tuntutan MCA ini tidak ada sangkut paut dengan dasar pendidikan. Nampak Perdana Menteri kita, agaknya Timbalan Perdana Menteri mengatakan ada kaitan dengan dasar perpaduan negara, dasar kemanusiaan. Jadi kita pun dilema apa yang sebenarnya. Saya minta pandangan Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat mempunyai pandangan sendiri. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya masalah ini bukanlah masalah yang menjadi masalah besar tetapi masalah ini adalah masalah kesediaan kita ke arah melihat masa depan. Dan berkemungkinan cadangan-cadangan Yang Berhormat tadi seperti penggabungan guru-guru Melayu dan bukan

Melayu harus berada dalam satu kawasan dan juga bagaimanakah hendak menjayakan sekolah wawasan, dan ini memerlukan sedikit masa untuk kita menjayakannya.

Pertama saya minta jugalah kalau ada daripada PAS, ini kita timbulkan MCA, MIC, UMNO dan sebagainya,. Saya menghormati Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa sebagai seorang ahli politik yang saya hormati daripada saya masih belajar lagi sebenarnya, saya rapat sungguh dengan ayahanda Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ni, saya mintalah kalau boleh pada hari ni supaya dasar PAS sendiri membuat sekolah seperti taski kalau boleh diubahsuai mengikut keperluan dasar pelajaran di peringkat prasekolah.

Sekarang ini kadang-kadang taski menjadi alat politik semata-mata, hal pelajaran *in beyond* dengan izin keperluan politik sama ada UMNO, Barisan Nasional ataupun PAS sendiri dan ini tidak dilakukan oleh kawan-kawan kita. Kalau di Terengganu, taski ini memang menjadi platform kepada PAS untuk mendidik anak-anak dan malah ada sekolah agama dulu bila timbul cerita PAS menjuarai perkara ini sedangkan masalah ini memang menjadi masalah sebenar bahawa pengurusan sekolah-sekolah agama rakyat yang ditimbulkan suatu ketika dan ini saya nampak ramai di antara pemimpin-pemimpin PAS, tidak Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepalah, tidak konsisten dalam memperjuangkan dasar pelajaran di peringkat negara.

Saya minta sungguhlah mungkin kita boleh bertanding di peringkat kawasan masing-masing tetapi hal yang berkaitan dengan bagaimana kita melatih generasi muda kita, anak-anak kita di peringkat prasekolah dan sekolah rendah ini harus dilihat dalam bentuk *beyond* kepada kepentingan politik kita dengan izin. Kalau ini kita dapat kita selaraskan oleh semua badan-badan politik dan juga sama ada kerajaan, pembangkang ataupun NGO-NGO yang berkaitan dengan tidak emosi tetapi dengan memenuhi tuntutan semasa, saya yakin dan percaya sekolah kebangsaan yang kita inginkan sebagai satu model sekolah untuk generasi kita ini dapat kita perkasakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Daripada bermula mungkin berperingkat-peringkat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Tangga Batu, okey, okey.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya lihat topik pendidikan ini telah menjadi satu isu yang sungguh hangat diperbincangkan. Yang Berhormat Dungun, pada khidmat saya sesuatu yang bakal berlaku perlu ada perancangan yang terperinci supaya pelaksanaannya nanti akan benar-benar mengikut apa yang kita rancang. Contohnya, untuk melahirkan satu bangsa yang maju, untuk melahirkan satu bangsa yang dapat memperjuangkan sebenarnya hasrat penubuhan sekolah-sekolah kita ini, kita memerlukan satu perancangan bukan sahaja oleh satu pihak.

Hari ini apabila kita bercakap tentang masalah pendidikan, maka tumpuan kita hanyalah kepada Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelajaran dan mungkin juga sedikit Kementerian Pendidikan Tinggi. Apakah pendapat Yang Berhormat Dungun, jika melihat hari ini, untuk penubuhan Sekolah Wawasan, umpamanya, kita perlu mengadakan satu perbincangan di antara beberapa kementerian yang penting, umpamanya Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Kementerian Luar Bandar, dan beberapa kementerian lagi dalam usaha untuk melahirkan, untuk mewujudkan prasarana yang benar-benar akan melahirkan generasi yang faham tentang maksud penubuhan negara ini?

Yang Berhormat bagi Dungun, contoh yang lebih spesifik adalah pembinaan perumahan pada hari ini ke arah menggalakkan integrasi kaum, perlu menyediakan tapak-tapak sekolah dan tapak-tapak sekolah yang dibina ini perlu dilengkapi dengan prasarana-prasarana sokongan yang lain, seperti padang, makmal dan sebagainya, supaya usaha kita untuk melahirkan generasi yang benar-benar faham akan semangat perpaduan di negara ini benar-benar terjadi. Bolehkah kita lihat, kita nasihatkan kepada Kementerian-Kementerian ini supaya duduk berbincang, umpamanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam Pelan Rancang Struktur, di dalam Pelan Rancang Tempatan dan sebagainya, untuk memerhati perkara-perkara ini supaya isu pembinaan sekolah ini tidak dijadikan suatu alasan, kenapa kita tidak dapat memajukan bidang pendidikan di negara kita? Terima kasih, Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih dan saya berkeyakinan pandangan Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh pihak-pihak kementerian tertentu dan lanjutan kepada bagaimana kita hendak memperkasakan sekolah kebangsaan kita tadi.

Saya berkeyakinan selepas ini, kementerian sendiri akan mengambil pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pandangan saya tadi sebagai satu daripada ciri-ciri utama untuk kita melangkah lebih jauh supaya Sekolah Kebangsaan kita ini dapat kita perkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sedang berlaku di negara-negara maju di peringkat Sekolah Rendah lagi, sudah ada dua aliran sebenarnya. Sekarang ini sudah banyak kita bercakap tentang pencapaian anak-anak kita di dalam UPSR. Sekarang ini apabila anak-anak kita dapat 5A umpamanya, sukar untuk anak-anak kita, kita hantar ke sekolah asrama penuh kerana kecemerlangan pelajaran sebenarnya keseluruhan telah kita capai. Tetapi peluang untuk diberi tempat kepada anak-anak kita agak terhad. Kita ada sekolah asrama penuh, hanya menyediakan tidak sampai pun 10,000 untuk hendak-anak kita, sedangkan yang dapat 5A pada tahun lepas sahaja melebihi daripada 40,000 orang dan tempat kita sediakan melalui sekolah asrama penuh tidak sampai pun sebanyak 10,000, tempat termasuk sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran dan juga di bawah MARA, iaitu MRSM dan sebagainya. Kalau kita dapat jayakan kecemerlangan pelajaran anak-anak kita, tetapi dalam masa yang sama kita tidak dapat susun perkara-perkara ini, maka sukar sebenarnya untuk kita meneruskan kejayaan kecemerlangan pelajaran anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sebab itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Perkara yang sama? Ok, ok.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya mengikut sepenuhnya ucapan Yang Berhormat bagi Dungun yang berkaitan dengan tajuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Apa yang menarik perhatian saya iaitu ada dua perkara. Apabila Yang Berhormat bagi Dungun, memperkatakan masalah tersebut, iaitu untuk memperkasakan sekolah kebangsaan diseret sama dengan bagaimana sekarang ini sekolah kebangsaan hampir-hampir menjadi sekolah agama. Satu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi

Dungun. Pada pandangan saya, seolah-olah Yang Berhormat bagi Dungun merasa kesal dengan perubahan yang berlaku kepada sekolah kebangsaan sekarang.

Kemudian diseret juga dengan kurangnya mutu sekolah kebangsaan disebabkan oleh Pasti, timbulnya sekolah-sekolah prapersekolahan. Saya rasa kedua-duanya ini tidak berbangkit di sini dan saya tidak berhasrat untuk mempertikaikan niat baik Yang Berhormat bagi Dungun, cuma saya ingin memperbetulkan sedikit. Sebenarnya sekolah yang ada sekarang ini pun tidak bertukar menjadi sekolah agama, Sekolah Rendah Agama. Contoh yang saya buat, sama dengan contoh yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Di Pasir Mas misalnya, anak-anak orang Cina dihantar ke sekolah Sultan Ibrahim School. Dahulu Sultan Ibrahim School, sekarang ini Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Ibrahim.

Tidak timbul sudah sekarang ini, yang sekolah Inggeris itu semuanya hantar. Saya bercakap dengan guru dia, saya kata, *"Mengapa ramai orang Cina, walaupun ada di sana sekolah Cina, tetapi mereka bertumpu Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Ibrahim"*. Dia bagi tiga fakta, pertama sekali dia kata sukatan pelajaran sama, yang kedua fakta guru, yang ketiga murid. Jadi, sukatan pelajarannya sudah elok, gurunya mengajar bersungguh. Apabila guru pergi ke situ dengan sendiri bersemangat untuk mengajar, dia melihat contoh-contoh yang terbaik di kalangan guru-guru, guru Cina, guru Melayu, guru lain. Jadi, contoh yang terbaik ini menjadikan yang kemudian pun terbaik daripada contoh yang terbaik. Jadi, kalau guru baik, sukatan pelajaran yang baik, tidak akan semua pelajar jahat, tidak munasabah. Hanya kalau ada pun satu, dua orang sahaja, dalam satu kelas ada satu, dua orang. Ertinya, kelemahan ini mesti dikaji. Bagi memperkasakan ini kita kaji di mana kelemahan kita.

Jangan kita mudah tuduh kepada PASTI kerana PASTI ini membantu kerajaan sebenarnya. PASTI sendiri membantu kerajaan. Di sekolah saya pun ada PASTI. Ada gambar, kita meletakkan gambar Perdana Menteri, gambar Menteri Besar. Sama, tidak pernah timbul masalah mengajar pelajar-pelajar untuk menghina pemimpin negara, tidak. Kita membantu kerajaan mendidik anak-anak prasekolah untuk mereka mengetahui membaca dan menulis. Apabila dia pergi ke sekolah kebangsaan, dia sudah *ready* untuk mempelajari pelajaran-pelajaran yang lebih daripada itu.

Jadi, masalah yang besar sekarang ini, saya kata bahawa pergi ke sekolah mana sekalipun sekiranya dua, tiga perkara yang saya sebutkan tadi, sukatan pelajaran yang diajar dengan baik. Anak saya belajar di Sekolah Kebangsaan Datuk Abdul Hamid, Pasir Mas. Saya melihat bagaimana guru Cina mengajar Bahasa Inggeris. Daripada kelas 1, kelas 2, kelas 3, kelas 4, kelas 5 dan kelas 6. Guru Cina pergi ke sekolah dia bawa penuh sarat alat bantu mengajar. Alat bantu mengajar ini penuh sarat ini dia bawa. Segala-galanya dia bawa. Sampai di sekolah dia minta bantuan daripada pelajar-pelajar lain untuk bawa alat bantuan sekolah dia.

Sedangkan guru-guru kita pula bawa sukatan mengajar, sebihi dia bawa buku. Ini saya lihat dengan mata kepala sendiri dan bagaimana guru Cina ini selalu *follow up* dengan pelajar kita. Ini dia mengajar di sekolah kebangsaan yang beragama Islam seratus peratus, anak orang Melayu, dia orang Cina, dia mengajar bersungguh-sungguh. Dia *follow up*, dia bertanya, selalu saya jumpa dengan dia, dia tanya, anak ustaz sekarang di mana. Saya bagi tahu sekarang ini di sekolah menengah, sekarang ini di sekolah Arab, sekarang negeri duduk universiti, sekarang ini sudah *grad* universiti. Dia tanya, dia *follow*, semasa, sentiasa dia *follow* anak-anak, kalau banding.

Sinilah saya katakan bahawa kelemahan, hendak perkasakan, kita perkasa siapa dahulu? Hendak perkasa muridkah, hendak perkasa gurukah, hendak perkasa sekolah? Sekolah kita sudah perkasa sekarang ini. Di kawasan saya empat unit sekolah besar, murid ada 350 orang sahaja, itu sudah perkasa, sekolah. Guru, kita tengok guru kita perkasa atau tidak. Kalau kita perkasakan guru, dengan sendiri murid-murid tadi pasti natijahnya baik. Ertinya, kita kena perkasakan mereka, apabila kita sudah memperkasakan mereka ertinya, Cina, India hendak tengok yang baik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Dungun?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Dungun, ucapan Yang Berhormat sudah menjangkau dua ruang masa, pagi dan petang. Panjangkah lagi?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya ingat sebelum kita hendak bincang usul, sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ada beberapa isu lagi yang perlu dan harap rakan-rakan dapat membantu saya. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak komen banyak kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kadang-kadang rakan saya ini melihat dalam sudut yang lebih kecil. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kita bukan mengatakan bahawa sekolah kebangsaan tidak baik, tetapi kita membicarakan tentang keperkasaan sekolah. Hendak menjadi jauh lebih baik. Tadi saya sudah kata, sekolah kita sudah cemerlang.

Kita melahirkan 5A di sekolah kebangsaan ini melebihi 40,000 tetapi penyediaan tempat pula tiada. Ini masalah kita untuk menyediakan aliran perjalanan kejayaan anak-anak kita. Sebab itu saya cuba alihkan pendekatan kita ini supaya dari segi akademik dan dari segi teknikal, Tuan Yang di-Pertua.

Di negara-negara maju sekolah rendah sudah ada sekolah teknikal. Malah apabila habis sekolah rendah, tamat pengajian di sekolah rendah, anak-anak kita mungkin masuk MRSM ataupun sekolah yang berbentuk sekolah sains dan sebagainya yang berorientasikan kepada pendidikan teknikal, yang mana akhirnya akan pergi melanjutkan pelajaran di kolej, di universiti dalam bentuk teknikal.

Negara-negara maju seperti Jepun telah menyediakan sekolah rendah di peringkat teknikal lagi. Sekarang ini kita melihat, mengkaji tentang sistem yang ada dalam negara kita, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya di peringkat sekolah rendah juga kita memulakan dua aliran ini dalam kita menjayakan sekolah kebangsaan, tetapi satu dalam bentuk akademik dan satu dalam bentuk teknikal supaya anak-anak kita dapat kita jayakan pada masa-masa akan datang supaya *flow*, dengan izin, perjalanan kejayaan anak-anak kita.

Saya hendak mencadangkan masalah anak-anak kita yang tidak dapat mendapat tempat yang baik ini. Sekolah-sekolah Asrama Penuh tidak sampai pun 10,000 atau 12,000 yang ada, hampir 30,000 anak-anak yang mendapat 5A tahun lepas tidak mendapat tempat yang baik di Sekolah Asrama Penuh dan Maktab Rendah Sains Mara.

Kalau ini menjadi agenda untuk memperkasakan kejayaan pendidikan dan pelajaran negara kita, kerajaan sepatutnya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan

mesti membicarakan tentang membanyakkan seboleh mungkin sesuai dengan kejayaan dan kecemerlangan anak-anak kita supaya membina lebih banyak Sekolah Asrama Penuh dan juga Maktab Rendah Sains Mara, kerana ia akan menjurus kepada penyediaan dan aliran anak-anak kita ini dalam bentuk yang lebih sesuai.

Saya sebagai Ahli Parlimen, saya tidak tahu kawasan yang lain, tetapi kawasan saya kebetulan di Terengganu 5A tahun lepas, Tuan Yang di-Pertua tertinggi sekali berbanding dengan paras kebangsaan. Terengganu ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, selaku Pengerusi Perhubungan dahulu, banyak menekankan masalah pendidikan Menteri Besar pun memikirkan banyak masalah pelajaran dan pendidikan sehingga anak-anak di Terengganu berjaya, berjaya melebihi daripada paras kebangsaan. Di kawasan saya pula, kebetulan tahun lepas di Dungun ini terbanyak sekali pula. Saya sukar sungguh untuk menempatkan rakyat saya anak-anak yang berjaya mendapat 5A ini, di Maktab Rendah Sains Mara dan juga Sekolah-sekolah Asrama Penuh.

Maka mesti ada azam baru di peringkat Kementerian Pelajaran supaya menyesuaikan. Kita jangan fikir masalah membina prasarana secara fizikal. Kita boleh menukar Sekolah-sekolah Menengah tertentu yang pentingnya ialah *substance*, pengisian kepada Sekolah-sekolah Asrama Penuh ini.

Saya mencadangkan memperbanyakkan dan kalau boleh kita fikir satu Sekolah Asrama Penuh, satu Parlimen pun boleh dengan pencapaian anak-anak kita tiap-tiap Parlimen, kalau ada 200, 200. Di negara kita ini kita buatlah secara pinjaman, secara jangka panjang bagaimana hendak buat. Kita pernah buat dahulu apabila kita terdesak dan bagi saya inilah masanya kita sedang berhadapan dengan suatu masalah yang terdesak supaya Sekolah Asrama Penuh dan juga Maktab-maktab Rendah Sains Mara ini di bawah dua kementerian yang berbeza, dapat berfikir supaya satu Parlimen, satu Asrama Penuh, sama ada di peringkat MRSM ataupun di peringkat sekolah-sekolah yang akan dinamakan dari semasa ke semasa, oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sri Aman, Sri Aman di belakang.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Sri Aman.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ok..ok, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Yang Berhormat Dungun. Saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat yang dicadangkan ialah untuk orang yang pandai, yang cerdik, yang elit. Tetapi kita baru sudah berbincang tentang sekolah menengah, sekolah rendah biasa.

Kelmarin, kita telah berbincang hal pengangguran. Kebanyakan murid-murid kita adalah di sekolah biasa. Pada tahun 60-an, awal 70-an, kita ada di setiap sekolah biasa ini, kita ada kelas yang dipanggil *wood work*. Kita ada *industrial art*, tetapi selepas itu, kelas-kelas itu dimansuhkan dan kita mengadakan sekolah teknik. Yang memasuki sekolah teknik adalah murid-murid yang terpilih. Sekolah biasa ini nampaknya adalah tempat orang yang tidak begitu pandai, kadang-kadang kebanyakan mereka tertinggal.

Kita juga dari sekolah itu mengeluarkan murid-murid yang hendak masuk ke universiti. Pada masa sekarang kita semua bermimpi anak kita semua akan masuk ke universiti. Ini bukan satu kenyataan, oleh kerana memang ramai orang yang tidak dapat pergi ke universiti nanti. Macam mana? Setuju atau tidak Yang Berhormat kalau kita mencadangkan apabila kita mendemokrasikan pendidikan kita hantar balik kelas *wood work*, kelas *industrial art*, kelas pertukangan tangan, balik ke sekolah biasa supaya murid yang gagal di Tingkatan 5, yang tidak mendapat keputusan yang begitu baik, mereka selepas itu dapat dilatih sebagai tukang paip, membuat batu – bata ataupun menjadi *welder* ataupun menjadi *electrician* di peringkat rendah. Oleh kerana, kita nampak industri-industri kita inilah yang kekurangan, kerana inilah kita memerlukan pekerja-pekerja dari luar negeri. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya masalah sekolah biasa pun, bukan masalah yang tidak baik. Sekolah biasa pun kadang-kadang melahirkan pelajar-pelajar yang baik, kalau kena caranya.

Saya sendiri pun tidak pernah memasuki sekolah asrama penuh. Saya kebetulan, bapa saya seorang petani, penoreh getah. Walaupun pencapaian pelajarannya agak boleh tahan di sekolah rendah pun tidak boleh pergi ke Sekolah Asrama Penuh, hendak sebut Kuala Lumpur pun tidak berapa boleh. Saya pun anak hulu, anak pedalaman, macam Yang Berhormat juga agak pedalaman di kawasan itu.

Jangan susah hati, malah saya rasa kerajaan pun sudah menyediakan perkara-perkara seperti ini, seperti Giat Mara, IKM, banyak sebenarnya. Kita mempunyai

puluhan aturan. Tetapi yang dimaksudkan oleh saya ialah penyediaan skema baru supaya kita mulakan dua bentuk sistem di sekolah kebangsaan ini satunya berorientasikan kepada teknikal, satunya berorientasikan kepada sekolah yang berorientasikan kepada akademik supaya aliran pelajar-pelajar kita yang cemerlang dapat kita alih dari satu peringkat ke satu peringkat dan *drop out* di peringkat tertentu itu. Saya berkeyakinan kita telah mempunyai banyak maktab dan juga institusi yang menyediakan kepada pelajar-pelajar kita, yang hendak membuat perkara-perkara yang berkaitan dengan latihan tangan ataupun kerja-kerja pengkhususan yang memerlukan pendekatan industri dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah juga harus ditekankan oleh kerajaan supaya apabila kita ledakkan dengan pembangunan ICT (*Information Communication Technology*), dengan izin, dengan menggunakan perkara-perkara seperti ini kadang-kadang sekolah-sekolah di luar bandar agak tertinggal. Walaupun kita sudah membina makmal yang sepatutnya, tetapi ada sebahagian kecil sekolah-sekolah yang melebihi pelajar kerana mereka berada di luar bandar, tidak ada kemudahan-kemudahan tertentu dan kita berharap pendekatan ICT ini, sama ada penggabungan dua kementerian ataupun beberapa kementerian lain supaya dapat memberi keadilan kepada pelajar-pelajar di luar bandar, pelajar-pelajar miskin dan sebagainya.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, penggunaan telekomunikasi juga ditekankan oleh Yang di-Pertuan Agong, supaya masalah teknologi maklumat ini dan juga telekomunikasi dapat diperhebatkan oleh rakyat kita.

Sebab itu kalau boleh sistem atau pendekatan satu pelajar satu komputer umpamanya. Sekarang ini langganan komputer yang dipasang pada tahun 2003 sahaja Tuan Yang di-Pertua hanya sebanyak 4.2 juta dari rakyat kita daripada 25 juta. Yakni tidak sampai pun 50% penggunaan komputer apabila kita bandingkan dengan rakyat yang ada di negara kita. Bilangan komputer setiap seribu penduduk sekarang ini hanya ada sebanyak 166, berertinya penggunaan komputer kepada rakyat kita hanya berjumlah 16.6% sahaja.

Jadi saya berharap ICT *for all* dengan izin, dapat digerakkan secara menyeluruh oleh kerajaan, bukan sahaja di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, malah di peringkat masyarakat dengan menubuhkan beberapa pusat komuniti yang sesuai

supaya penggunaan komputer ini dapat kita ledakkan dan jayakan dengan baik. Tuan di-Pertua, saya juga...

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Penjelasan, ada yang minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat harus menyedari bahawa jurang digital di peringkat sekolah, di bandar dan luar bandar terlalu jauh. Jadi, kita seolah-olah *back to square one* dengan izin, kita kena menyelesaikan soal-soal pokok, bagaimana ada boleh diwujudkan komputer kalau tidak ada api elektrik, tidak ada jalan raya, tidak ada air. Jadi, ini seolah-olah kita berimajinasi mungkin dalam bandar.

Justeru itu, kenapa keputusan-keputusan persekolahan sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah, bandar dan luar bandar terlalu jauh bezanya. Bermakna pembangunan wilayah itu tidak seimbang, justeru itu adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan, kita selesaikan perkara pokok baru kita berbicara soal IT, ICT dan sebagainya, sebab tidak adil bagi masyarakat di luar bandar, sedangkan kita sudah merdeka, sama-sama merdeka, orang luar bandar pun turut memerdekakan negara kita. Apakah benar Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Yang Berhormat. Masalah perkara asas, itu adalah perkara penting sebab itu saya merasakan bahawa, kalau dalam soal infrastruktur ini sahaja dalam penggunaan, liputan bekalan air, *water coverage* dengan izin, pencapaian dalam negara kita sebenarnya kita sudah mencapai 93%, dan liputan bekalan elektrik luar bandar, peratus kepada rumah-rumah, *rural electricity coverage* dengan izin, *percentage of housing*, sebenarnya pencapaian kita dah mencapai sebanyak 91.5%. Kita hanya bebaki kepada 8.5% yang memerlukan suatu azam baru...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, saya ingat maklumat ini salah, di Sabah 45% wilayah-wilayah Sabah daerah tidak ada bekalan ini. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat dapat maklumat ini, tapi ini mungkin keseluruhan tapi di Sabah cuma 55% yang dibekalkan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih. Ini adalah maklumat daripada *Selected Socio Economy Statistic* yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia, sama ada perkara ini benar atau tidak benar, tetapi ini adalah hakikat dari segi *figure* nya. Sama ada data ini akan menjadi satu data yang bertepatan, berkemungkinan juga suatu kajian terperinci sama ada data-data ini merupakan data yang tidak tepat diberikan, tetapi saya berkeyakinan pendekatan secara *zoning* di kawasan tertentu seperti dari segi *regional*, Sabah dan Sarawak harus ditekankan secara luar biasa.

Jadi, pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga harus diambil perhatian oleh kerajaan. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, masalah berkaitan dengan peluang-peluang pelajaran dan juga *infrastructure* serta orientasi kepada teknologi maklumat, kita mesti laksanakan dengan segera. Saya mencadangkan tadi *ICT for all*, itu memerlukan pendekatan ada tempat yang tidak sesuai yang tidak ada jaringan elektrik.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sekejap ya! Kalau tidak ada jaringan elektrik, kita juga boleh menggunakan beberapa sistem baru kerana teknologi sistem maklumat ini kadang-kadang tidak memerlukan sistem elektrik biasa yang dibuat, yang dikeluarkan oleh TNB juga harus ada pendekatan-pendekatan ini, sebab itu dalam hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, sila duduk.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sila Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Dungun. Saya tertarik dengan hujah tadi mengenai telekomunikasi dan juga pembekalan ICT ke arah memperkasakan revolusi pendidikan di Malaysia. Saya ingin mendapatkan penjelasan apabila ada negara-negara seperti

negara India, negara China dan juga negara-negara barat yang telah memaksimumkan penggunaan ICT ke arah pendidikan di luar bandar, maka saya ingin tahu daripada Yang Berhormat bagi Dungun, apakah syor Yang Berhormat ke arah merealisasikan penggunaan teknologi-teknologi tinggi seperti '*blue tooth*', dan juga *wireless fidelity*, ke arah pencapaian matlamat objektif tadi yang telah berjaya dilakukan di peringkat negara-negara luar.

Kita bekalkan prasarana seperti laptop, LCD dan juga komputer kepada sekolah-sekolah tapi banyak daripadanya tidak mempunyai perisian komputer, walaupun perkakasannya sudah siap, tapi perisiannya belum sampai ke tempat-tempat seperti ini. Sedangkan di bandar-bandar besar, revolusi pengajaran dan pembelajaran telah berlaku dengan begitu canggih sekali, dan bagaimanakah transformasi ini boleh berlaku daripada bandar ke luar bandar dan bagaimana ini dapat direalisasikan dalam Rancangan Malaysia ke-9, dan apakah langkah-langkah yang harus dibuat supaya kekurangan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup. Bukan peluang untuk berucap.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekejap, sekejap Tuan Yang di-Pertua, habis-habis soalnya akan saya siapkan. Sekejap! Bagaimanakah perubahan ini boleh dilakukan kepada peringkat luar bandar yang begitu berkurangan dari segi prasarana? Itu persoalan saya Tuan Yang di-Petua. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Tuan Yang di-Pertua, masalah penggunaan ICT sepatutnya kita jadikan beberapa contoh kepada negara-negara maju, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Kalau kita pergi ke India, New Delhi merupakan ibu negara tetapi pusat ICTnya ialah Banglore dan Hyderabad, kemajuan dan pembangunan, kalau kita bandingkan kebandarannya, dari segi perbandarannya, New Delhi jauh lebih besar, lebih hebat dan universiti-universitinya lebih banyak kalau kita bandingkan dengan Banglore dan juga berbanding dengan Hyderabad. Hyderabad sendiri adalah merupakan negeri-negeri yang penuh dengan batu-batan sahaja, bukit bukau tetapi hari ini Hyderabad dan

Banglore merupakan, bagi sayalah, sebagai dengan izin *second Silicon Valley*, dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ICT ini.

Malah kalau kita pergi negeri China, bagaimana di Beijing dan juga bagaimana di Shanghai dapat menyediakan program-program ICT di dalam bentuk *incubator* dengan secara raksasa, graduan-graduan universiti mereka tidak lagi dilihat sebagai graduan yang berorientasikan akademik semata-mata dan kejayaan di Shanghai sendiri sepatutnya menjadi model kepada negara kita, dan juga Banglore dan Hyderabad, malah melahirkan cendekiawan, graduan-graduan dalam bidang ICT ini dan kalau kita nampak, di England, di UK dan di juga Amerika Syarikat, kebanyakan pakar ICT ini adalah terdiri daripada keturunan orang-orang India yang terlahir dari sistem pembelajaran ICT di Hyderabad dan Banglore. Yang Berhormat Cameron Highlands setuju?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Setuju. Terima kasih

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sebab itu sekarang, negara kita perlu melakukan perimbangan pembangunan dalam perkara ini, tidak sukar membangunkan, contohnya di Sabah dan Sarawak, suatu koridor baru dalam bidang ICT dan tidak sukar juga bagi kita melahirkan suatu bentuk atau *hub* baru dalam ICT ini dibelah gagasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, daripada sempadan Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan tidak memberi fokus kepada Cyberjaya sahaja, di kawasan Lembah Klang sahaja dan pendekatan ini perlu keazaman baru, pimpinan kita supaya melahirkan perkara-perkara yang berorientasikan ICT dan teknologi maklumat ini dalam bentuk yang lebih sesuai.

Dengan cara itu, Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita menjalankan usaha-usaha sebagaimana Kinabatangan kata tadi, diskriminasi di kawasan luar bandar tidak akan berlaku. Sekiranya kerajaan dapat meletakkan pembangunan ICT di kawasan luar bandar, dengan sekali gus akan memberi suatu *impact* yang baik kepada perimbangan pembangunan, sama ada pembangunan dalam bidang ICT atau pun dalam bidang mencemerlangkan generasi kita untuk masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan merupakan faktor apabila bercakap tentang luar bandar, dalam bandar dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, bahawa perkara ini bukan tugas Kementerian Kemajuan Luar Bandar semata-mata. Masalah kemiskinan ini berlaku adalah kerana kemiskinan yang ada dalam

masyarakat kita dan seolah-olah ianya berlaku atas tanggungjawab satu dua kementerian. Ini memerlukan gabungan beberapa kementerian, gabungan beberapa pimpinan kerajaan negeri dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat.

Kalau kita melihat, Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan tegar mengikut rekod yang ada pada saya, kemiskinan luar bandar dapat diselesaikan setakat ini, sehingga tahun 2002 kemiskinan tegar sahaja yang terdaftar sebenarnya, berasaskan kepada RM57.50 per kapital isi rumah sebulan, yang mana jumlahnya ialah di Semenanjung sebanyak RM294.50 dan RM70.41 di Sabah dengan jumlah RM345 dan di Sarawak sebanyak RM62.50 iaitu RM300 sebulan.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah taraf ataupun asas yang kita meletakkan kemiskinan tegar sebenarnya sudah tidak sesuai lagi. Saya berharap kerajaan melalui beberapa kementerian khususnya kementerian yang kita rasakan dapat melihat sasaran penyelesaian kemiskinan yang ada.

Kita tidak mahu lagi di negara kita ini, yang dilihat sebagai negara yang hampir maju tetapi kita masih terheret dengan masalah kemiskinan rakyat kita. Dan saya pun hendak tahu apakah jumlah yang ada setakat ini yang mengikut daftar, yang didaftarkan dalam kerajaan iaitu sebanyak 30,276 sahaja yang didaftarkan. Apakah sebenarnya miskin tegar hari ini betul-betul tegar dan hanya mempunyai 30,276.

Apakah sistem yang ada pada hari ini, sistem yang ada oleh kerajaan betul-betul mempamerkan kemiskinan tegar yang sebenar yang ada di dalam negara kita. Kalau kita pergi di luar bandar, kalau kita pergi ke bandar, kita nampak kemiskinan hampir di mana-mana, dan apakah nilai RM100 per kepala ini dilihat sesuai dengan zaman yang ada.

Jadi saya berharap, paras kemiskinan tegar harus dibuat kajian semula oleh kerajaan dan kita pun meminta kepada kerajaan supaya dapat menyelesaikan pertindihan daripada program-program kerajaan dalam memberi bantuan sama ada melalui Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia, kementerian lain, semua hendak menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat tetapi akhirnya tidak ada suatu kaedah bagaimana kita dapat menjayakan. Pencapaian kita pada tahun lepas, hanya 0.5%. Itu berasaskan kepada 30 ribu.

Tetapi apakah sebenarnya rakyat kita yang miskin hanya 30 ribu daripada 25 ribu dan bagaimana dengan rakyat kita yang kita daftarkan dengan umur yang sudah mencapai 65 tahun, itu pun kita masukkan kategori miskin. Jadi pendekatan, penyelesaian, kaedah, cara kita menyelesaikan kemiskinan ini harus diubah suai oleh kerajaan. Suatu reformasi baru harus dibuat oleh kerajaan supaya kita dapat menyelaraskan kedudukan data dan maklumat serta pangkalan data yang ada oleh kerajaan.

Saya hendak satu paras yang lebih baik dan dinilai umur rakyat kita yang patut kita bantu. Bukan lagi kalau 65 tahun pun kita masuk sebagai golongan orang miskin tegar sedangkan 65 tahun setengah pada setengahnya sepatutnya berada dalam kategori warga kebajikan yang jabatan kebajikan kena pakej memberi rumah, memberi wang, memberi makanan. Tidak berdaya, beri itik pun dia jual itik, beri lembu pun dia jual lembu, beri kerbau pun dia jual kerbau, beri orang pun dia makan orang, sebenarnya kepada golongan ini yang tidak berdaya, dan kita mesti melihat dalam bentuk menyelesaikan kemiskinan dalam bentuk yang dinamik. Sekarang ini kita terlampau structural, kita terlampau berorientasikan kepada maklumat-maklumat yang salah sebenarnya.

Sebab itu kalau kita melihat bagaimana beberapa agensi pelaksana kerajaan dalam menyelesaikan masalah kemiskinan ini kadang-kadang orang yang sama kita selesaikan, 6 kementerian, 6 agensi pelaksana pergi selesai kepada satu orang. Dan saya nampak kadang-kadang mereka ini bukan daripada golongan yang miskin tegar, sepatutnya mereka sudah telah boleh dikeluarkan. Sebab itu saya membuat sedikit kajian bahawa cara kerajaan, beberapa kementerian dan jabatan terutama sekali 6 kementerian yang berkaitan dengan penyelesaian kemiskinan rakyat ini banyak membuat miss making, kumpulan sasar yang salah. Saya, keberkesanan sistem delivery pun kadang-kadang dipersoalkan.

Dan kalau kita melihat dalam Rancangan Malaysia Ke-8, menunjukkan 37,092 sub projek bagi 4 kementerian utama yang hendak menyelesaikan masalah kemiskinan ini hanya 2,168 ataupun 5% sahaja merupakan projek yang berorientasikan dengan fizikal. Yang lain semua, fizikal buat bangunan, buat jalan, buat ini, ini bukan cara kita menyelesaikan kemiskinan kerana kemiskinan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]: Yang Berhormat, Beluran bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Boleh tidak saya habiskan masalah ini dahulu ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]: Sudahlah Yang terhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Hendak tolong saya bolehlah. Terima Kasih .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]: Yang Berhormat duduk. Duduk, banyak lagi? Banyak lagi?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ada sedikit lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]: 10 minit boleh habis ya?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Boleh. Boleh. Sedikit lagi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ini baru dah masuk.....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima Kasih. Terima kasih Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: *[Duduk]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Perumpamaan English ada mengatakan, "Don't give them a fish, but teach them how to fish" tapi kita lihat sekarang ini banyak bantuan subsidi, bantuan kerajaan terhadap masyarakat golongan yang miskin ini lebih kepada memberi ikan daripada mengajar mereka menangkap ikan. Banyak perkara yang diutarakan oleh Dungun memang betul, bagi rumah, bagi lembu tetapi tidak ada aktiviti ekonomi yang berlanjutan yang dapat diberikan selepas daripada bantuan-bantuan yang diberi.

Saya setuju dengan Dungun dan saya rasakan ini merupakan fokus yang harus dibuat oleh kementerian dan agensi-agensinya ini untuk bukan sahaja memberi bantuan secara fizikal tetapi bantuan fizikal itu dapat memberi ekor ekonomi, aktiviti ekonomi biar agar mereka ini akan dapat terus bukan sahaja daripada bantuan itu tetapi akan terus hidup hasil dari bantuan yang diberikan. Jadi Yang Berhormat, saya rasakan itu merupakan bantuan yang harus diambil oleh kementerian dan agensi yang ada pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Dan sebenarnya inilah merupakan sedikit kegagalan dalam Rancangan Malaysia Ke-8,

walaupun kita telah berjaya secara berperingkat tetapi kita berharap sasaran untuk mensifarkan kemiskinan tegar ini dalam tempoh 2009 ataupun 2010 dapat kita jayakan sekiranya kita dapat menyelesaikan beberapa isu yang dihadapi dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Saya berharap isu-isu yang dalam Rancangan Malaysia Ke-9 nanti dengan meletakkan dasar dan strategi yang lebih memberi *empowerment*, bentuk yang memperdayakan, manperdayaan, yang dipanggil, iaitu dengan membina jaya diri kumpulan sasar yang kita hendak jayakan mereka ini supaya mereka keluar daripada kepompong kemiskinan tegar itu tadi. Saya juga berharap, beberapa sistem dalam penyampaian ini khususnya di pejabat-pejabat daerah dan sebagainya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Behormat, Tuaran dengan Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Kuala Terengganu, Tuaran minta izin. Saya kira apa yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Behormat. Yang Behormat hendak minta izin daripada siapa?

Dato' Razali bin Ismail: Kuala Terengganu. Pada Pengerusi. *[Ketawa]* Dari Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Apa yang disebut oleh Dungun sebentar tadi adalah sesuatu yang cukup penting kepada kita iaitu apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang modal insan itu.

Apakah ikhtiar kita untuk memastikan The Human Capital Development, pembangunan insan, pembangunan manusia itu dapat dilakukan, bukan hanya semata-mata kita dengan mengajukan segala macam kemudahan-kemudahan fizikal sahaja tetapi lebih penting daripada itulah daya tahan, daya saing, hatinya, jiwanya, the human capacity itu, capacity development itu, adalah merupakan suatu angkubah yang paling penting.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada Dungun supaya setidak-tidaknya sistem pendidikan kita harus disemak semula. Demikian juga saya lihat soal pengangguran siswazah sekarang ini. Saya kira dari segi demand and supply, dari segi

pembekalan tenaga manusia yang kadang-kadang dengan izin, irrelevant dengan keperluan semasa. Dalam konteks ini saya rasa, capacity development ataupun modal insan itu harus direview dan disemak semula, perlu ada re-engineering dalam pendidikan kita. Terima kasih, apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sebab itulah kecerakinan, beberapa faktor dan pendekatan harus dilaksanakan, bukan saja dalam sistem pembelajaran, sistem yang ada, malah beberapa agensi pelaksana juga harus kita selaraskan. Umpamanya di peringkat daerah.

Saya mencadangkan pada hari ini supaya satu Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan perlu diwujudkan, kalau boleh bukan lagi D.O. yang pegang jawatan ini. Sekarang ini pegawai daerah saja dah pegang hampir, puratanya sebanyak 77 jawatankuasa di tiap-tiap daerah. Ini di jelaskan oleh Perdana Menteri sendiri dalam perjumpaan dengan Pegawai Daerah di Johor Bahru baru-baru ini. Dan tidak salah isu-isu negara, isu-isu yang menyentuh rakyat, yang sepatutnya menjadi penterjemahan kepada hasrat dan cita-cita kerajaan. Ahli-ahli Parlimen boleh dijadikan sebagai Pengerusi Program Pembasmian Kemiskinan di peringkat daerah supaya kita sendiri dapat menggabungkan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga menggabungkan pegawai-pegawai kanan kerajaan, kerana kita tahu apakah bentuk penyelesaian di peringkat Parlimen ataupun daerah kita masing-masing. Kalau tidak, kalau semua D.O. yang pegang semua jawatankuasa, kerana saya tidak yakin, kita dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya masalah pembasmian kemiskinan tegar pada tahun 2009 ataupun 2010.

Tuan Wifred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sebab itu isu-isu penempatan baru, isu pemilihan peserta, isu projek, kemudian ada *programmer*, peneraju, harus diselesaikan di peringkat bawah yang memerlukan, yang berkaitan dengan pembangunan manusia, sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu tadi. Saya amat bersetuju supaya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat... Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ya....Tuaran?

Tuan Wifred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat untuk jadikan Ahli-ahli Parlimen ini sebagai pengerusi, satu Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan di peringkat daerah.

Pada masa ini Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pegawai daerah dan kita sebagai Ahli Parlimen pun dalam Jawatankuasa itu, dan kita juga mengenal pasti, orang-orang yang dikatakan miskin tegar ini. Makna dia dari segi Jawatankuasa sudah wujud. Tapi persoalan di sini ialah dari segi kaedah, bagaimana kita sebenarnya mengenal pasti siapa yang miskin ini. Dalam sesebuah kampung, tahap sosioekonomi dia lebih kurang sama. Makna dia dari segi garis panduan, apakah pihak, pihak tertentu dalam kerajaan, sebagai contoh EPU, memberi garis panduan, bagaimana kita mengenal pasti orang yang dikatakan miskin, yang pertama.

Yang keduanya, kita menyediakan senarai, senarai yang termiskin.

Yang ketiganya kita mahu senarai apakah program-program pembasmian kemiskinan yang dipadankan, diberikan kepada tiap-tiap senarai itu tadi, bukan setakat perumahan seperti mana dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Persoalan dia, apakah program-program ini dan siapakah sebenarnya yang akan memantau setiap program ini. Dan jika sekiranya kita Ahli-ahli Parlimenlah yang mempengerusi, saya rasa ini amat menarik sekali, kalaulah pihak kerajaan, menerima cadangan ini dan melaksanakan, apakah kelebihan Jawatankuasa ini berbanding dengan Jawatankuasa yang ada pada masa ini, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat sahabat, tadi. Saya menyatakan bahawa, ianya perlu kepada pendekatan yang bersepadu. Sekarang ini kita tidak tahu siapa sebenarnya peneraju kepada penyelesaian masalah kemiskinan tegar. Kepada siapa sepatutnya dan senarai yang ada pada kita apakah ia merupakan senarai, yang sebenar-benarnya miskin tegar, miskin, dan saya minta agar perkara ini dapat diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, supaya pangkalan data yang ada di agensi kerajaan kita sendiri, dengan izin, maaf kata '*sembah derhaka*' Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya walaupun kita bercakap ICT luar bandar, di agensi kerajaan sendiri pun tak lengkap. Perbelanjaan kita tidak mencukupi dalam

menyediakan pangkalan data dan *outreach* kita, ke luar bandar, ke kampung dan sebagainya kita tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Dan keadilan dalam pemilihan pun tidak berlaku dengan baik, mungkin,.....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan:dan tidak ada satu proses yang boleh melahirkan penilaian *impact* yang sebenar, bagaimana kita nak menyelesaikan masalah ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Datuk Rosli bin Mat Hassan:saya...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dungun. *Database* tadi saya *check* di pejabat-pejabat daerah pun tidak lengkap, mengenai dengan kemiskinan tegar ini. Jadi sebab itu saya tidak yakin dengan fakta yang ada, walaupun saya baru angkat sumpah, saya sebagai seorang yang duduk dalam *research* jugalah, buat kajian, tapi saya tengok *database* tidak lengkap. Maka sebab itu kita nak di Kelantan memperuntukkan walaupun besar peruntukan pada tahun ini, buat *database*, supaya kita petik komputer di penghulu pun, di penghulu kita boleh dapat, ini apa lagi di pejabat yang lebih besar. Maka saya rasa untuk mengubah ini kena ada 4B, kalau Yang Berhormat Dungun bersetujulah. Satu kita kena berilmu. Kalau ada ilmu kita kena berfikir. Selepas kita berfikir, mestilah kita bertindak. Barulah kita bersyukur. Kalau empat ini setuju tak Yang Berhormat Dungun, untuk merubah kemiskinan, tahap kemiskinan umat di negara kita ini, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Pengerusi Islam Hadhari *Backbencher*, memang benarlah Yang Berhormat Pasir Puteh. Tapi itu dalam bentuk masa depan, tetapi kita sedang membincangkan bagaimanakah struktur kemiskinan '*poverty structure*' yang ada dalam pendekatan kita pada hari ini. Sebab itu mengikut data yang ada pada saya, kemiskinan tegar ini, sekurang-kurangnya pada tahun 2003, di luar bandar saja masih mempunyai dua perpuluhan empat peratus. Bererti daripada 25 ribu penduduk...25 juta penduduk, itulah jumlah. Tetapi apakah sebenarnya dua perpuluhan empat peratus ini sebenarnya, sasaran yang kita hendak selesaikan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ataupun mungkin peratusan yang lebih besar sekiranya pendekatan menyelesaikan

pangkalan data dalam hal ehwal berkaitan dengan kemiskinan tegar dan kemiskinan ini dapat kita selesaikan. Sebab itu saya berharap melalui Rancangan Malaysia Ke-9 ini, beberapa agensi kerajaan, yang mempunyai hubung kait dengan penyelesaian dan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan, sama ada tegar ataupun kemiskinan biasa, dapat kita buat dengan cara yang lebih saksama, yang lebih bersepadu dan dengan lebih ketara, supaya betul-betul kita dapat menyelesaikan masalah kemiskinan dalam negara kita ini.

Saya berharap beberapa kementerian yang berkaitan dapat menilai semula perkara ini, sebab itu kalau kita nak bercakap tentang pertindihan tugas, pertindihan penyelesaian kepada orang-orang miskin dalam negara kita, kadang-kadang kita tidak mempunyai satu senarai yang lengkap, satu senarai yang *up to date*, dengan izin. Apatah lagi pangkalan data kita harus juga diperhebatkan di peringkat agensi kerajaan, khususnya di peringkat kementerian-kementerian dan juga di peringkat agensi-agensi kerajaan. Dan kita hendak keadilan ini terus berlaku dan kadang-kadang kita tak nak di dalam satu-satu kampung apabila kita melihat kemiskinan seseorang anggota masyarakat kita, sebenarnya mereka tidaklah miskin sangat berbanding dengan orang-orang lain dan sebagainya. Siapakah kita nak bergantung harap supaya mendapatkan maklumat ini. Jadi satu *modus operandi* baru, pendekatan baru, harus dilaksanakan oleh kerajaan supaya kadar kemiskinan tegar dan juga kemiskinan kita ini yang berorientasikan peratusan isi rumah dapat kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara itu sajalah kita dapat melaksanakan isu-isu pertindihan tadi, dan juga kita berharap program ini berlaku suatu kesinambungan dari segi gerakan mereka, bukan selesai sekali kemudian kita tinggalkan, dan masalah kita mengenal pasti sasaran dan juga pendekatan-pendekatan yang boleh menjayakan Program Pembasmian Kemiskinan ini secara menyeluruh.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya yakin dan percaya kalau semua ini dapat kita selesaikan, saya yakin dan percaya dalam edah tahun 2009 dan 2010 kemiskinan tegar dalam negara kita dapat kita hapuskan seratus peratus, *insya-Allah*....Ada lagi?

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemiskinan ini menjadi satu fenomena yang telah merantai

kemajuan rakyat dan negara kita. Dan saya percaya ianya memerlukan satu *enforce* ataupun tekanan yang begitu mempunyai kuasa, supaya gejala-gejala seumpama ini tidak melarat, sebab kemiskinan tegar ini statistik dia berubah-ubah, tidak menentu, hari ini dia tidak miskin, besok dia boleh miskin. Persoalan yang kita hadapi apakah kerajaan, apakah kerajaan mempunyai cukup kekuatan dari segi kewangan, dari segi komitmen, dari segi kesungguhan. Sebab kita melihat peruntukan diumumkan oleh menteri-menteri berjuta-juta, berbilion-bilion, tapi sampai kepada implementasi dia, tidak ada. Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai pendekatan untuk dicadangkan kepada kerajaan, bagaimana penyelarasan projek-projek seumpama ini dapat dilaksanakan dan menepati sasaran, seperti yang kita hendakkan, sebab data yang kita minta pun, kadar kemiskinan yang tepat, melalui Parlimen-parlimen belum ada. Jadi apakah Yang Berhormat meminta kepada kerajaan supaya ada kesungguhan melihat bila kita keluar dari kemiskinan tahun berapa 2050 kah, 2010 kah kita mahu tahu. Terima kasih

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah sentuh tadi. Sebenarnya sudah banyak dana yang kita belanjakan. Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan sahaja cara kaedah kita hendak menyelesaikan masalah kemiskinan ini ialah sebanyak RM18.4 bilion peruntukan bagi projek luar bandar sahaja, tetapi yang masalahnya ialah hanya 9.2% sahaja yang projeknya yang berorientasikan kepada pembangunan manusia, yang lain semua berorientasikan kepada pembangunan fizikal. Sebab itulah, kalau RM18.4 bilion ini dapat kita agihkan secara program-program yang berorientasikan kepada *none fizikal*, dengan izin, saya yakin perkara ini sudah selesai lama.

Sebab itu saya cuba *high light*kan tadi kelemahan-kelemahan dalam Rancangan Malaysia Kelapan supaya ia menjadi garis panduan baru kepada penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya juga minta Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancangan Ekonomi dan juga Unit ICU supaya dapat membincangkan secara lebih terperinci dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebelum dibentangkan kepada Parlimen supaya satu dialog yang lebih saksama dengan Ahli-ahli Parlimen kita supaya dapat betul-betul melihat bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan dengan mengkaji kelemahan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan meletakkan beberapa pendekatan-pendekatan baru.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Syabas di atas ucapan mengusulkan ucapan menjunjung kasih. Saya percaya dalam perbahasan kita pada hari ini terdapat kehadiran Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai sama ada daripada ICU, EPU, terutamanya dan juga agensi-agensi yang lain supaya apa yang kita sama-sama bincangkan pada hari ini dan seterusnya akan terus diambil tindakan.

Saya tertarik dengan masalah kemiskinan kerana di mana-mana juga pada hari ini, inilah yang menjadi agenda utama kita dan sejak kebelakangan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutamakan soal pertanian supaya digemblengkan lagi dan digerakkan lagi sehabis maksimum. Dalam masalah ini, apakah Yang Berhormat bersetuju agensi-agensi yang ada yang telah kita tubuhkan sejak kita merdeka lagi, banyak, sama ada MARA, FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain lagi, dapat disusun semula supaya ia dapat digerakkan lebih efektif lagi, dengan lebih berkesan supaya apa juga matlamat, dasar yang kita gubalkan di sini benar-benar dapat dilaksanakan hingga ke peringkat akar umbi. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih. Sebab itulah pandangan-pandangan kita tadi dari segi dasar supaya saya berharap selepas ini kita dapat membuat perjumpaan dengan Ahli-ahli Parlimen sebelum kita betul memutuskan dan akhirnya kabinet dan kepimpinan kerajaan juga akan patut mengambil tanggungjawab secara mutlak tentang program dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagaimana Yang Berhormat bagi Larut kata tadi, menekankan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan pertanian. Kadang-kadang kita tersalah faham.

Dalam program pertanian kita yang ingin diperkasakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, sebenarnya pertanian ini merupakan satu daripada usaha-usaha yang sepatutnya tidak dipinggirkan oleh anggota masyarakat kita. Sebab itu membangunkan luar bandar dengan meningkatkan pembangunan ICT *for all* dengan secara bersepadu dengan membekalkan beberapa pendekatan pelajaran yang sebaik mungkin dan sebenarnya menjalankan usaha-usaha pertanian ini dapat kita jayakan.

Sebab itu, kadang-kadang tanah terbiar dalam negara kita masih banyak pengurusan tanah di negara kita yang juga merupakan tanggungjawab kerajaan negeri.

Sekarang ini kalau kita pergi ke negara-negara maju, dengan izin, tidak ada ruang yang *west tech* yang ada. Sebab itu *full utilization* program pertanian ini, dengan izin, dapat digerakkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bukan sahaja berkaitan dengan pembangunan pertanian tetapi juga saya berharap industri pertanian ini sebagaimana yang dikehendaki oleh pimpinan negara untuk mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan pertanian mengikut daerah, mengikut DUN, mengikut zon harus diperhebatkan selepas ini. Sebab itu, kita tidak hendak lagi kadang-kadang pengurusan kita secara begitu *structure* sehingga kita cantik dalam kertas kerja akhirnya kita dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh kita bincang lagi.

Saya berharap pandangan ataupun *vision* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berkaitan dengan pertanian ini dapat disambut oleh setiap strata masyarakat kita. Malah, kadang-kadang kita diledakkan dengan masalah seperti ini dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan pertanian dalam negara kita. Sebab itu, usahawan tani, dia berbeza dengan petani. Masalahnya sekarang, fokus kerajaan kita apabila kita hendak majukan seorang usahawan tani seolah-olah kita majukan, kita pilih dari kalangan peserta daripada petani. Petani tidak mungkin menjadi seorang usahawan tani yang baik tetapi seorang usahawan yang berorientasikan kepada tani harus kita *develope* dari masa ke semasa. Dia memerlukan banyak ciri-ciri yang patut ada pada usahawan tani dan sebagainya.

Dalam hal-hal seperti ini saya berharap kerajaan dapat memberi pendekatan sebagaimana yang dikehendaki oleh pimpinan kita dalam program pembangunan manusia tadi, sebagai dengan meminjam kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai *human capitol*, dengan izin, iaitu modal insan. Jadi, kalau program modal insan ini dapat kita selaraskan dalam semua sektor pembangunan ekonomi negara, kita rasa tidak timbul masalah-masalah, yang mana kita pada jam 4.30 petang ini, Tuan Yang di-Pertua hendak menyelesaikan Usul tentang, umpamanya makanan halal dan sebagainya walaupun saya hendak sentuh sedikit makanan halal ini.

Sebab itu, dalam soal makanan halal ini perkara lama dan kita tidak boleh menyerahkan dalam bentuk pengertian agama, iaitu JAKIM. JAKIM tidak mampu

sebenarnya hendak menyelesaikan masalah ini dan kalau kita hendak pendekatan halal *food* ini, dengan izin, makanan halal, kita patut menjadi model bukan untuk negara kita semata-mata tetapi kita harus menjadi model kepada pengeluaran makanan halal antarabangsa. Sebab itu kalau konsep logo 'Halal' ini disalahkan oleh setengah-setengah pihak ia satu perkara yang malang dan kita hendak menguatkuasakan pun kita kadang-kadang tidak mempunyai pendekatan yang sesuai. Sebab itu pendekatan halal ini perlu di ISO kan. Kita kena melihat dari segi kebersihannya, dari segi kualitinya, dari segi *capability* pengeluarannya dan sebagainya.

Ini suatu pendekatan profesional sebenarnya yang harus dilihat oleh kerajaan dalam mengeluarkan sijil-sijil 'Halal' kepada *manufacturing* ataupun kilang-kilang kita. Saya kalau boleh, selepas ini pun akan dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang bagaimana ISO 'Halal' ini dapat kita jadikan, mungkin kerajaan akan menubuhkan Lembaga Pengurusan Makanan Halal Malaysia dengan ada pendekatan-pendekatan dalam bentuk sains teknologinya dan juga bagaimana kita dapat menjayakan program makanan halal ini supaya kita memberi keyakinan kepada orang ramai, kepada masyarakat seluruh dunia bahawa bukan caranya hanya mengeluarkan Sijil Halal dengan sedikit, setahun sekali di *renew* ataupun enam bulan sekali, bukan itu kaedahnya.

Perlu ada seorang pegawai yang berkualiti, yang qualified, dengan izin, menjadi pegawai ISO halal di kilang-kilang, mungkin ahli teknologi makanan yang dikursuskan ada *certificatenya*. Mungkin kita buat lembaga baru, sebuah lembaga ataupun mungkin ahli profesional berkenaan yang kita *attach*kan dengan kilang, yang akan menyelia pengeluaran dari hari ke hari, dari masa ke semasa kerana ini merupakan suatu proses yang senantiasa patut dilihat bukan setahun sekali, enam bulan sekali, kemudian timbul masalah, kita pun celaru kerana media dapat mengeluarkan. Apa kata kalau kita tidak ada orang bongkar tentang penipuan-penipuan yang sedang berlaku tentang pengeluaran makanan halal ini.

Ini akan merimaskan kita semua. Sebab itu pendekatan baru mesti kita laksanakan. Sebelum perbincangan ini saya ambil awal dahulu kerana selepas ini saya sudah tidak bercakap lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya telah menyentuh tadi beberapa budaya di sebelah pagi tadi tentang gengsterisme dan RM8 bilion atau RM10 bilion dikatakan kita kerugian dalam kemalangan di jalan raya, kemudian perkara-perkara ragut yang kita bicarakan, rogol dan pembunuhan yang telah saya terangkan tadi, sikap dan nilai-nilai etika kita tentang kebersihan, etika dan sikap kita tentang tanggungjawab kita sebagai rakyat yang berhutang dan sebagainya, juga perkara-perkara yang berkaitan daripada mencintai alam, rasuah dan juga isu-isu ponteng sekolah.

Kalau semua ini dapat kita selarikan dan kita garapkan bersama supaya kita dapat membuat satu penterjemahan di dalam membina sebuah rukun rakyat yang baru sekurang-kurangnya kita dalam menghadapi cabaran-cabaran baru kita dapat melahirkan masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu yang dapat menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang cintakan negaranya, cinta kepada pemimpinnya dan kita dapat melangkah untuk membina tamadun yang berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah dilalui sebelum ini.

Sebab itu tamadun bangsa kita banyak bergantung kepada beberapa unsur terjemahan amalan kita terhadap Rukun Negara yang sepatutnya perkara-perkara yang saya katakan tadi sebagai menyentuh perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dapat kita selesaikan. Sebab itu saya amat berharap dan berterima kasih kepada kerajaan khususnya, isu-isu yang ditimbulkan merupakan isu-isu pinggir yang kalau tidak diambil kira daripada baik, ianya akan menjadikan masa depan kita dan ini akan menjadi perkara yang berlaku dalam budaya dalam masyarakat kita.

Sebab itu Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah banyak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi sebagai penterjemahan daripada Titah Diraja dan sebab itulah saya amat menyokong dan berterima kasih serta menjunjung kasih kepada Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari semalam.

Daripada itu, saya mencadangkan Titah Ucapan Diraja berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun akan disokong oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sila berucap.

4.13 petang.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Dungun.

Sebentar tadi kita membincangkan tentang bagaimana kita memperkasakan sekolah kebangsaan. Bagi saya sebagai anak Malaysia, kita menyokong apa jua usaha kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan baik di peringkat rendah ataupun peringkat menengah. Di sini pada waktu yang sama juga saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kewujudan SJKC dan SJKT seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi merupakan satu realiti dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Kalau kita melihat faktor sejarah pembentukan negara, Kontrak Sosial yang dimeterai oleh pejuang-pejuang kemerdekaan kita, kita telah menjadikan ianya sebagai satu panduan yang amat penting dan ianya telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana kebebasan untuk mempelajari bahasa ibunda adalah sesuatu yang telah diperuntukkan. Sama juga kita menghormati hak-hak istimewa orang Melayu seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan 1996 telah membuat satu pindaan di mana Akta Pendidikan 1991 dipinda, Seksyen 21(2) yang mana Menteri Pelajaran pada ketika itu ada kuasa untuk menutup sekolah Cina. Akan tetapi Akta Pendidikan 1996 telah membuat pindaan dan telah menjamin kedudukan SJKC dan SJKT. Ini sekali lagi menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab, tidak ada niat untuk menutup SJKC kerana ianya merupakan salah satu atau sebahagian daripada sistem pendidikan yang wujud. Sama juga daripada SJKT.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Diraja ada menyentuh tentang kepelbagaian...

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bentong.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah menyentuh tentang pembangunan SJKC termaktub dalam Perlembagaan dan juga dalam Akta Pendidikan. Oleh itu, apa pandangan Yang Berhormat tadi bahawa ada sesetengah pihak lagi mempunyai pandangan yang serong dan juga mempunyai pandangan yang tidak tepat bahawa pembangunan SJKC ini tidak dapat mewujudkan perpaduan.

Oleh itu saya juga ingin menyatakan di sini bahawa adalah tepat bahawa Yang Berhormat bagi Kuala Krai tadi menarik balik kenyataan beliau. Saya rasa itu adalah satu perkara yang betul dan tanggapan terhadap SJKC yang tidak betul itu akan menggugat perkembangan sistem persekolahan dalam negara kita.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Saya rasa pandangan Yang Berhormat itu memang tepat. Saya rasa kewujudan SJKC dan SJKT bukannya satu penghalang kepada perpaduan masyarakat. Kalau kita percaya kepada Tuhan, bahasa itu adalah ciptaan Tuhan dan kita melihat sukatan pelajaran di SJKC dan SJKT adalah datangnya daripada Kementerian Pelajaran. Kita menggunakan satu sukatan pelajaran yang sama, cuma cara penyampaian kita, bahasa yang digunakan itu adalah mengikut bahasa ibunda.

Maka saya rasa itu adalah satu anugerah Tuhan yang saya rasa ini sebagai satu rahmat kepada kita dan bagi saya, saya tetap bersetuju dengan Titah Diraja yang berbunyi "Kepelbagaian kaum, agama, budaya merupakan satu kekuatan kepada negara". Bagi kita, kepelbagaian itu adalah satu aset atau satu khazanah negara. Kalau kita boleh menggunakannya dengan baik, saya yakin ianya akan menjurus kepada kebaikan.

Saya mengambil satu contoh. Kita mempunyai penduduk dunia seramai 6.2 bilion dan kalau kita boleh fasih dalam beberapa bahasa seperti Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Cina, nampaknya kita boleh bergaul dan berkomunikasi daripada sekurang-kurangnya 4 bilion penduduk di dunia. Ini bererti kita boleh berinteraksi daripada dua pertiga daripada warga dunia ini. Inilah kekuatan yang ada pada Malaysia dan kita patut memberi sokongan kepada apa yang wujud ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju sangatlah supaya kita jangan meniupkan api perkauman kerana kita masih ingat lagi Peristiwa 13 Mei 1969 kerana kita sendiri sedar terutamanya parti-parti komponen Barisan Nasional, parti Yang Berhormat dan rakan-rakan yang lain. Tetapi masalahnya ialah di pihak sebelah sana yang selalu menggunakan isu ini sebagai...

Seorang Ahli PAS: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan, saya tidak kata PAS, sabarlah. Budi bahasa yang halus, tidak kata PAS. Janganlah cepat sangat terasa. ... yang sengaja mengambil kesempatan terutamanya apabila ada satu isu yang belum tahu lagi betul benarnya menggunakan isu-isu perkauman ini untuk kepentingan parti mereka. Jadi PAS, saya tidak tuju kepada PAS. Yang satu lagi, terpulanglah untuk ditafsirkan. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya rasa dalam arena politik, apa jua akan wujud. Ada pihak yang akan mengambil publisiti murah tetapi percayalah hasil itu adalah paling penting. Kalau sesuatu perkara yang kita usahakan bersama, bagi mereka, mereka tidak faham semangat musyawarah kesetiakawanan yang wujud di Barisan Nasional. Kita membincangkan sesuatu perkara melalui saluran yang betul. Jangan menang sorak, kampung tergadai. Apa yang kita hendak lihat, kita tidak hendak lihat rakan seperjuangan seperti kami berdua ini bertengkar. Itu adalah perkara yang penting. Kita mahu sama-sama membawa kebaikan kepada negara ini. Mungkin ada orang hendak lihat kita bertengkar tetapi jangan kita terperangkap. Itu nasihat saya.

Berbalik kepada isu tadi...

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya setuju sangat daripada pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi di mana

bahawa perpaduan lahir daripada sekolah, lahir daripada kepelbagaian dan kepelbagaian itu adalah anugerah Tuhan ataupun daripada bahasa saya, anugerah Allah S.W.T yang sepatutnya kita nilai dengan satu penilaian yang baik.

Pihak kami, pihak PAS tidak pernah timbulkan masalah ini. Tadi kita dengar pihak BN juga – Yang Berhormat bagi Kuala Krai supaya ditutup Sekolah Kebangsaan Cina

Beberapa Ahli: Dah tarik balik!

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tarik balik itu baru tarik balik, tapi lepas dulu perkataan, baru tarik balik kali yang kedua. Jadi apa pandangan? Saya setuju pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, perkara itu telah diperjelaskan. Apabila ada seseorang yang berani mengatakan hendak tarik balik apa yang telah diperkatakan dan memperjelaskan apakah niat yang beliau hendak katakan itu, saya rasa kita terima dengan baik. Itu pun saya rasa pemimpin PAS kena belajar [*Tepuk*] Kita menerima.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merupakan produk SJKC....

Datuk Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempunyai persepsi yang tidak jelas sebelum ini tapi setelah menghantar anak saya yang berumur empat tahun di *kindergarten*, sekolah tadika Cina, baru saya mengerti bahawa SJKC ini tidak mengajar untuk seseorang itu menjadi bangsa Cina, tidak mengajar seseorang itu daripada orang Dusun seperti saya menjadi bangsa Cina seperti Yang Berhormat. Tapi banyak perkara yang tidak dapat diberikan oleh sekolah kebangsaan *personal touch* – pengajaran secara personal yang lebih khusus, lebih disiplin.

Saya bayangkan budak empat tahun khususnya sekolah *kindergarten* hanya belajar menyanyi dan menari tapi sebenarnya lebih daripada itu. Setiap kali, bila kita semak bukunya, setiap hari ada dua *homework*. Baru umur empat tahun – ada dua *homework* setiap hari. Ada perkara-perkara yang lebih ditekankan di SJKC ini – saya melihat Sekolah Cina ini sebagai satu sistem pendidikan yang ada kelebihan dari segi pendekatan dibandingkan dengan anak saya yang produk sekolah kebangsaan dari

darjah satu hingga ke peringkat universiti. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, agar ciri-ciri Sekolah Cina ini diperjelaskan oleh Yang Berhormat supaya tidak ada kekeliruan bahawa siapa yang masuk ke Sekolah Cina, tidak akan jadi bangsa Cina, terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya rasa memang soalan itu relevan. Kalau kita melihat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina juga, kebanyakan saya ingat lebih daripada 85% ibu bapa menghantar anak mereka menghadiri tuisyen bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Ini menunjukkan apa? Mereka mahu anak mereka itu boleh memiliki, menguasai tiga bahasa – itu kelebihan yang ada. Kedua, mereka ini mempunyai satu sistem supaya memberi tekanan atau menekankan aspek akademik dan saya rasa bagi Kementerian Pelajaran, apa yang baik dijadikan sebagai teladan, apa yang tidak baik dijadikan sebagai sempadan dan itu adalah sistem yang ada di SJKC yang ada. Saya rasa kita boleh berinteraksi antara satu sama lain dan satu perkara yang saya pernah sentuh tadi, dari segi sukatan pelajaran, sama seperti di sekolah kebangsaan dan apa yang ditekankan di Sekolah Cina juga semangat patriotisme itu adalah perkara yang penting. Rukun Negara – yang kita mesti percayakan Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara. Kesemua ini merupakan perkara asas yang diajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Saya rasa kita perlu mempunyai satu persepsi yang jelas dan jangan kita melihat dari luar, dari rupa.

Apa yang penting sekarang, kita hendak jelaskan kepada Dewan Yang Mulia ini adalah semangat patriotisme ini tidak kurang kepada saya sebagai produk atau Yang Berhormat bagi Bentong sebagai produk SJKC dan ramai menteri, MCA juga produk SJKC dan kita tidak kurangnya semangat patriotisme berbanding dengan mana-mana Ahli Parlimen di sini. Kami cintakan negara ini, inilah tanah pusaka kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Semangat patriotisme ini sebenarnya, kita tidak boleh di kalangan BN sahaja, ia kena disemarakkan kepada parti-parti pembangkang. Kalau patriotisme untuk kita sahaja, kita tidak berjaya – akan timbul diskriminasi, timbul tuduhan yang tidak *research*, yang tidak buat kajian kepada BN, pilih kasih kepada SKJC dan sebagainya. Jadi sebab itu bagi saya, setuju atau tidak Yang Berhormat kalau kita mengatakan bahawa semangat untuk membina, menjaga kontrak sosial yang

lebih mantap perlembagaan itu sendiri – *social contract*, maka kita kena jaga dan kita kena pupuk senantiasa walaupun termasuk parti pembangkang. Bagi saya, saya dengan PAS, saya jadi kawan setia hari ini – Abang UMNO, PAS adik fasal UMNO lahir 1946, PAS lahir 1951. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya rasa kita perlu menyemai semangat ataupun benih perpaduan di sanubari rakyat Malaysia tidak kira fahaman politik. Yang penting, ini negara kita. Pepatah Melayu berbunyi, di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Saya dilahirkan di bumi Malaysia, saya dibesarkan di bumi Malaysia, saya menerima pendidikan di bumi Malaysia, saya akan mati di bumi Malaysia [*Tepuk*] Semangat saya, taat setia saya tidak berbelah kepada raja dan negara saya, Malaysia. Saya rasa itulah perkara yang diajar di SJKC semasa saya dalam tahun.....

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pernah dikatakan oleh pihak di sini. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, mengapa selama dekat 50 tahun berkongsi kuasa di dalam Barisan Nasional, mengapa UMNO khususnya ada sesetengah Yang Berhormat di dalam UMNO mesti tidak mendapat persepsi yang betul mengenai SRJKC dan SJKT, itu yang pertama. Yang kedua, kita tidak boleh menafikan bahawa ada berlakunya polarisasi kaum di dalam negara ini dan kita berkata bahawa ini bukan kerana wujudnya SRJKC. Jadi, bolehkah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menjelaskan apakah sebabnya, apakah akar umbinya mengapa ada polarisasi berlaku di dalam negara ini? Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, pertama sekali saya hendak mencadangkan Yang Berhormat bertanding di kawasan “Batu Api” [*Ketawa*] kerana kita tidak melagakan parti komponen Barisan Nasional. Apa yang kita hendak lihat melalui semangat musyawarah – apa yang kita rasa tidak jelas, perlu kita jelaskan sejelasa mungkin, itu yang pertama. Kedua, mengenai polarisasi kaum, ia wujud di mana-mana, rambut sama hitam, hati lain-lain. Walaupun bahasa yang digunakan sama bertutur dalam bahasa Melayu, bahasa

Inggeris dan bahasa Hakka dan kesemuanya bukannya faktor yang menentukan sama ada mereka ini bersatu padu ataupun tidak kerana sikap kita, persepsi kita terhadap sesuatu perkara itu adalah amat penting.

Jadi saya rasa kita perlu membuka mata dunia kita supaya apa yang tidak jelas, kita akan cuba menjelaskan. Apabila wujudnya sentimen yang mahu mengapi-apikan sesuatu perkara, saya rasa perkara itu akan menjadi satu bahan politik yang dieksploitasikan oleh pihak pembangkang khususnya. Jadi, apa yang saya katakan kononnya telah diperkatakan oleh pihak pembangkang tapi apa yang saya katakan ini, saya katakan melalui saluran yang benar, yang betul, saya berani mengatakan ini kerana itu adalah perkara yang benar. Saya tidak berniat menjadi Pak Kadok menang sorak, kampung tergadai - itulah perbezaan kita. Jadi saya rasa kita kena menggunakan cara yang pragmatik.

Baru-baru ini telah kita dengar Rancangan Malaysia Kesembilan, akan mendengar pandangan dari masyarakat yang berlainan, maka wujudlah aspirasi masyarakat Cina tentang keperluan SJKC di bandar-bandar yang padat dengan penduduk Cina memohon peruntukan untuk memperbaiki prasarana sekolah yang usang dan uzur lebih daripada 50 tahun dan juga masalah kekurangan guru SJKC yang merupakan perkara yang dinamik – sentiasa berwibawa. Saya rasa tiga masalah ini telah kita sampaikan dengan jelas. Saya yakin dan percaya kerajaan yang bertanggungjawab khususnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mendengar dan menerima cadangan tersebut dengan baik dan memberi pertimbangan sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Apa yang saya dapat lihat dalam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tiba masa 4.30 petang, ucapan Yang Berhormat boleh disambung semula kerana kita ada usul

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat 18.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi suatu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini.

Saya sekarang memulakan pembahasan untuk Usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi. Pihak pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat dari Kawasan Kubang Kerian, sila kemukakan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Sosej Halal Campur Usus Babi

4.33 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian pihak Speaker dan Parlimen ini untuk saya membahaskan Usul yang sangat penting ini. Saya akan mengambil masa selama 15 minit dan kemudian saya akan menyerahkan kepada rakan-rakan yang lain yang saya rasa juga bersedia untuk membahaskan Usul ini untuk kepentingan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Islam adalah agama yang cukup toleran, kitalah agama yang sangat hormati amalan budaya dan juga apa jua yang menyangkut tentang hak kepada mana-mana penganut agama-agama yang lain. Dalam hal yang sama kita mengakui bahawa Islam memiliki integriti, maruah dan harga diri yang mesti dipertahankan. Setiap penganut mempunyai hak untuk mengamalkan cara hidup mereka, makanan mereka, amalan daripada agama mereka dan demikian juga Islam kita sangat menjaga tentang apa yang kita katakan halal dan haram dalam kehidupan kita daripada dunia sampai ke akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada petang ini bukanlah bertujuan untuk saya menghina ataupun menyentuh mana-mana kaum dan bangsa yang terlibat mungkin dalam perbahasan isu ini. Perkara ini lahir daripada sikap tidak bertanggungjawab

beberapa kilang yang berada di dalam negara kita, yang mereka telah menggunakan logo Halal secara berleluasa dan hanya bermotifkan keuntungan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia saya tidak mahu Malaysia ini menjadi seperti negara-negara yang lain apabila isu yang melibatkan sensitiviti umat Islam ini tidak dijaga, tidak dikawal, tidak diambil satu tindakan yang proaktif, saya bimbang akan berlaku perkara-perkara yang tidak kita ingini sebagaimana yang pernah kita berlaku dalam sejarah sebagai contoh berlakunya dahagi India dalam tahun 1857 yang melibatkan isu pertengkaran yang berlarutan, polemik tentang daging yang melibatkan akhirnya berlaku rusuhan agama yang menyedihkan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, isu logo Halal yang disalah guna ini bukan perkara pertama berlaku dalam tanah air kita. Kita pernah mendengar bagaimana ayam yang tidak disembelih diletakkan logo Halal dan kemudian dipasarkan di kebanyakan pasar raya dalam negara kita.

Kita juga pernah mendengar bahawa dalam satu bilik sejuk tidak diasingkan daging yang halal dan daging yang haram dan kemudian pengusaha ini yang sudah tentu merupakan pengusaha yang memiliki aset dan harta yang banyak mereka mengedarkan produk-produk ini ke seluruh negara, bayangkan anak-anak kita yang makan di sekolah pada waktu rehat mereka berada di kantin-kantin sekolah, maka hari ini kita tidak boleh menafikan bahawa makanan seperti sosej, burger dan seumpamanya adalah menjadi minat daripada anak-anak kita. Dalam hal sama kita mendapati bahawa sekiranya produk ini tidak halal, maka ini sangat menyedihkan dan perkara ini amat membimbangkan kita sebagai umat Islam dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berusia hampir 50 tahun kita merdeka, saya sangat kesal isu ini masih lagi menjadi satu pertikaian, walaupun ianya dianggap satu kes yang berasingan, kes yang terpencil tetapi ia tidak harus berlaku dalam satu semangat satu perpaduan, satu semangat kita hidup dalam sebuah negara yang kita mengatakan mengamalkan hidup berbilang kaum yang kita amalkan selama ini. Begitu juga kita melihat produk-produk ini bukan sekadar melibatkan makanan, tetapi ia terus menular tanpa kawalan seperti produk kasut, pakaian dan yang amat bimbang ialah tentang alat-alat tulis yang dipakai oleh anak-anak kita di sekolah.

Saya juga diberi maklumat tentang bagaimana susu tepung yang menjadi makanan bayi-bayi dalam negara kita, di mana saya mendapat maklumat tentang bagaimanakah kita mempiawai ataupun kita mahu memastikan produk-produk ini halal dari segi agama kita, di mana pegawai yang memeriksa tentang piawai ini hanya pergi ke negara-negara seperti Denmark dan New Zealand pada kadar hanya setahun sekali.

Bagaimana mungkin kita dapat untuk mengawal ataupun memastikan produk-produk ini akan menepati standard halal yang diperlukan oleh umat Islam. Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat sedih dan saya amat kesal apabila isu ini disebarluaskan luas oleh media dalam negara kita barulah pihak JAKIM mendakwa dan mengeluarkan fatwa yang sebenarnya mereka cuma ada enam orang penguat kuasa untuk mereka memantau mana-mana premis, mana-mana kilang dan mana-mana kedai dan pasar raya yang menjual makanan halal untuk umat Islam. Mana mungkin enam orang bagi pihak JAKIM mampu untuk mereka bertanggungjawab di atas perkara ini.

Saya tidak menyalahkan atau meletakkan beban ini sepenuhnya kepada JAKIM, tetapi JAKIM sebelum daripada ini tidak pernah bersuara lantang untuk mereka meminta, supaya suara mereka didengari tentang bagaimana susahnyanya mereka dan kesulitan mereka dalam mereka menjalankan tanggungjawab untuk memantau keseluruhan premis-premis yang menjual makanan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat kesal apabila Biro Pengaduan yang dikendalikan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, baru-baru mendedahkan dalam satu sidang akhbar bahawa kemungkinan juga terdapat di kalangan pegawai-pegawai yang menjaga, yang memelihara logo halal ini menjualnya secara berleluasa. Tuduhan ini bukan datang daripada kami pihak Pembangkang, tetapi tuduhan ini atau kenyataan ini didedahkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO sendiri.

Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, supaya kementerian yang terlibat, mereka yang bertanggungjawab supaya mengambil tindakan yang keras, mengambil tindakan yang sewajarnya kalau ada pegawai-pegawai, kalau ada pihak-pihak yang sengaja menjual logo ini untuk memenuhi perut mereka semata-mata, gejala rasuah untuk menjual logo ini adalah satu perbuatan yang saya rasa tidak boleh diampunkan oleh umat Islam dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Bagi saya habis dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan. Nanti tergantung. Saya dengar dengan teliti Kubang Kerian, menyebut tadi kesal dengan Pemuda UMNO tentang tuduhan yang dibuat, tetapi pada waktu yang sama Kubang Kerian juga mendesak tindakan diambil, yang mana satu ini. Adakah Yang Berhormat menyokong usul tindakan yang dibuat oleh Pergerakan Pemuda UMNO, seolah-olah menggambarkan Pemuda UMNO mendahului Pemuda PAS. Terima kasih, dalam tindakan ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul masalah itu. Saya kesal dengan isu penjualan logo, saya tidak kesal dengan kenyataan berani Pemuda UMNO. Tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa JAKIM dan Majlis Agama Islam negeri-negeri perlu diberikan peruntukan yang sewajarnya kerana selama ini pemantauan tentang penguatkuasaan dan apa yang berlaku terhadap penyalahgunaan logo 'Halal' ini hanyalah terletak kepada pihak ataupun di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, di bawah Akta Perihal Perdagangan 1972.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan dalam Parlimen yang mulia ini supaya suatu akta digubal ataupun satu syor dibuat oleh mana-mana pihak, terutama Jabatan Perdana Menteri, JAKIM sendiri, supaya suatu undang-undang, suatu enakmen ataupun undang-undang kecil dibuat supaya pihak JAKIM dan pihak Majlis Agama Islam negeri-negeri dan pegawai-pegawainya, diberikan kuasa undang-undang. Sebagai contoh, setiap premis yang ingin menjual daging ataupun makanan-makanan yang melibatkan keperluan manusia, perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya kajian ataupun pemantauan yang lebih *detail*, yang lebih teliti dapat dibuat di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan isu yang berkaitan ini, saya sekali lagi mengharapkan supaya kerajaan mengambil tindakan yang paling tegas. Isu ini bukan isu yang pertama kali berlaku, ia telah berlaku dan ia seterusnya akan berlaku

sekiranya satu tindakan ataupun suatu yang melibatkan kuasa undang-undang tidak dihadapkan kepada mereka yang bertanggungjawab terhadap pemalsuan ataupun sengaja mencampuradukkan, sebagai contoh, usus babi ini di dalam sosej ataupun dalam mana-mana makanan ataupun menggunakan sebahagian daripada anggota badan babi ini untuk dijual sebagai pasaran dalam pasaran yang melibatkan keperluan harian umat Islam dalam negara kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan laluan kepada sahabat-sahabat yang lain untuk turut sama membahaskan Usul ini untuk kita berlaku adil dan untuk kita mendengar pandangan yang saya rasa isu ini *beyond politics* yang perlu dibahaskan dengan penuh rasional dan untuk kepentingan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

4.43 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memang saya bangun untuk memberi sokongan ke atas Usul ini walaupun ia dibawa oleh pihak pembangkang tetapi apabila berkenaan dengan agama, kita harus mempertahankan maruah agama. Di sini ingin saya menegaskan bahawa di dalam Perlembagaan Negara telah termaktub bahawa agama Islam itu adalah agama rasmi walaupun agama-agama lain bebas untuk mengamalkan ibadat mereka tetapi agama Islam tetap menjadi agama rasmi negara ini.

Mungkin setengah-setengah orang tidak bersetuju dengan pandangan saya ini tetapi saya ada juga membuat kajian. Setelah Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam, sepatutnya tanda 'Halal' itu tidak perlu lagi. Yang perlu ada ialah tanda 'Tidak Halal'. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, macam kita pergi ke Jeddah, kita pergi di negara-negara Arab, semua makanan di negara itu adalah halal. Malaysia sudah terkenal sebagai negara halal, negara yang mengeluarkan makanan-makanan halal dan dieksport ke luar negara, sedangkan ada pula kedai yang bubuh tanda 'Halal'. Jadi, bermakna yang kedai-kedai lain itu adalah tidak halal.

Itu pandangan saya, mungkin daripada kampung tetapi dibawa ke Parlimen, untuk kerajaan pertimbangkan demi kebaikan negara kita sebagai negara Islam dan menjadi negara yang mengeksport benda-benda yang halal. Jadi, kalau Tok Arabkah,

sesiapa pun turun di KLIA, bagi dia semua makanan adalah halal kerana negara kita adalah negara Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila, sila, Yang Berhormat, sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat soalnya bukan halal, haram tetapi kredibiliti haram itu. Kalau diletakkan logo 'Halal'kah, 'Haram'kah sedangkan benda itu haram, ini yang menjadi persoalannya. Diletak tanda 'Halal' tetapi sebenarnya haram.

Jadi, Yang Berhormat bagi Jerai, saya akui bahawa cadangan Yang Berhormat itu bagus, yang lain itu semuanya kalau yang tidak halal barulah kita letak 'Tidak Halal'. Tetapi persoalannya sekarang yang halal itu haram tetapi diletakkan tanda 'Halal'. Ini menjejaskan kredibiliti Malaysia dan tidak memberi hormat kepada orang Islam yang percayakan kita sekecil-kecilnya mesti sedar apa yang kita makan itu mestilah halal, dan ia boleh menjejaskan kalau kita berdoa kepada Allah, kalau apa yang kita makan itu tidak halal, doa kita tidak terangkat. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Jadi, penyudah,. maksud yang tadi itu sampai Yang Berhormat, sampai. Saya hendak mencadangkan supaya hanya pengusaha-pengusaha, pengilang-pengilang, restoran, hotel dan sebagainya pun kalau ia mengeluarkan atau mengadakan aktiviti-aktiviti yang tidak halal maka tandakanlah dengan besar di premisnya itu tanda 'Tidak Halal'. Jadi, orang Islam macam saya ini, macam Tuan Yang di-Pertua, tidak akan pergi ke tempat itu.

Okay, berbalik kepada soal sekarang ini yang halal tetapi tidak halal dari segi memproses. Benda yang halal ini, pada pandangan saya Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, kalau kita balas duit orang, benda yang tidak bersih kita makan akan menjadikan hidup kita tidak berkat, doa kita pun Tuhan tidak diterima fasal kita belanja untuk anak-bini kita di rumah, makan duit-duit haram ini, dia macam itu jugalah.

Masalahnya, sebab itulah kepada orang berniaga, jangan mempermudah-mudah perkara ini. Jangan ingat halal, halal, dok halal, halal tetapi proses tidak halal dan

mengikut peraturan ia kena disamak. Saya dengar di dalam TV baru-baru ini banyak ulama-ulama mengatakan kena disamak tangan apa semua. Samak tangan tak mengapalah pakai air selut, Tuan Yang di-Pertua tetapi takkan hendak minum air selut itu untuk samak perut! *[Ketawa]* Jadi, benda ini bukan boleh main-main.

Saya bersetuju supaya kerajaan, pertamanya, mengambil tindakan yang tegas, jangan sekadar mendenda. Saya mencadangkan supaya ditutup industri-industri makanan, apa sahaja yang memutar-belitkan perkataan halal ataupun menggunakan perkataan halal untuk kepentingan keuntungan mereka ini. Setakat mengenakan denda, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh buka yang lain, dia bayar sahaja denda, apa salahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bentong, bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ataupun Yang Berhormat bagi Bentong, Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Pengilang-pengilang yang tidak berhati perut ini, saya sebagai seorang bukan Muslim, saya juga ingin mengutuk sekeras-kerasnya tindakan yang tidak betul ini. *[Tepuk]* Saya rasa meletakkan tanda 'Halal' pada barang yang haram adalah tindakan yang kita tidak boleh maafkan. Oleh itu, bukan sahaja tindakan keras perlu diambil, saya rasa kita juga perlu mencadangkan kepada kerajaan agar mengadakan satu akta ataupun satu tindakan yang lebih drastik, memastikan penalti yang lebih keras agar orang-orang yang ingin cuba mendapatkan keuntungan cepat ini, kita perlu memberi kawalan yang seketat-ketatnya. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bentong. Ini menunjukkan konsep Barisan Nasional yang menerima Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas *[Sambil menoleh ke arah Yang Berhormat]* *Alhamdulillah, alhamdulillah, syukran-syukran.* *[Ketawa]* Jadi, tengok, tengok, Ketua Pemuda PAS, *[Menujukan cakapan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian]* apabila Yang Berhormat bawa Usul ini, kita sokong, disokong pula oleh Barisan Nasional. sekejap lagi kedua-dua hero akan bangkit sokong, *[Ketawa]* fasal ini maruah. Mereka memang menghormati – MCA, MIC. Mana Yang Berhormat bagi Cameron

Highlands? *[Menoleh ke barisan kerusi di belakangnya]* MIC pun menghormati fasal agama, bukan boleh main-main. Ini soalan akhirat, di akhirat kita pergi neraka, tak pasal. Dia untung meniaga, kita tak pertahankan ini, kita bersubahat Datuk Speaker. Kita masuk neraka, Santubong, Kinabatangan, you mahu masuk neraka ke? *[Ketawa]* Tak mahu, siapa mahu. Orang India tak apa, dia mati dia bakar, boleh nampak di dunia. Kita orang Islam bakar di bawah, siapa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini bukan Cameron Highlands, nampak macam Cameron Highlands ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung, saya nak bagi lagi dua orang berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya berharap kepada kerajaan ..

Dato' S. Veerasingam [Tapah]: Jerai, minta jalan sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Vanakam, vanakam, ini kena hormat dia kerana ada sikit atas dari saya.

Dato' S. Veerasingam [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua, MIC juga menyokong pendirian yang diambil oleh semua Ahli-ahli Parlimen pada hari ini termasuk usul yang dibawa oleh Kubang Kerian. Kita sama-sama sedar bahawa orang yang buat aniaya ini perlu diambil tindakan yang lebih keras kerana ini kita membohong harta benda itu halal sebenarnya itu haram. Ini adalah satu perkara yang kita tidak boleh terima. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat, ini Yang Berhormat pandangan yang cukup baik tapi saya kecewa Kepong rakan saya boleh diam membisu, tidak langsung menyokong perbahasan kita pada hari ini. Saya kecewa dengan sikap Kepong. Mungkin daripada Seputeh untuk melahirkan sokongan yang kita bawa ini.

Puan Terese Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tapi bukan cadangan daripada Jerai tadi. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Silap, silap, patut Kepong. Jadi Datuk Speaker, saya tidak mahu panjang ucapan saya, yang pentingnya hari ini saya minta kerajaan dan kita berdiri teguh di belakang kerajaan, Dewan Rakyat yang bersidang hari ini berdiri teguh di belakang kerajaan untuk mengambil tindakan tegas kepada sesiapa sahaja yang bersubahat, yang memperalatkan agama Islam untuk mencari keuntungan daripada apa jua bidang perniagaan yang mereka laburkan.

Jangan senang-senang dengan perkataan halal itu, mereka hendak gunakan itu untuk keuntungan. Datuk Speaker, benda yang - Kepong sudah bangkit dah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, adakah Yang Berhormat sedar, tahun lepas ada satu kejadian bukan di kawasan Kepong juga, di pinggir Kepong, di mana ada yang aduan di dalam akhbar dipaparkan di halaman terkemuka dan pihak Yang Berhormat Jerai pun diambil kira. Huyoo, itu Kepong punya dia datang ke sini mengecam saya, itu mencabar saya dan sebagainya. Saya bagi tahu dia di luar, ini masalah agama, saya pun orang berkenaan jumpa saya, saya kata yang penting tunjuk kepada saya sama ada sijil itu benar-benar sah ataupun tidak. Ataupun tiap-tiap tahun ada mohon semula dan sebagainya.

Tapi pihak Jerai itu, dia nak popularkan, begitu beriman sekali. *[Ketawa]* begitu beriman sekali. Kita nak adakan satu keamanan, silaturahim dan kerjasama di antara agama tapi dia nak jadikan politik pula, Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Kepong, dari segi agama Yang Berhormat Kepong, minta maaf, tidak ada kompromi. Ini saya nak jelaskan kepada Yang Berhormat walaupun sahabat saya, kita tidak boleh terima walaupun pengurusan kilang itu kawan Yang Berhormat, kemudian nak suruh saya tutup mulut, kemudian nak suruh orang makan benda yang haram yang dikatakan halal, *there is no way* dengan izin Datuk Pengerusi, *no way [ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup Yang Berhormat, gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tak habis, masa tak habis Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, nak bagi siapa Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong teruskan, yang lain sila duduk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya sendiri tidak mahu mempertahankan orang itu, bukan saya tidak mahu pertahankan, saya nak ambil tindakan sendiri dan pihak Jerai dia nak mempolitikkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, sila gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, saya gulung, saya gulung jangan susah hati. Saya bagi tahu kawan-kawan semua. Jadi Datuk Speaker, kita juga minta kerajaan terima cadangan saya tadi iaitu hanya benda-benda yang tidak halal sahaja dipamerkan selain daripada itu halal. Kemudian pegawai penguat kuasa akan buat siasatan kepada premis-premis yang menjual ataupun membuat industri-industri yang halal tetapi sebenarnya tidak halal dari segi prosesnya dan kita denda, jadi itu lebih mudah daripada hari ini orang hairan, mai pi Malaysia negara Islam patutnya semua makanan halal tetapi ada lagi dipamerkan di kedai itu halal. Bermaknanya bagi mereka kedai lain tak halal lah. Ha, yang ini sikit kita kena adjust sikit cara pemikiran itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi itulah pandangan saya dan Jerai dengan tegas tidak boleh bertolak ansur kerana ini akidah dan juga tentang maruah agama mendesak kerajaan dan NGO-NGO's terus melihat dan membantu kerajaan, jangan mengharap enforcement officer sahaja, mana boleh tahan. NGO's kena tolong, individu-individu kena tolong, Kepong kena tolong, kena tengok kedai tu jual halal, tapi benda tak halal report Kepong, jangan diam-diam. *[Bercakap dalam bahasa Cinja [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, masa yang singkat ini akan saya gunakan untuk menyokong usul daripada Kubang Kerian berhubung dengan logo halal itu ataupun makanan halal. Isu ini Tuan Yang di-Pertua bukan lagi isu baru, sudah lama. Itu kita hairan bagaimana beberapa agensi kerajaan sama ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, JAKIM ke JAIS yang menjaga. Mana masuk akal, enam orang sahaja pegawai dia, kemudian apabila kita tanya satu agensi dia kata ini Kementerian Perdagangan punya kuasa. Tanya kementerian lesen kita bagi, tapi enforcement di sebelah pihak sampai bila kita diheret dalam kancah ini.

Pertama, ini sabotaj ekonomi negara sebab negara Malaysia baru sahaja melancarkan kita akan membuat produk halal pun, mana orang percaya. Kenapa lesen-lesen ini mudah. Logo halal ini mudah diambil alih oleh orang lain dengan mencampurkan bahan-bahan yang haram dan dijadikan halal. Ini sudah tidak betul, jadi saya minta kerajaan bertindak setegas-tegasnya menutup premis-premis yang terlibat dan mana-mana lesen yang telah dikeluarkan tarik balik semula, buat kajian dan kalau boleh saya mencadangkan supaya logo halal ini diberi kepada orang-orang Islam sahaja sebab orang Islam saya percaya tidak akan menyeleweng, mencampuri bahan-bahan yang tidak halal kepada makanan-makanan yang dibekalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa mahu sudah habis ini, masa sudah mahu habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa Yang Berhormat, sila teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya masa sudah mahu habis, saya memberi laluan, saya janji memberi laluan kepada rakan saya, Sri Gading. Jadi saya menyokong supaya usul ini diterima dan kerajaan mengambil tindakan yang tegas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, nak bagi laluan ke dah habis bercakap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nak bercakap, Datuk tolonglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya nak bagi banyak yang berucap tapi masa terhad.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya dah banyak kali berdiri Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusod bin Yacob]:: Okey, Sri Gading, tiga minit Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tiga minit. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong 100% apa yang diperkatakan dalam usul Kubang Kerian dan kita kena ambil perhatian apa yang diucapkan beliau bukan soal makanan halal haram sahaja malahan pakaian, peralatan juga harus diberikan perhatian. Saya tak nak banyak mengulang-ulang Datuk, semua orang tahu, semua orang tahu, semua orang faham. Orang Cina faham, orang India faham, orang Serani faham, orang Banggali faham, segala-gala faham. Babi memang haram bagi orang Islam, terang.

Jadi saya tak nak menyalahkan mana-mana JAKIM ke apa tapi nak terima kasih Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, serta-merta nak keluarkan 1,600 pegawai untuk penguat kuasa, syabas menteri yang berkenaan, mudah-mudahan ditiru oleh kementerian yang lain, panjanglah dia menjadi menteri. Saya nak sikit saja, semua dah faham, saya nak cadangkan hukuman yang berat kepada penipu dan pengkhianat seperti ini, hukumannya selain daripada penjara mesti disebat. Baru dia takut, sebat, kalau dia tauke besar kah, tauke kecil kah, pengarah urusan kah sebat dia baru menjadi teladan kepada pihak yang lain. Saya menyokong Datuk, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Datuk. . Saya menyokong penuh apa yang disarankan, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Apa yang saya ingin sebutkan dalam masa yang tersingkat ini iaitu tindakan

yang paling padat sekali, yang paling tepat sekali iaitu, kita guna satu kaedah yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *“Tinggalkan sesuatu perkara yang meragukan kamu kepada perkara yang tidak meragukan kamu”*. Kepada semua orang Islam pulaukan syarikat ini. Pulaukan pengeluaran ini kerana sesuatu perkara yang haram ini jelas haram. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* yang bermaksud: *“Yang halal itu terang iaitu boleh disentuh, boleh dimakan dan boleh digunakan oleh umat Islam”* *[Bercakap dalam bahasa Arab]* yang bermaksud: *“Yang haram itu jelas tidak boleh diguna, tidak boleh dimakan, tidak boleh dipakai oleh orang Islam”*

[Bercakap dalam bahasa Arab] yang bermaksud: *“Di antara itu ada perkara-perkara yang samar. Siapa yang menjauhi diri dia daripada perkara-perkara yang samar dia telah menyucikan diri dia dan agama dia”*. Jadi tindakan yang saya rasa wajar ‘pulau’ syarikat itu, pulau penaja ini dan pulau segala-galanya. Bagi umat Islam perlu pulau dan orang bukan Islam pun perlu pulau juga kepada syarikat ini sehingga mereka mendapat pengajaran yang tepat.

Yang kedua pemantauan. Bagi pihak JAKIM, masalah ini adalah masalah besar *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Kita ada enam orang. Orang kata enam orang itu pun tidak bekerja pula. Ada orang sebut pada saya sendiri. Ustaz dia kata yang ada enam orang, yang enam orang itu pun tidak larat hendak buat kerja.

Sudahlah sedikit, yang sedikit pun tidak buat kerja pula. Macam mana? Jadi kita hendak supaya pemantauan ini dibuat sungguh-sungguh berdasarkan kepada *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Tuan-tuan, pegawai-pegawai adalah penggembala ataupun penyelia ataupun pemantau kepada keadaan yang berlaku. Apakah kita hendak tengok orang Islam makan benda yang haram? Tidak usah sini, tuan-tuan. Waktu saya belajar dahulu di sebuah negara Arab. Hidangan atau ikan yang dibawa dari Amerika Syarikat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa tidak cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sikit.....ditulis di kotak ayam itu *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Ikan ditulis ‘disembelih dengan cara Islam’ – ini hendak cerita kerana pengeluar bukan orang Islam. Selagi kita tidak dapat melahirkan syarikat-syarikat yang asasnya Islam, maka akan berlaku. Tidak usah ke negara kita, negara Arab pun

berlaku. Ikan ditulis [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. “Ikan ini disembelih cara Islam” Mana ikan ada disembelih dengan cara Islam. Ikan tidak disembelih. Kerana syarikat yang mengeluarkan ikan ini syarikat bukan Islam dan begitulah yang akan berlaku berlarutan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi laluan Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya bagi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas ini sahabat karib, abang adik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Enam orang tadi, bukan tidak kerja, saya tahu sebab saya 29 tahun di JAKIM sebagai TKP JAKIM. Bukan hendak menyombonglah. Satunya *planning, monitoring. Planning organizing, monitoring, valuation. Monitoring* itu yang kita tidak sampai tadi. Yang merancang, molek sudah. Logo Halal semua ini, tetapi penipuan ini boleh berlaku. *Human error*. Masalah manusia di mana pun ia akan berlaku. Maka dengan sebab itu saya sokong Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, saya sokong Yang Berhormat bagi Pasir Mas kerana hujah-hujah tadi tepat. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] - itu jelas. Jadi dengan sebab itu saya rasa Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidak boleh kata enam orang itu tidak kerja. Tidak sedap dengar. Setujukah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sebenarnya saya tidak kata, ada orang kata. Ada orang sebut pada saya, kalau betul, betullah, kalau tidak betul saya minta maaf banyak-banyaklah. Tidak ada masalah benda itu. Apa yang paling penting sekali iaitu kerajaan mesti bertegas, rakyat juga mesti bertegas. Pengguna mesti bertegas nampak benda ini tidak halal, tolak dia, tidak masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tolak dia, jangan beli dia. Tiga empat hari, bankrap. Saya setuju apa yang disebut supaya disebat. Kita sebat dia. Kalau yang lain boleh

sebat, kita sebat dia. Kalau kena dua tiga sebatan atas punggung dia, saya rasa dia tidak akan buat benda-benda yang....sebab punggung dia itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sebat di hadapan ramai, biar orang tahu. Jadi saya setuju dan saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, moga-moga ianya dimanfaati oleh seluruh umat Islam di negara kita dan orang bukan Islam, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya bagi lebih kurang tiga minit, lepas itu kalau Yang Berhormat bagi Labuan hendak bercakap, tiga minit.

5.05 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang membangkitkan Usul ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya hendak sebut di sini adalah suatu produk atau barang keluaran itu boleh diisytiharkan sama ada suci, halal atau haram, bergantung kepada dua perkara sahaja. Satu proses dan satu lagi adalah bahan yang digunakan. Hari ini kalau pihak Kementerian mempunyai dalam kedua-dua bidang ini, mempunyai kepakaran, maka kita perlu lihat. Kalau kita *confirm* kita tentu, yang bahan itu adalah bahan yang haram, maka bagaimana pula prosesnya yang dilalui.

Maka perlu kita lihat juga pihak kementerian bukan sahaja melihat dari segi penguatkuasaan produk yang telah siap, yang telah sempurna, tetapi juga proses yang dilalui dari A sampailah ke Z. Apakah proses-proses yang dilalui itu benar-benar menurut fatwa, benar-benar menurut hukum-hukum yang telah kita pelajari. Umpamanya kalau kita belajar, yang haram bercampur yang halal, maka ia akan jadi haram.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang perlu kita lihat adalah tentang apa yang ada di dalam negeri sahaja. Bagaimana dengan bahan-bahan yang kita import dari luar. Siapakah yang memastikan bahawa bahan-bahan yang kita import itu

walaupun melalui proses dalam negeri yang dipastikan oleh pihak kementerian, tetapi bahan itu sah halalnya, ini yang kedua.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengharapkan pihak kementerian sahaja, kita juga sepatutnya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Persatuan Pengguna Islam yang mana menjadi mata dan telinga kita yang membuka isu ini di akhbar-akhbar akhirnya baru kita tahu, mungkin ada di antara kita yang sudah termakan barang-barang makanan yang haram ini. Wallahuallah. Jadi kita mengambil peluang ini untuk Parlimen mengucapkan kepada NGO-NGO yang menjadi mata dan telinga kita bagi menentukan suatu produk itu halal dan haram. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Labuan, selepas itu Menteri menjawab.

5.07 ptg

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya hendak terus ke soalan pokok Tuan Yang di-Pertua. Kenapa perkara ini boleh berlaku? Salah siapa dan kecuaiannya siapa? Jangan sudah terantuk baru tengadah.

Tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading memuji Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana hendak melantik penguat kuasa. Tetapi kenapa sekarang? Kenapa bukan sebelum ini? Ini yang kecohnya baru satu produk, sosej, bagaimana dengan produk lain?

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, kenapa lambat sangat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertindak setelah Persatuan Pengguna Islam ini memaklumkan bahawa ada perkara yang tidak baik berlaku dalam satu kilang yang memproses sosej. Sampai hari ini, saya sebenarnya menelefon teman-teman di Kota Kinabalu dan Labuan, sampai hari ini ada yang tertanya-tanya apa jenama produk tidak diumumkan secara rasmi, tidak terbaca dalam surat khabar, orang tidak tahu. Kenapa tidak diumumkan? Kita ada televisyen, berita, kita ada macam-macam cara untuk menghebahkan supaya orang Islam tidak termakan terus benda yang telah pun dihebohkan. Menyalahkan JAKIM sahaja - tidak betul.

Jadi saya meminta Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya sudah bercakap banyak. Kalau kita hendak mengupas ini banyak, kalau saya diberi masa lebih dari tiga minit, memang banyak saya hendak tanya. Tetapi saya hendak tanya soalan pokok sahaja. Berapa banyakkah lagi kilang-kilang yang belum dilawati oleh dua pihak ini? Pertama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan JAKIM? Selain daripada sosej, apakah lagi produk yang mungkin telah dicampuradukkan dengan barang-barang yang haram? Jangan sembunyikan kerana hari ini berlaku satu sindrom baru. Pembangkang cadang Usul - BN *Backbencher* - *support* dan jika perkara ini berterusan, masalah jadinya.

Jadi perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan JAKIM cepat-cepatlah tangani dan buat keputusan seawal-awalnya hari ini atau esok, umumkan jenama-jenama sosej dan barang-barang lain yang diragui, jangan sampai termakan, hendak menyamak-menyamak, ini perkara kemudian. Sudah termakan susah hendak menyamak. Kalau anak saya termakan, sesiapa yang terlibat dalam kementerian memantau hal ini dia tanggunglah di akhirat besok. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, dengan setegas-tegasnya saya hormati cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang akan melantik penguat kuasa dan mungkin sudah. Tetapi kalau boleh percepatkanlah, umumkan secara rasmi produk yang telah dikenal pasti tidak boleh dimakan oleh orang Islam dan tindakan kerajaan yang seamat-amat tegas kepada kilang tersebut, apa dia? Umumkan. Jangan nanti kita tertanya-tanya dah kita terkena jadi macam ini, oh pemilik kilang hilang begitu sahaja. Saya sokonglah supaya disebut kalau boleh digantung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sila beri jawapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kerja saya pada petang ini tidaklah begitu sukar kerana pembangkang telah pun menyuarakan pandangannya kemudian disokong pula oleh BN dan semua sama yang Islam dan tidak Islam menyokong supaya diambil tindakan terhadap mereka yang bersalah. Saya cuma ingin memperbetulkan ataupun lebih tetap lagi memperjelaskan beberapa fakta yang kadang-kadang kita boleh

bercakap secara emosional, bercakap secara bersemangat tetapi dari segi faktanya, dari segi keterbatasan yang ada pada masing-masing jabatan dan kementerian kita tidak berapa sedar.

Jadi dalam penjelasan saya pada kesempatan ini pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada semua kerana menyedari betapa pentingnya makanan halal dan ini adalah merupakan hasrat sama ada daripada JAKIM, sama ada daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, sama ada JAKIM dengan anak buahnya iaitu JAIN dan MAIN iaitu Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan juga Majlis Agama Islam Negeri-negeri, itu adalah anak-anak di bawah JAKIM. JAKIM sebagai ibu untuk penyelarasan.

Peristiwa ini berlaku sebagaimana yang kita ketahui ialah diletupkan oleh akhbar dengan dua syarikat yang telah menyalahgunakan logo halal JAKIM iaitu logo halal JAKIM, JAIN dan MAIN. Pertamanya ialah **Syarikat Muller's Sosej House Sdn. Bhd.**, lot 1A dan 1M Kompleks Selayang, Batu 18 1/2, Jalan Ipoh dan kedua **Syarikat Pasifik Refrigerating Sdn. Bhd.**, lot 102 Jalan 2, Taman Selayang Baru, Batu Caves.

Kedua-dua syarikat ini yang telah pun memohon tanda halal JAKIM daripada Jabatan Agama Islam Selangor iaitu anak buah JAKIM. Sebab tidak ada wakil daripada JAIN maka terpaksa JAKIM mengambil alih, sebenarnya adalah JAIS. Kemudian kesalahan-kesalahan cukup jelas sekali hasil daripada usaha bersama daripada JAIS, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHP), Majlis Perbandaran Selayang iaitu MPS, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 14 Mac 2005 telah mendapati beberapa kesalahan dilakukan oleh syarikat ini.

Pertama penggunaan logo halal JAIS yang telah tamat tempoh. Kedua penggunaan logo halal tanpa pengesahan halal daripada JAKIM sebab dia memohon juga dengan JAKIM, apabila hendak dipanjangkan tempoh setahun yang diberi kemudian dipanjangkan setahun yang kedua kemudian apabila disemak didapati banyak berlaku penyelewengan. Maka tidak dibenarkan memakai logo halal JAIS kemudian memohon dengan JAKIM pula, JAKIM pergi periksa dengan *squadnya* dengan pasukannya tidak mengapalah cuma enam orang tetapi bolehlah. Kemudian kita boleh guna juga - ini adalah merupakan perjanjian saya dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bila-bila masa. Dia ada 1,600 orang dan dia

hendak minta lagi. JAKIM pun sebenarnya memohon dengan JPA dan diluluskan sebanyak 79 orang tetapi diagih-agihkan kepada Majlis-majlis Agama Islam dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri. Jadi yang tinggal di JAKIM hanya enam orang kemudian boleh guna maknanya gunasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kedua, dia telah juga menggunakan logo halal JAKIM tetapi JAKIM tidak pernah memberi kebenaran. Kemudian penggunaan logo halal sendiri, dia ada juga membuat logo halal sendiri, ini teruk sangat, sebab itulah rakan-rakan kita daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sangat marah kepada syarikat-syarikat ini kerana JAIS tidak memanjangkan, dia telah menyalahgunakan pakai juga. JAKIM tidak benarkan dia pakai juga, kemudian logo halal sendiri pun dia cipta dia tulis juga halal, tidak menggunakan logo halal JAKIM dan JAIS. Jadi saya rasa kita setuju sangatlah supaya tindakan yang keras diambil.

Selain daripada itu penggunaan usus binatang sebagai pembalut sosej tetapi dalam surat permohonan dia kata adalah daripada tumbuhan. Jadi sebenarnya itu juga suatu penyelewengan. Kemudian yang kelima kita dapati gagal menjaga kebersihan premis. Kita juga ada bawa Kementerian Kesihatan. Janganlah kata logo halal JAKIM, JAIN dan sebagainya tidak prihatin dengan kebersihan. Sebab yang pentingnya ialah halal dan thoyibah – halal lagi bagus, bagus itu adalah bersih. Ini kita dapat kerjasama daripada banyak pihak.

Selain daripada itu kesalahan mereka ialah gagal menjaga kebersihan pekerja seluruhnya, pekerjaanya kotor. Maknanya ini yang berlaku pada syarikat yang pertama. Kemudian yang kedua pula Pasifik Refrigerating Sdn. Bhd., banyak juga kesalahannya setelah diberi oleh JAIS kemudian tidak dapat menyambung terus menggunakan halal JAIS yang telah tamat tempoh sah laku. Kedua, gagal menjaga tahap kebersihan premis, tidak jaga juga. Kita bawa kementerian sebagaimana saya sebut tadi Kementerian Kesihatan bawa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bawa, kemudian Majlis Daerah Selayang pun bawa. Kemudian gagal menjaga tahap kebersihan pekerja secara keseluruhannya, serupa juga kesalahan.

Jadi saya suka menjelaskan di sini tindakan yang telah diambil oleh agensi yang terlibat dalam operasi tersebut adalah seperti berikut iaitu kuasa secara kolektif, secara jama'i, kita ada kuasa tetapi kuasa adalah masing-masing dalam bidangnya, iaitu Akta

Perihal Dagangan 72 ada pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kemudian ada lagi beberapa akta lain iaitu Akta Pemakanan 1983, ada lagi peraturan-peraturannya iaitu Kementerian Kesihatan. Selain daripada itu JAKIM dengan kepakaran yang ada padanya ialah dari sudut agama. Tidaklah pegawai JAKIM itu pergi periksa sebagaimana pegawai teknologi makanan, tidak. Kita bawa pegawai teknikal ini. Kita tahu keterbatasan ilmu yang ada pada kita.

Keseluruhannya memperakui bahawa banyak pelanggaran telah berlaku oleh dua premis ini. Jadi tindakannya ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu KPNDHEP telah mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 di mana keseluruhan produk, bahan pembungkus dan sarung sosej usus binatang yang digunakan telah disita dan dirampas dan pengusaha telah diberi akuan tanggungjawab iaitu diserahkan satu borang iaitu untuk mengaku kesalahan-kesalahan kemudian mereka menandatangani, itu yang pertama yang telah dilakukan oleh KPNDHEP.

Kemudian selain daripada itu Majlis Perbandaran Selayang telah mengambil tindakan di bawah Akta Makanan 1983 Seksyen 11 penutupan premis tidak suci tadi. Bermakna dengan kuasa yang ada padanya kemudian premis tersebut telah diarah tutup selama 14 hari.

Tuan Yang di-Pertua, daripada penerangan yang dijelaskan di atas saya berpendapat bahawa usul ini adalah berkenaan dengan kepentingan ramai yang melibatkan kepentingan umat Islam seluruhnya, itu adalah suatu yang baik. Juga perlu diingat di sini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak apalah, saya hendak sudahkan dengan cara yang cepat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit sahaja penjelasan. Dato' jawab 'ya' atau 'tidak'. Kilang yang disuruh tutup itu sudah tutup atau tidak? Itu sahaja.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ditutup. Bukan suatu pengesahan yang diwajibkan. Ini perlu diingat ya! Saya juga menyebut di sini bahawa pengesahan halal hendak dapat halal tadi bukan suatu pengesahan yang diwajibkan ke atas para

pengusaha. Ini yang ada sekarang realiti yang ada. Tetapi ia suatu pengesahan yang dipohon secara sukarela. Sungguhpun begitu apabila mana-mana pengusaha yang telah mendapat pengesahan halal sama daripada JAKIM, JAIN ataupun MAIN maka wajib bagi mereka mematuhi apabila diluluskan, apabila dia memohon lalu diluluskan kemudian dibuat pemeriksaan dan diluluskan lalu diberi tanda halal JAKIM, JAIN atau MAIN maka mereka mesti mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Kegagalan mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan boleh membawa kepada tindakan perundangan dikenakan ke atas pihak terbabit. Ini kalau di Wilayah Persekutuan sudah tentu kita akan gunakan kuasa yang ada pada Perihal Perdagangan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan boleh juga digunakan Akta Pentadbiran Agama Islam iaitu soal-soal yang telah diperuntukkan kepada Jabatan Agama Islam dan dalam Negeri sudah tentulah ada sedikit peruntukan walaupun kecil iaitu Enakmen Negeri-negeri. Kemudian.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit sahaja, satu soalan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya mendapati apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu permohonan tadi adalah dalam bentuk sukarela. Permohonan kepada JAKIM daripada mana-mana pihak dalam bentuk sukarela. Ertinya banyak lagi pengusaha-pengusaha yang buka syarikatnya daripada tidak ada logo Halal atau haram...

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: ...kalau sukarela sahaja. Dan bagaimana yang tidak ada halal atau haram tetapi dia jual juga.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu cukup senang, jawapannya cukup mudah. Saya sudah jawab tadi, saya beri kenyataan bahawa ini adalah sukarela. Kemudian kalau memohon dengan JAKIM, kemudian diperiksa, kemudian menurut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan...

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Masih berdiri]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Duduklah dahulu, boleh dengar semasa duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah tidak beri sebab selepas ini tidak ada soalan lagi seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: ...sebab kuasa saya, saya diperturunkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, sila duduk Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya, duduklah, sebab hendak habiskan, masa ada sedikit lagi. Kemudian apabila dimohon tadi, apabila diluluskan untuk pakai logo JAKIM, JAIM ataupun MAIN, maka dia mesti ikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Dia telah berjanji mesti barang itu halal dan sebagainya. Yang tidak memohon adalah *optional*, adalah pilihan sahaja. Itu tidak apa-apalah. Bukanlah hendak paksa semua pakai logo itu. Jadi terserah kepada pengguna untuk hendak pilih yang ada *brand* inikah atau yang tidak ada *brand*. Maknanya terserahlah. Itu adalah suatu *optional*. Saya rasa sudah cukup jelas.

Kemudian JAKIM, JAIM, JAIS, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Majlis Perbandaran Selayang dan Kementerian Kesihatan Malaysia sedang berusaha memastikan isu berkaitan logo Halal ini ditangani sewajarnya dengan menggunakan segala peruntukan undang-undang yang sedia ada walaupun secara kolektif, iaitu Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Makanan 1983. Jadi saya rasa itu di antara penjelasan yang perlu dijelaskan selain daripada apa yang telah ditimbulkan tadi, kita bersetujulah. Maknanya kita perlu prihatin terutama kepada pengguna, perlu prihatin memilih makanan halal dan menghindari daripada makanan-makanan yang tidak halal.

Tentang ada juga disebut, maknanya barang dari luar negara, misalnya, kalau yang memakai logo halal daripada luar negara tadi, maka ia adalah disahkan oleh badan Islam luar negara.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi peluang?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak payahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apalah, ini soal penting, Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah hendak jawab soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya cuma hendak tanya satu, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagikah, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apalah, ini masalah orang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, teruskan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu masalah ini sudah berbangkit. Adakah pihak kerajaan akan mengemaskinikan segala akta, segala hukum dan segala undang-undang bagi menentukan bahawa peristiwa yang menyabitkan halal atau haram, najis dan bersih ini tidak lagi berulang kepada masyarakat kita? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey. Jadi saya telah membuat penjelasan tadi iaitu JAKIM, JAIS, KPDNHEP, Majlis Perbandaran Selayang atau majlis perbandaran negeri-negeri, Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang kita boleh mendapat kerjasama daripada mereka, bermakna kita akan cuba menggembelng tenaga. Ini sebenarnya, maklum sahajalah walau bagaimana hebat gerakan yang dijalankan sudah tentulah penjenayah-penjenayah dan pencabul-pencabul undang-undang ini kadang-kadang mereka bijak. Bukan dalam kes halal atau haram sahaja, banyak lagi kes-kes yang lain yang kalau disebut penyelewengan berlaku dalam kad pengenalan pun ada, kemudian dalam pelbagai isu yang lain, saya mohon kerjasama

daripada semua pihak, sama-sama kita membantu pihak berwajib untuk mendapat maklumat tersebut dan sekiranya kita dapat kita akan cuba menyasat dan akan cuba memastikan dibuat penguatkuasaan dalam bidang kuasa yang ada pada kita. Hanya sekian...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi laluan? Yang Berhormat bagi Pendang.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah tidak mahu, cukuplah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, cuma untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebentar tadi berkenaan dengan polisi kita yang sukarela, saya ingin maklumkan di sini iaitu bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, majoriti penduduk Islam, oleh kerana itu sebarang pemakanan yang disediakan di negara kita ini tidak perlu ada tanda halal sebab negara Islam, maka semua orang boleh merasakan dia pergi ke mana-mana pun, dia akan diberikan makanan Islam. Sebab itu kita kata sukarela.

Jadi kita tidak paksa, kerana apa guna di Malaysia ada "Kampung Melayu" walhal Malaysia ini negara Melayu. Jadi macam di negara China, mana ada "China Town"? Sebab itu China. Jadi Malaysia tidak perlu ada tanda halal kepada semua kerana negara ini negara Islam, majoriti Islam, rakyat boleh pergi ke mana-mana dengan merasakan bahawa semua itu adalah halal. Sebab itu kita kata sukarela. Jadi ini untuk menjelaskan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebentar tadi. Terima kasih.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menambah sedikit apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama, kerana ini banyak perkara yang berbangkit dan timbul tadi tentang kementerian saya.

Saya memang sepakat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam melaksanakan amanah yang diletakkan kepada kita kerana memang kita tahu perkara ini bukanlah satu perkara yang dianggap ringan. Saya pun tidak mahu masuk

neraka. Perbuatan ini setelah bilamana telah pun diamanahkan, itu yang sebaiknya kita terus mengambil tindakan oleh pegawai-pegawai sekarang ini apa yang harus kita buat. Ini yang penting supaya keyakinan kredibiliti kita tidak akan bangkit pada masa yang mendatang.

Insyallah di peringkat kementerian, saya yakin pihak JAKIM juga, iaitu agensi contohnya di bawah jagaan kita, satu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mana mendaftar...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, Yang Berhormat, Menteri hendak beri penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: ...di seluruh negara ini dan saya akan pastikan supaya mana-mana Ahli Lembaga Pengarah ataupun pemegang saham syarikat-syarikat yang terbabit dalam perniagaan yang ada hubung kaitnya dengan menipu rakyat ini, kita akan pastikan bahawa mereka ini turut disenaraihitamkan [*Tepuk*] dan pendaftaran syarikat di masa akan datang dan bila-bila pun kita tidak harus mengampunkan perbuatan yang cukup keji. Ini perbuatan yang kita, insyallah, di peringkat kita akan kita lakukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah habis dah?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingat oleh kerana masa tidak mengizinkan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak bagi tidak, Yang Berhormat? Pasal Yang Berhormat, hari ini mungkin masa suntuk, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus kita duduk bersama dan mengkaji. Ini adalah satu perkara yang kita juga kena *forecast*. Hari ini kita *plan* macam ini tetapi penyangak-penyangak haram halal ini, dia ada *plan* dia. Jadi saya takut pasal kita ini dianggap sebagai pengeksport barang-barang makanan halal ke luar negara. Jadi saya hendak minta supaya industri-industri yang mengeksport ini juga mesti disiasat dapat *confirmation* daripada pihak kerajaan supaya benda-benda yang hendak dieksport itu halal.

Berbalik kepada soalan saya tadi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat bagi Padang Rengas beritahu bahawa *volunteer*. Itulah saya kata tadi negara Islam pasal apa hendak bubuh tanda halal. Yang hak tidak halal itu kena bubuh tanda tidak halal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat, benda yang sama juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Samakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Untuk makluman Dewan ini, pihak JAKIM dan JAIM telah mengeluarkan sijil halal sebanyak 2,062 sijil termasuk premis – 1,424, premis makanan – 475 dan rumah penyembelihan – 163. Insya-Allah di peringkat kita, kita sudah pun bagi arahan pada minggu yang sudah dan kita akan menjelajah ke seluruh negara untuk memastikan supaya jangan perkara ini berlaku dan saya berharap jangan ada nanti besok simpati kerana bila kita laksanakan undang-undang ini, ia tidak ada mata, kawan tidak kenal siapa dia, tangan siapa, hidung tidak ada undang-undang seperti bila saya ambil tindakan terhadap diesel dahulu, sampai pengundi kawasan saya pun marah pada saya. Saya beritahu undang-undang tidak ada mata. Bila kata kena orang teksi, tidak ada mata, oh dia punya, saya tidak kenal sesiapa yang menyeleweng dan insya-Allah kita akan pegang amanah ini sebaik mungkin, insya-Allah. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan dengan yang demikian saya tutup perbahasan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu persidangan telah tamat. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam boleh menyambung ucapan besok. Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.

LAMPIRAN**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG XII
TUANKU SYED SIRAJUDDIN SYED PUTERA JAMALULLAIL**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim
Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Kesebelas pada hari ini.

2. *Tahun 2004 telah berakhir dengan bencana ombak besar tsunami yang turut melanda negara kita. Beta dan Raja Permaisuri Agong merakamkan ucapan takziah kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga, harta benda dan mata pencarian akibat bencana tersebut. Beta mengucapkan syabas kepada Kerajaan dan Mamanda Perdana Menteri Beta yang dengan serta merta mengambil pelbagai usaha bagi meringankan penderitaan mangsa-mangsa dan membolehkan mereka memulakan hidup baru. Langkah-langkah seperti membaik pulih dan membina rumah-rumah baru serta memperbaiki dan menggantikan bot-bot nelayan yang telah musnah adalah amat bermakna kepada mereka. Beta amat berbangga kerana rakyat negara ini telah sekali lagi menunjukkan sikap mulia dan prihatin melalui sumbangan dalam bentuk wang, bahan makanan, pakaian dan sebagainya kepada mangsa-mangsa ombak besar tsunami dalam dan luar negara. Malah kesediaan rakyat kita memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa terutamanya di Aceh dan Sri Lanka amat terpuji.*

3. *Beta juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada negara-negara sahabat yang telah melahirkan rasa simpati di atas bencana yang menimpa rakyat kita serta menghulurkan bantuan. Kerajaan Beta juga akan bekerjasama dengan negara-negara di rantau ini untuk membangunkan sistem amaran awal bencana tersebut.*

4. *Alhamdulillah, semenjak Mamanda Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan Jemaah Menteri Kerajaan Beta menjalankan tugas dalam pentadbiran baru pada bulan April 2004, Beta mendapati rakyat dan negara semakin sejahtera dan maju. Kesan positif sudah mula dirasai dengan munculnya beberapa pendekatan baru seperti Islam Hadhari serta mengutamakan sikap berbudi bahasa dan*

nilai-nilai murni dalam kehidupan harian. Sesungguhnya gandingan antara pembangunan fizikal dan amalan budi bahasa dan bermaruah merupakan gandingan yang luhur. Islam Hadhari bukanlah satu mazhab baru atau ajaran baru, sebaliknya ia adalah pendekatan untuk membangunkan ummah tanpa sedikit pun mengurangkan prinsip-prinsip asas ajaran Islam atau menjejaskan konsep kebebasan beragama di negara ini. Walaupun pendekatan secara ini memakan masa, kita harus yakin bahawa dengan pendekatan ini matlamat Wawasan 2020 akan kita capai dengan lebih bermakna lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Tahun 2005 merupakan tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dibentang tidak lama lagi akan terus menekankan pembangunan ekonomi yang kukuh, berdaya tahan, adil dan saksama. Pengurusan kewangan sektor awam akan dilaksanakan secara berhemah dan berdisiplin. Perbelanjaan akan didasarkan kepada keberkesanan kos. Sehubungan ini, defisit Kerajaan akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat.

6. Ekonomi negara kita bertambah kukuh. Kadar pertumbuhan bagi tahun 2004 melebihi sasaran 7 peratus. Rizab negara meningkat kepada RM273 bilion pada bulan Februari dan ia merupakan rizab yang tertinggi yang pernah dicapai, cukup untuk membiayai import selama 8 bulan. Perdagangan luar negara pada tahun lalu bernilai RM880 bilion merupakan paras tertinggi yang pernah direkodkan. Imbangan pembayaran negara juga terus kukuh di samping beroleh guna tenaga penuh dengan kadar inflasi yang rendah. Bagi tahun ini Beta menerima baik unjuran pertumbuhan ekonomi pada kadar 6 peratus. Perubahan secara menyeluruh telah dilakukan dengan menekankan beberapa strategi teras seperti menggalakkan pertumbuhan yang pesat dan pengeluaran produk-produk yang mempunyai nilai-tambah yang tinggi. Amalan-amalan seperti perbelanjaan secara berhemah, pembangunan sumber manusia serta penyelidikan dan pembangunan yang ditingkatkan akan membantu memantapkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Di samping itu, peranan sektor swasta sebagai pemangkin ekonomi harus diutamakan. Syarikat-syarikat binaan wajar diingatkan supaya tidak terlalu bergantung kepada projek-projek prasarana di negara kita kerana sebahagian besarnya telah pun dilaksanakan. Sebaliknya syarikat-syarikat Malaysia perlu meneroka peluang-peluang kerja di luar negara dengan menyertai tender-tender di peringkat antarabangsa.

7. Walaupun ekonomi negara dan taraf hidup rakyat terus meningkat namun kita perlu sentiasa berwaspada terhadap cabaran-cabaran ekonomi global. Walaupun kita yakin dengan prospek pertumbuhan ekonomi negara, kita hendaklah bersedia menghadapi persaingan global yang semakin meningkat dari segi pelaburan dan pasaran antarabangsa. Bagi mencapai tujuan ini, kita hendaklah sentiasa mengambil

peluang dan mengatasi cabaran-cabaran dengan menerokai idea-idea dan aktiviti-aktiviti baru yang boleh mewujudkan sumber-sumber pertumbuhan yang baru.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. *Sektor komoditi seperti kelapa sawit, getah, kayu-kayan dan koko merupakan penyumbang besar kepada ekonomi negara yang menyumbang sebanyak 6 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar. Namun kita masih belum menerokai sepenuhnya potensi sebahagiannya sebagai produk makanan. Untuk itu, Beta mengalu-alukan pembangunan sektor pertanian sebagai salah satu penjana pertumbuhan ekonomi negara. Dengan ini kita boleh menggunakan kelebihan bioteknologi pertanian. Dalam pada itu pertanian bertaraf kecil tidak diketepikan demi menjagaimbangan pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar supaya tidak begitu ketara.*

9. *Langkah mengubah kaedah pengeluaran pertanian tradisional kepada kaedah komersial yang maju akan membantu hasil pendapatan dan daya saing. Penekanan terhadap nilai-tambah pertanian di sepanjang pengeluaran pertanian amatlah wajar. Pelaburan swasta akan dipertingkatkan dan dijadikan pemangkin kepada sektor pengeluaran makanan yang moden dan berteknologi tinggi. Untuk mencapai matlamat ini, sistem penyampaian yang cekap berserta infrastruktur yang baik adalah diperlukan bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos.*

10. *Pengusaha-pengusaha makanan dan produk halal Malaysia yang dipandang tinggi oleh negara-negara Islam hendaklah meningkatkan usaha mereka agar perniagaan penting ini terus mantap. Namun, Beta ingin mengingatkan supaya piawaian halal yang ditetapkan tidak menimbulkan keraguan sehingga boleh menjejaskan Malaysia sebagai pusat pengeluaran makanan halal dunia.*

11. *Beta berasa bangga kerana sistem kewangan Islam yang diamalkan di negara ini termasuk takaful diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Rancangan mengadakan pusat latihan kewangan Islam antarabangsa bagi melahirkan pakar-pakar kewangan Islam amatlah membanggakan. Ini selaras dengan hasrat Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam antarabangsa.*

12. *Beralih kepada industri pelancongan pula, ia telah pulih berasaskan kunjungan 15 juta orang pelancong, iaitu melebihi kejayaan tahun-tahun sebelumnya. Memandangkan industri pelancongan memberi sumbangan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara, usaha-usaha menambah daya tarikan unsur-unsur warisan, budaya dan masyarakat berbilang kaum, serta alam semula jadi wajar kita tingkatkan.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

13. Dalam bidang teknologi dan inovasi juga, kita tidak harus ketinggalan. Malaysia memerlukan lebih ramai lagi pencipta dalam bidang teknologi dan tidak semata-mata menjadi pelanggan, pengguna atau pengikut sahaja. Sehubungan ini, aktiviti penyelidikan dan pembangunan akan disusun semula bagi memenuhi permintaan pasaran. Dasar Sains dan Teknologi Kedua sedang dikaji semula untuk meningkatkan agenda nasional dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Beta menyeru supaya sektor swasta bekerjasama rapat dengan Kerajaan sebagai rakan kongsi dalam memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan.

14. Beta menerima baik penyediaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga yang merangkumi tempoh 15 tahun dari tahun 2006 hingga tahun 2020. Pelan ini yang menggariskan dasar dan hala tuju perindustrian negara akan melahirkan pendekatan dan strategi bagi meningkatkan daya saing industri pembuatan dan perkhidmatan. Tumpuan utama ialah menjana sumber-sumber baru pertumbuhan ekonomi di samping membangunkan industri kecil dan sederhana.

15. Beta juga mengalu-alukan penyertaan yang seimbang dalam ekonomi di kalangan kumpulan etnik dan wilayah. Bagi membangunkan masyarakat yang seimbang dan saksama tidaklah wajar jika kaum Bumiputera dipinggirkan dari arus perdana pembangunan. Meningkatkan terus-menerus agenda membantu kaum Bumiputera adalah sesuatu yang hakiki kepada Kerajaan Beta. Ini termasuklah menyeimbangkan tahap pembangunan antara sesama Bumiputera sendiri. Untuk itu, perhatian khusus akan diberikan terhadap kumpulan pribumi di Sabah dan Sarawak. Bagi mencapai matlamat ini, program pemantauan dan penguatkuasaan dasar-dasar harus diperkukuhkan lagi.

16. Kerajaan Beta juga akan terus mempergiatkan usaha untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Ke arah itu, tumpuan akan diberikan kepada program pembangunan vendor dan penguatan jaringan bagi memperluaskan lagi penyertaan Bumiputera sebagai pembekal kepada syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat multinasional. Program untuk memperkasakan usahawan Bumiputera akan dilaksanakan bagi menembusi pasaran antarabangsa. Usaha menjadikan koperasi sebagai sektor ketiga dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara juga akan dipergiatkan.

17. Perjuangan kita menurunkan kadar kemiskinan kepada kosong perpuluhan lima peratus hendaklah berterusan tanpa mengira kaum. Begitu juga dengan membasmi kemiskinan tegar melalui peluang-peluang pekerjaan, latihan kemahiran, peningkatan produktiviti, perubahan sikap dan sebagainya. Untuk mencapai matlamat ini, program-program berkesan untuk mengurangkan kemiskinan akan diperhebatkan. Program-program pembasmian kemiskinan kelolaan pelbagai agensi Kerajaan hendaklah diselaraskan bagi meningkatkan keberkesanan dan menghapuskan pertindihan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

18. *Pertumbuhan tidak seimbang di kalangan wilayah dan antara bandar dan luar bandar perlu diatasi. Perhatian khusus hendaklah diberikan kepada pembangunan negeri yang kurang maju. Sehubungan ini usaha-usaha pengimbangan akan dilaksanakan secara meluas melalui pembangunan moden. Dari sudut ini, pelaksanaan pembangunan prasarana asas dan utiliti seperti bekalan air, elektrik, jalan kampung akan diteruskan terutamanya di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan terpencil di Semenanjung. Tumpuan akan diberikan kepada capaian teknologi maklumat bagi penduduk luar bandar. Ini akan dicapai melalui Program Medan Infodesa yang tidak lagi menyisihkan rakyat luar bandar daripada arus perdana teknologi dan komunikasi maklumat. Ia juga sekali gus membantu memasarkan produk-produk tempatan melalui aplikasi "Titian Digital".*

19. *Untuk menyegerakan wujudnya masyarakat dan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, Pelan Jalur Lebar Kebangsaan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan infrastruktur komunikasi. Beta amat prihatin tentang mutu dan liputan perkhidmatan telekomunikasi yang tidak memuaskan di kawasan Koridor Raya Multimedia, bandar raya Kuala Lumpur dan luar bandar. Sehubungan ini syarikat-syarikat telekomunikasi hendaklah meningkatkan mutu dan liputan perkhidmatan telefon bersel di seluruh negara sebelum akhir tahun ini.*

20. *Untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak, Jawatankuasa Kabinet Untuk Mengkaji Impak Kenaikan Harga Produk Petroleum Ke Atas Ekonomi Negara telah ditubuhkan. Insya-Allah, langkah-langkah mengurangkan sifat terlalu bergantung kepada produk-produk petroleum akan dapat dicapai dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber tenaga serta menggalakkan sumber-sumber tenaga alternatif.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

21. *Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan mengawal selia pengurusan bekalan air di peringkat negeri, kecuali di Sabah dan Sarawak. Ini akan memastikan pengurusan bekalan air dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan di samping kadar tarif air yang berpatutan bagi rakyat. Beta suka mengingatkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri akan terus kekal dengan haknya berkaitan punca air.*

22. *Kita bersama menghargai Perkhidmatan Awam negara kerana melaksanakan pelbagai langkah dan pembaharuan yang meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian. Tanpa sumbangan dan komitmen mereka, negara kita tidak akan mencapai tahap pembangunan seperti kini. Walau bagaimanapun, anggota-anggota*

Perkhidmatan Awam janganlah mudah berpuas hati, sebaliknya hendaklah terus berusaha meningkatkan prestasi sehingga mencapai taraf dunia.

23. *Sistem penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan berkesan adalah sangat penting bagi meningkatkan daya saing dan ketahanan ekonomi negara. Oleh itu, usaha Perkhidmatan Awam bagi mengurangkan kos mengendalikan perniagaan sedang dijalankan. Di bawah Strategi Pentadbiran Tanah yang baru dilaksanakan, 43 langkah telah diambil untuk memperkemaskan proses kerja di pejabat-pejabat tanah. Tunggakan pendaftaran tanah telah berjaya dikurangkan sebanyak 93 peratus manakala tunggakan permohonan hak milik strata menurun sebanyak 52 peratus. Mulai tahun ini, masalah kelewatan pengeluaran Sijil Layak Menduduki oleh pihak berkuasa tempatan akan diatasi melalui pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan yang akan dikeluarkan oleh pihak profesional. Untuk meningkatkan lagi prestasi sistem penyampaian Perkhidmatan Awam, program Indikator Prestasi Utama yang dilaksanakan di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan telah dipanjangkan pemakaiannya kepada jabatan-jabatan Kerajaan tertentu sebagai projek perintis.*

24. *Beta berbangga dengan pelbagai usaha mencegah rasuah yang sedang dijalankan sehingga ke akar umbi. Walaupun negara kita telah beroleh banyak kejayaan dalam usaha membanteras rasuah namun kita tidak harus berpuas hati. Jelaslah pendekatan punitif dan preventif yang diambil dalam memerangi rasuah telah berjaya. Di bawah pendekatan punitif, langkah-langkah penguatkuasaan dan hukuman setimpal kepada perasuah yang disabitkan terus dilaksanakan. Manakala di bawah pendekatan pencegahan, Pelan Integriti Nasional telah digubal dan Institut Integriti Malaysia pula telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan pelan tersebut. Indeks Persepsi Rasuah yang berlandaskan kriteria yang telus dan sesuai dengan budaya dan nilai-nilai murni akan digubal. Dalam usaha ini juga sektor swasta harus bekerjasama meningkatkan integriti dan kewajipan masing-masing untuk membasmi rasuah. Dalam konteks pengurusan korporat yang berwibawa, Kod Tadbir Korporat Malaysia akan meningkatkan kerjasama antara Badan Pencegah Rasuah dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. *Cita-cita negara adalah mewujudkan sistem pelajaran yang bertaraf dunia. Dengan bermatlamatkan pendidikan di semua peringkat terus cemerlang, sistem pengurusan pendidikan telah disusun semula dengan menubuhkan Kementerian Pengajian Tinggi yang bertanggungjawab terhadap pendidikan tinggi dan Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab terhadap pendidikan dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat pra-universiti. Beta gembira dengan matlamat Kerajaan Beta untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global. Usaha murni ini akan memantapkan semua program untuk meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan kepada rakyat. Beta menyeru semua pihak khususnya institusi*

pendidikan tinggi awam dan swasta supaya berganding bahu untuk menjayakan hasrat Kerajaan Beta ini. Beta penuh yakin pembangunan sumber manusia yang berilmu, berpendidikan tinggi, terlatih, berbudi pekerti dan mulia, merupakan asas kepada kemajuan dan keutuhan negara.

26. *Persaingan global memerlukan kita melihat semula fokus dalam bidang pendidikan. Justeru, usaha-usaha untuk memperkasa sekolah kebangsaan yang merupakan tunjang kepada sistem pelajaran negara perlu diperhebatkan. Selain itu, Kerajaan Beta perlu memastikan jurang antara luar bandar dan bandar dirapatkan agar generasi muda negara ini dapat dipersiapkan untuk bersaing dengan bangsa lain di dunia. Kerajaan Beta juga perlu memberi keutamaan kepada pendidikan holistik agar pelajar yang mempunyai ciri peribadi unggul dapat dilahirkan dan ini akan dilaksanakan melalui pemantapan aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Bagi melahirkan pelajar cemerlang, usaha-usaha untuk melahirkan guru yang cemerlang juga perlu dipertingkatkan. Beta bangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Beta untuk memartabatkan profesion perguruan terutamanya dari segi penumpuan kepada memantapkan aspek pemilihan bakal guru dan latihan keguruan.*

27. *Beta berbangga kerana Program Latihan Khidmat Negara yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 2004 telah berjaya melatih seramai lebih 69,000 orang remaja yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Pada tahun ini jumlah yang akan dilatih akan meningkat kepada 85,000 orang. Golongan remaja yang mengikuti program ini telah didedahkan dengan program-program yang berunsurkan perpaduan, kenegaraan, patriotisme, budi bahasa, nilai-nilai murni serta aspek-aspek ketahanan mental dan fizikal. Beta berharap program ini akan dapat meningkatkan semangat cintakan negara dan perpaduan di kalangan remaja.*

28. *Kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang terdapat di negara ini merupakan satu kekuatan bagi negara. Namun untuk mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya bukanlah perkara mudah. Sehubungan ini Kerajaan akan melaksana dan mempertingkatkan program-program yang berupaya mengukuhkan serta memupuk perpaduan kaum, mewujudkan masyarakat penyayang, dan menghindarkan pertelingkahan antara kaum. Dalam perkara ini, kerjasama antara kementerian-kementerian yang bertanggung jawab tentang pelajaran, budaya, belia dan kebajikan kemasyarakatan amatlah penting. Di samping itu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara telah ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam konteks pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. *Beta sedar betapa pentingnya institusi keluarga sebagai asas utama kepada kestabilan dan kesejahteraan sosial serta pembentukan masyarakat penyayang. Dasar Keluarga Negara yang bertujuan membangunkan keluarga sejahtera dan cemerlang di samping mengamalkan nilai-nilai murni akan dilaksanakan pada tahun ini. Tumpuan akan diberikan kepada aspek pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak bagi memastikan kanak-kanak mendapat asuhan dan didikan awal yang sesuai dengan perkembangan diri masing-masing dari segi jasmani dan rohani. Selaras dengan usaha memantapkan institusi keluarga ini, tumpuan akan terus diberikan kepada golongan wanita. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta sedang mengkaji semula Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bagi memantap dan memperkemaskan lagi dasar dan strategi pembangunan wanita agar sesuai dengan perubahan persekitaran dan keperluan semasa.*

30. *Kerajaan Beta sedar bahawa usaha memantapkan institusi keluarga yang menjadi landasan kepada pembentukan masyarakat sejahtera akan terjejas sekiranya masalah sosial tidak dibendung. Dengan itu, di bawah Dasar Sosial Negara, Kerajaan Beta telah mengenal pasti tiga kumpulan sasaran yang perlu diberi perhatian utama dalam pelaksanaan program-program pembangunan masyarakat, iaitu kanak-kanak, remaja dan belia yang bakal memimpin negara di masa hadapan. Ke arah ini, program-program pendidikan, kesedaran dan penerapan nilai-nilai murni akan terus diberi penekanan.*

31. *Beta gembira kerana Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2004 menunjukkan bahawa indeks kualiti hidup rakyat telah meningkat daripada 100 mata pada tahun 1990 kepada hampir 110 mata pada tahun 2002. Ini adalah hasil usaha gigih Kerajaan Beta menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat termasuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan perhubungan. Namun begitu, indeks alam sekitar dan keselamatan awam menunjukkan tren menurun. Indeks alam sekitar menurun akibat penurunan kualiti udara dan air, manakala indeks keselamatan awam pula menurun akibat peningkatan kadar jenayah dan kemalangan jalan raya. Usaha-usaha gigih hendaklah diambil bagi meningkatkan kualiti kedua-dua bidang ini agar kualiti hidup rakyat bertambah baik.*

32. *Beta memandang serius kemalangan jalan raya yang terus berlaku. Penubuhan Jabatan Keselamatan Jalan Raya di bawah Kementerian Pengangkutan menunjukkan kesungguhan kita bagi menangani isu ini. Melalui pendidikan, penguatkuasaan dan kejuruteraan adalah diharapkan risiko kemalangan jalan raya khususnya kematian akan berkurangan. Budi bahasa di jalan raya harus diamalkan. Adalah diharapkan melalui usaha-usaha ini, sasaran untuk menurunkan indeks kematian jalan raya daripada 4.9 bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2003 kepada 2 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2020 akan tercapai.*

33. *Bagi melahirkan atlet negara bertaraf dunia, Kerajaan Beta telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Mamanda Timbalan Perdana Menteri. Dengan penekanan utama terhadap badminton, bola sepak, renang, gimnastik, hoki, olahraga dan skuasy adalah diharapkan mutu sukan negara akan dapat dipertingkatkan. Atlet negara yang memenangi pingat emas, perak atau gangsa pada Sukan Olimpik akan diberi pencen bagi menghargai sumbangan mereka mengharumkan negara.*

34. *Negara kita mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum yang bebas mengamalkan kepercayaan agama dan adat resam masing-masing serta mempunyai nilai, budaya dan warisan tersendiri. Beta berbangga dengan kesedaran bahawa tenaga manusia kita sedang diasuh semula untuk bersopan santun dan berbudaya. Bagaimana kita berbangga dengan kemajuan fizikal, begitulah juga hendaknya kemajuan kita di bidang asuhan sahsiah dan maruah diri. Tentunya aktiviti-aktiviti seperti merakyatkan seni, kempen budi bahasa dan amalan nilai-nilai murni serta pembudayaan bahasa akan memberi kesan yang positif kepada rakyat. Penyertaan rakyat berbilang kaum di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan adalah penting bagi menjana pembentukan bangsa Malaysia yang berasaskan Rukun Negara.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

35. *Beta amat prihatin mengenai bilangan pekerja asing yang besar jumlahnya di negara kita. Langkah-langkah harus diambil supaya kita tidak terlalu bergantung kepada mereka dalam pelbagai bidang. Kita harus melatih rakyat Malaysia untuk berdikari. Ini boleh dilakukan melalui peningkatan automasi dalam proses kerja serta menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja di sektor-sektor yang selama ini dilakukan oleh pekerja asing. Langkah-langkah mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin tentu akan lebih berkesan dengan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan.*

36. *Beta berbangga kerana di bawah kepimpinan Mamanda Beta, negara kita terus dihormati di peringkat antarabangsa. Kita akan terus menerajui proses integrasi ekonomi ASEAN bagi memastikan tercapainya matlamat penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2020. Sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam dan Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Malaysia akan terus berusaha mencapai kesepakatan sejagat dalam mencari perdamaian kepada konflik Asia Barat. Malaysia akan terus berperanan aktif dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta proses rundingan pelbagai hala di bawah Agenda Pembangunan Doha, Pertubuhan Perdagangan Dunia.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

37. *Beta menghargai khidmat Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Lantaran penghargaan ini, Kerajaan telah meningkatkan gaji dan elaun-elaun tertentu. Adalah diharapkan melalui usaha-usaha ini, perkhidmatan keselamatan kita akan melahirkan khidmat yang lebih cemerlang.*

Akhirnya, Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekalian supaya meneruskan khidmat cemerlang melalui budi pekerti yang tinggi. Sebagai pemegang peranan contoh di mata rakyat, Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah terus membela nasib rakyat dengan jujur dan ikhlas. Jalankanlah tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah,
Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**